

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 40

Khamis

22 Oktober 2015

## KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	1)
<b>USUL MENTERI DI BAWAH P.M. 27(3):</b>		
- Pengantungan Ahli Parlimen Gelang Patah Daripada Perkhidmatan Majlis Mesyuarat Selama Enam (6) Bulan	(Halaman	27)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>		
Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2015	(Halaman	65)
Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2015	(Halaman	75)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA  
Khamis, 22 Oktober 2015**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan jumlah hasil penyelidikan oleh para saintis negara serta penyelidik universiti yang telah dipatenkan dan telah dikomersialkan. Berapakah jumlah dan peratus daripada jumlah keseluruhan kajian yang telah dilakukan diguna pakai oleh syarikat tempatan dan antarabangsa.

**Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu bersekali dengan soalan Yang Berhormat Parit Sulong pada 5 November merangangkan isu yang dibangkitkan adalah berkaitan.

Untuk makluman Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, bagi tempoh 2007 sehingga 2014 sebanyak 730 hasil penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D telah pun dipatenkan. Daripada jumlah tersebut 78% adalah daripada universiti penyelidikan. Selain itu, sebanyak 1,191 harta intelek telah berjaya didaftar bagi tempoh tersebut.

Bagi tempoh yang sama juga, sebanyak 289 produk R&D telah dikomersialkan di mana 63% ialah daripada universiti penyelidik. Untuk produk R&D yang telah berjaya dikomersialkan ialah seperti berikut di antaranya ialah TYPHIDOT iaitu hasil diagnostik segera bagi demam kepialu oleh Dato' Profesor Dr. Asma Ismail daripada Universiti Sains Malaysia. Sekarang ini merupakan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi di mana telah menghasilkan nilai komersial sebanyak RM19 juta.

Keduanya ialah *bionic prosthetic* ataupun kaki palsu bionik oleh Dr. Noor Azuan Abu Osman daripada Universiti Malaya yang mana paten telah difaiklan di Amerika Syarikat dan menarik perhatian pelabur-pelabur daripada Jerman, Iceland dan juga Taiwan. Melalui Ekspedisi Kasih Bionik yang telah tersenarai dalam *Malaysia Book of Records*, produk ini mencipta sejarah. Apabila Azman Yeop Akil seorang atlet yang tidak mempunyai kaki dapat berjaya menyertai

jelajah berbasikal, boleh berbasikal sejauh 1,000 kilometer menggunakan kaki bionik yang dihasilkan oleh kumpulan penyelidik ini.

Seterusnya ialah Vaksin *Newcastle Disease*. Ini New Castle tidak ada kena-mengena dengan Kota Bharu. Ia tahan haba dan vaksin *Fowl Pox* oleh Profesor Datuk Paduka Dr. Aini Ideris daripada UPM yang mempunyai nilai komersial sebanyak RM2.7 juta dan juga *Membrane Technology for Gas Separation Process* oleh Profesor Dr. Ahmad Fauzi daripada UTM yang telah menembus pasaran antarabangsa Arab Saudi, Thailand dengan produk bernilai RM3.7 juta. *BioFil technology waste water treatment using Cosmo-balls* oleh Profesor Dr. Azni Idris, UPM juga mempunyai nilai komersial sebanyak RM5.7 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat kadar komersial, pengkomersian daripada hasil penyelidikan universiti tempatan yang diterima oleh industri di Malaysia ialah pada kadar hanya 4.2%. Kalau kita lihat ini rendah tetapi sebenarnya kadar diterima pakai di peringkat antarabangsa ialah 5%. Di Amerika Syarikat kadar komersialisasi hanya 4.7% dan

Berhubung untuk maklumat Yang Berhormat Parit Sulong, hasil daripada pengkomersian produk dan idea meliputi perkhidmatan konsultasi dan latihan yang telah mencatat jumlah pendapatan RM5.33 bilion bagi tempoh tahun 2007 hingga 2014 berbanding dengan dana yang disediakan oleh kerajaan sebanyak RM3.53 bilion. Ini mencatatkan lebih pulangan pelaburan dalam bidang penyelidikan sebanyak 50.6%. Terima kasih.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzi [Kulim-Bandar Baharu]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri dan saya ucapkan tahniah dan saya juga hendak sampaikan pesanan daripada kawan-kawan yang merasakan cukup rasa bangga dengan pelantikan Yang Berhormat kembali sebagai Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Mereka percaya bahawa dua tahun Yang Berhormat di sana, Yang Berhormat telah berjaya membawa suntikan semangat hingga membawa peningkatan yang baik kepada universiti tempatan.

#### ■1010

Cuma soalan saya Yang Berhormat, kalau kita melihat statistik daripada Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia, hanya 9% daripada dana R&D tempatan, daripada RM131 juta, 9% saja disalurkan kepada universiti tempatan. Kedua, walaupun angka Yang Berhormat Menteri maklumkan tadi *in terms of numbers is quite big*, 730 produk, 280 R&D yang berjaya dicommercialize kan. Akan tetapi dari segi tahap keyakinan swasta kepada penyelidikan tempatan ini masih lagi di tahap yang agak rendah.

Ketiga, saya nak cadangkan untuk pemikiran kementerian, kita mempunyai terlalu banyak dana, sama ada melalui MOSTI yang berjumlah berbilion, Yayasan Inovasi Malaysia, pelbagai *PE fund* daripada Kementerian Kewangan. Apakah kerajaan boleh memikirkan untuk kita kumpulkan dana ini dalam satu unit khas supaya ia dapat disalurkan kepada 5 universiti penyelidikan kita ini, Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, UKM, UPM dan UTM supaya tahap penyelidikan itu dapat ditingkatkan dan *commercialization* itu lebih bermakna daripada segi komersialnya itu. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya usaha-usaha sedang dilaksanakan supaya dana-dana tersebut dikumpulkan dalam satu jawatankuasa agar ianya senang diagih-agihkan agar pengagihannya tidak bertindih-tindih. Saya ingin memberitahu di sini memang walaupun kita lihat pencapaian kita 4.7% itu hanya perpuluhan 0.3% lebih rendah daripada kadar antarabangsa tapi kita ingin melihat pencapaian yang lebih.

Oleh sebab itu diwujudkan satu dana baru yang dipanggil *Public-Private Research Network* (PPRN) yang mana usahawan-usahawan kecil yang ada masalah dari segi *manufacturing* dan juga komersialisasi masalah dalam bidang pertanian, mereka boleh berjumpa dengan universiti dengan dana lebih kurang RM30 ribu hingga RM50 ribu untuk menyelesaikan masalah-masalah mereka.

Akan tetapi perlu juga diingatkan bahawa dalam kita melihat kejayaan penyelidikan, sekarang kita menggunakan ekosistem *quadruple helix* yang mana kita bukan hanya melihat kemajuan yang berlaku yang lebih dalam industri. Akan tetapi juga kita melihat bagaimana sektor penyelidikan ataupun sektor akademia universiti boleh membantu industri, boleh membantu kerajaan dan juga boleh membantu industri. Inilah angka-angka saya katakan tadi, apabila kita melihat menggunakan ekosistem *quadruple helix* yang bukan saja melihat taraf komersialisasi semata-mata tapi juga melihat apakah keuntungan yang boleh diperolehi oleh industri, kerajaan dan juga komuniti. Kita lihat banyak juga R&D kita yang lebih memberi manfaat kepada rakyat keseluruhannya.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri, di samping pendidikan sains yang diberi galakan oleh kerajaan, apakah pendirian kerajaan dalam pendidikan sosial ekonomi yang menjadi input penting kepada dasar pembangunan negara seperti isu membasmi kemiskinan, isu perpaduan nasional, isu pembangunan keusahawanan dan juga lain-lain isu kemasyarakatan dan kemanusiaan. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Benar Yang Berhormat, sebab itu saya mengatakan tadi dalam kita menilai hasil penyelidikan, kita menggunakan pendekatan *quadruple helix*, jadi bukan hanya semata-mata melihat dari segi pengkomersialan semata-mata. Oleh sebab itu apa saya katakan tadi apakah kebaikan yang boleh kita dapat untuk komuniti dan juga kerajaan, sebab itulah dalam bidang-bidang kemiskinan, perpaduan dan juga untuk kebaikan masyarakat diberi penekanan dan diberi pengiktirafan oleh kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Parit Sulong. Ringkas dan padat.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih. Soalan ringkas saja, soalan tambahan saya. Dalam menyasarkan 60 ribu pemegang PhD pada tahun 2025 di kalangan masyarakat Malaysia, jadi apakah kaedah dan mekanisme pemantauan yang dibuat oleh pihak

kementerian terhadap kualiti kajian yang dijalankan itu sendiri supaya kita mengejar kuantiti semata-mata dan mengabaikan kualiti hasil PhD tersebut. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Idris Jusoh:** Beberapa usaha sedang dilaksanakan di peringkat universiti. Oleh sebab itulah terkemudian ini kita lihat penyelidik-penyalidik kita telah mendapat award daripada *Thompson Reuters Web of Science* di mana baru-baru ini 14 penyelidik kita mendapat, merupakan, mempunyai *index citations* yang tertinggi, 1% tertinggi dalam dunia. Ini pengiktirafan yang dibuat oleh *Thompson Reuters* dan kita lihat baru-baru ini pun kita ada kerjasama dengan *Harvard, MIT, Oxford* dan beberapa universiti terkemuka di mana pelajar-pelajar kita bukan hanya menghabiskan PhD mereka tapi juga mereka digalakkan untuk membuat *post drop* mereka. Ini selepas PhD di universiti-universiti terkemuka agar mereka boleh menambah baik lagi kerja-kerja penyelidikan mereka.

2. **Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pengundi baru yang didaftarkan dengan SPR di setiap negeri sejak Mei 2013. Sila nyatakan sebab SPR menghalang parti politik mendaftar pengundi baru dan mekanisme yang digunakan oleh SPR untuk mendaftar pengundi baru.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah pemilih baru yang berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sejak bulan Mei 2013 sehingga daftar pemilih suku tahun kedua tahun 2015 adalah sebanyak 373,467 orang. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, SPR tidak pernah menghalang parti politik untuk mendaftar pengundi baru.

Berdasarkan kepada kajian terhadap kaedah dan prosedur pendaftaran berkaitan penolong pendaftar pemilih di kalangan wakil parti politik, SPR berpendapat tiada keperluan untuk meneruskan pelantikan baru penolong pendaftar pemilih tersebut. Berhubung dengan perkara ini, SPR sentiasa menjalankan kajian yang menyeluruh dan komprehensif terhadap kaedah dan prosedur pendaftaran sedia ada bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan urusan pendaftaran pemilih.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh SPR untuk menarik lebih ramai warganegara untuk mendaftar sebagai pemilih. Ini termasuklah menyediakan kaunter pendaftaran pemilih dan pameran di pusat membeli belah, pusat rekreasi, kawasan penempatan penduduk, institut pengajian tinggi awam dan pusat-pusat latihan yang berkaitan. SPR juga sentiasa terbuka untuk menerima jemputan untuk menyediakan kaunter pendaftaran pemilih dan pameran sekiranya terdapat jemputan bagi penganjuran program-program yang berkaitan.

Selain itu, individu yang berhasrat untuk mendaftar sebagai pemilih boleh mengunjungi saluran-saluran pendaftaran lain seperti di kaunter pendaftaran pemilih di ibu pejabat SPR Putrajaya, pejabat-pejabat pilihan raya negeri, pejabat daerah dan tanah, pejabat pihak berkuasa tempatan dan pejabat-pejabat pos yang terpilih serta kaunter-kaunter gerak SPR di seluruh negara. SPR telah mengadakan pelbagai aktiviti kesedaran dengan lebih berkesan termasuk menggunakan pelbagai saluran media dan juga melalui program turun padang, *outreach*.

SPR juga akan mula menjalankan pendekatan pendaftaran pemilih secara bergerak, *mobile* dengan menggunakan kenderaan karavan. Dengan adanya kemudahan karavan tersebut, ia akan memberi peluang kepada SPR untuk menjalankan program turun padang, *outreach* dengan lebih agresif dan seterusnya memberi kemudahan kepada orang awam untuk mendaftar sebagai pemilih. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sebenarnya agak hairan mendapat tahu yang SPR tidak halang parti politik untuk mendaftar pengundi baru tapi hanya tidak lantik penolong pendaftar yang baru. Masalah sekarang ialah ramai penolong pendaftar yang dulunya mereka mungkin adalah pembantu kepada wakil rakyat. Sekarang mereka tidak, yang lesen untuk ataupun kebenaran untuk mendaftar pengundi baru tidak dilanjutkan lagi.

#### ■1020

So, sekarang ada masalah yang mana dulu selalunya pengundi, orang yang ingin jadi pengundi baru, mereka datang ke pejabat wakil rakyat macam pejabat pusat khidmat saya tetapi sekarang kita tidak boleh buat ini lagi kerana SPR tidak lanjutkan lagi lesen penolong pendaftar ini. Jadi apakah penjelasan tentang ini?

Bolehkah kita juga tahu berapa ramai warga Malaysia yang layak membuang undi tetapi masih belum mendaftar sebagai pengundi? Ini kerana daripada angka yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi, agak kuranglah. Kalau kita bandingkan dengan orang muda di negara kita ini, hanya 373,000 pengundi baru sahaja. Jadi di dalam angka ini, bolehkah kita juga dapat tahu pecahan setiap negeri yang mana negeri yang mempunyai paling banyak ataupun paling kurang pengundi baru. Kalau sekarang tidak dapat beri, mungkin boleh beri secara bertulis.

Juga, apakah prosedur kalau NGO hendak daftar jadi penolong pendaftar bagi SPR, macam mana ini boleh dilakukan? Ini kerana di kawasan Parliment Seputeh ada satu JKKK yang daftar jadi penolong pendaftar bagi SPR tetapi itu kepunyaan MCA. Jadi bagi NGO lain kalau mereka berminat untuk membantu mendaftar pengundi baru, macam mana mereka boleh menjalankan tugasnya? Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Soalan tambahan Yang Berhormat Seputeh ini bukan satu tetapi tiga. Malangnya Yang Berhormat Seputeh ini tidak tahu kira. Tidak apalah, saya cuba jawab.

Soalan kedua itu, saya jawab, memandangkan senarai tersebut adalah sedikit panjang dan pecahan mengikut negeri, maka jawapan bertulis akan diberi. Itu pada soalan kedua.

Soalan pertama, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penolong pendaftar pemilih wakil parti politik hanya boleh melaksanakan pendaftaran baru di mana jumlah penolong pendaftar pemilih wakil parti politik yang masih sah pelantikannya sehingga bulan September 2015. Setakat ini adalah seramai 49 orang. Pecahan jumlah penolong pendaftar pemilih wakil parti politik yang

masih sah pelantikannya adalah seperti berikut: Wilayah Persekutuan, dua orang daripada DAP; Terengganu, satu orang daripada UMNO; dan Sarawak, 46 orang. Jumlahnya ialah 49 orang.

Soalan ketiga daripada Yang Berhormat ialah fasal NGO. Saya rasa Yang Berhormat Seputeh ini rajin. Pergilah ke pejabat SPR. Takkallah itu pun hendak minta jawapan dalam Parlimen. Bukannya tidak boleh cari jawapan. Sekarang dengan adanya sistem teknologi yang begitu canggih, dia boleh mendaftar kah, bertanya dan sebagainya. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Dato' Irmohizam bin Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Pertamanya saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada SPR yang menggerakkan usaha di kalangan rakyat khususnya dalam kesedaran menggerakkan *participation* demokrasi di Malaysia.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Sepanjang usaha dilakukan oleh pihak SPR, apakah cabaran atau kekangan yang dihadapi oleh SPR khususnya dalam menggerakkan usaha mendaftarkan pengundi baru melalui *reach out* dan sepanjang usaha dilakukan oleh SPR, perbandingan kaum di Malaysia yang paling tinggi khususnya yang mendaftar pengundi baru di Malaysia? Terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Disebabkan soalan itu adalah soalan berkenaan dengan cabaran dan kekangan dalam usaha untuk mendaftar pengundi baru, saya akan memberi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Kuala Selangor. Terima kasih.

**3. Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sejauh manakah keberkesanan Program Fit Malaysia yang giat dijalankan di seluruh negara dan adakah ia mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian dan nyatakan langkah pemantapan program berkenaan pada masa hadapan.

**Menteri Belia dan Sukan [Tuan Khairy Jamaluddin]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam Red Warriors.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Fit Malaysia telah dilancarkan pada bulan September 2014 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Setakat ini, sebanyak 13 acara telah dianjurkan di peringkat negeri dan telah mendapat sambutan yang besar daripada rakyat Malaysia.

Kementerian Belia dan Sukan juga telah menganjurkan sebanyak 1,936 Komuniti Fit Malaysia di 121 daerah dari permulaan tahun ini sampai akhir bulan Oktober. Kementerian juga telah menganjurkan sebanyak 360 *hotspot* Fit Malaysia di peringkat negeri dari bulan Januari hingga akhir bulan Oktober. Sehingga September 2015, pencapaian KPI Fit Malaysia telah melebihi sasaran 300,000 orang peserta iaitu seramai 347,052 orang.

Memandangkan Program Fit Malaysia ini mendapat sambutan yang begitu menggalakkan dan masyarakat kini lebih sedar tentang pentingnya menjalani gaya hidup yang

sihat dan cergas, maka kementerian telah bercadang untuk memperluaskan lagi gerakan Fit Malaysia ke peringkat Parlimen, DUN serta menambah bilangan program di peringkat daerah.

Kemuncak kepada Fit Malaysia ini adalah sambutan Hari Sukan Negara yang telah diadakan pada 10 Oktober yang lepas yang telah melihat 17,648 program yang diadakan yang melibatkan lebih daripada lima juta rakyat Malaysia serentak pada hari tersebut.

Namun demikian, kementerian tidak hanya melihat kepada bilangan peserta pada program-program Fit Malaysia, Gelombang Fit Malaysia dan juga program-program Hari Sukan Negara. Tujuan kita mengadakan Fit Malaysia ini adalah untuk menjadikan negara kita sebagai negara bersukan dan untuk kita menjadikan sukan sebagai budaya dan juga gaya hidup rakyat Malaysia. Jadi bukan hanya kita melihat kepada bilangan peserta, kita juga melihat kepada indikator-indikator yang lain secara jangka masa panjang.

Sebagai contoh, mengikut kajian yang telah dibuat oleh *Institute for Youth Research* ataupun IYRES di bawah Kementerian Belia dan Sukan, pada tahun 2014, kita telah buat satu survey di mana 40.8 peratus rakyat Malaysia yang terlibat dengan sukan sekurang-kurangnya dua kali seminggu yang dikategorikan sebagai aktif, 20 peratus rakyat Malaysia kurang daripada dua kali seminggu manakala 40 peratus rakyat Malaysia yang tidak terlibat langsung yang tidak aktif pada tiap-tiap minggu, langsung tidak beriadah dan langsung tidak bersukan.

Maka, untuk jangka masa yang panjang, kita hendak melihat bahawa angka penglibatan dalam sukan, penglibatan dalam aktiviti riadah ini meningkat sehingga ke tahap negara bersukan iaitu 60 hingga 70 peratus. Juga, kita ingin melihat kepada indikator-indikator lain seperti indikator kesihatan di mana umum tahu bahawa di Malaysia ini kita mempunyai ranking yang antara tertinggi di Asia Tenggara untuk penyakit-penyakit yang tidak berjangkit ataupun *non communicable diseases* seperti kencing manis, obesiti, sakit jantung, *hypertension* dan sebagainya.

Jadi tujuan kita mengadakan Fit Malaysia ini bukan hanya untuk kita memperluaskan lagi tapak penyertaan ataupun *talent base* supaya lebih mudah untuk kita mencari bintang sukan untuk masa depan tetapi juga untuk kita memastikan bahawa kita lebih cergas, lebih sihat dan lebih produktif untuk membantu kita mengurangkan penyakit-penyakit yang dapat juga mengurangkan perbelanjaan kita dari segi kesihatan umum ataupun kesihatan awam dalam masa yang akan datang.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan saya ucapkan tahniah atas program yang dijalankan. Saya difahamkan baru-baru ini Ahli-ahli Parlimen pun juga ada mengambil bahagian dalam Program Fit Malaysia dan saya ucap tahniah kerana Yang Berhormat Kangar katanya mendapat juara *fitness*, Yang Berhormat Masjid Tanah nombor dua dan Yang Berhormat Parit Sulong nombor tiga. *Red Warriors* tidak masuk.

Yang Berhormat Menteri, saya perhatikan dalam konteks menjalankan aktiviti ataupun program yang berkaitan dengan kecergasan ini, sememangnya telah dilaksanakan oleh kementerian secara konsisten sejak sekian lama. Seingatan saya, kalau dulunya dalam bentuk di

bawah Program Induk Belia Negara atas nama Malaysia Cergas, kemudiannya Rakan Muda atas nama Rakan Sukan dan seterusnya di bawah program *Sports for All* ataupun Sukan untuk Semua. Akan tetapi kita perhatikan lazimnya apabila bertukar kepimpinan, bertukar kementerian, perkara itu mungkin berubah dari segi *presentation* nya tetapi roh dan matlamat itu masih kekal di situ. Tinggal lagi, tidak ada satu usaha untuk menjadikan ini sesuatu yang lebih komprehensif merentasi agensi dan kementerian.

#### ■1030

Misalnya kalau kita rasakan pendapat Menteri dalam jawapan tadi mengatakan ini kita hendak bentuk satu *lifestyle*, satu gaya hidup dan mungkin bersifat *lifelong*. Tidakkah kementerian bercadang untuk menjadikan program ini juga turut dilaksanakan melalui sekolah-sekolah, IPT di bawah kementerian yang berlainan iaitu Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi misalnya supaya proses itu dilaksanakan secara berkekalan supaya akhirnya dia menjadi satu *lifestyle*. Pohon penjelasan.

**Menteri Belia dan Sukan [Tuan Khairy Jamaluddin]:** Terima kasih Yang Berhormat dan sudah pasti Yang Berhormat sebagai seorang yang pernah menerajui Kementerian Belia dan Sukan sangat tepat mengatakan bahawa dasar sukan untuk semua untuk menggalakkan kecergasan itu sudah pasti wujud sekian lama sebagai Dasar Sukan Negara. Jadi *maqasid* ataupun matlamat untuk kita menjadikan rakyat Malaysia lebih cergas itu sentiasa ada di dalam Kementerian Belia dan Sukan. Cuma *manhaj* ataupun pendekatannya mungkin berbeza dari semasa ke semasa. Bukan soal perubahan Menteri tetapi mungkin soal perubahan trend, perkembangan terkini dan sebagainya. Mungkin dahulu berbeza dari segi *presentation*nya. Hari ini lebih kepada larian, kayuhan dan sebagainya mengikut perkembangan terkini dan juga minat kepada mereka yang terlibat dalam bidang sukan.

Saya sangat setuju dengan saranan daripada Ahli Yang Berhormat bahawa kita harus melihat kepada pelaksanaan yang merentasi agensi. Sebab itu dalam hal ini kita mengamalkan Strategi Lautan Biru (*Blue Ocean Strategy*) di mana kita meruntuhkan tembok-tebok yang wujud antara agensi, antara kementerian supaya betul-betul ini menjadi satu gaya hidup yang diamalkan bukan hanya di bawah Kementerian Belia dan Sukan tetapi juga melalui kementerian-kementerian yang lain. Sebab itu, sebagai contoh, melalui sambutan Hari Sukan Negara, kita melibatkan semua kementerian. Kita melibatkan semua kementerian, 154 bilangan program yang dianjurkan oleh seluruh kementerian sebab kita hendak tunjukkan bahawa sambutan Hari Sukan ini bukan hanya dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan tetapi dijawai, dihayati dan diamalkan oleh setiap kementerian dan juga setiap agensi.

Malah kita telah turun ke peringkat IPT, 30 program yang melibatkan 22,497 mahasiswa di peringkat IPTA. Saya sendiri telah turun ke Universiti Malaya dan juga USIM. Antara universiti-universiti lain dan juga kita telah menggalakkan supaya sekolah-sekolah terlibat dalam sambutan Hari Sukan Negara sebagai *extension*, dengan izin kepada program ataupun dasar 1Murid 1Sukan.

Tidak lupa juga kepada Kementerian Kesihatan juga di mana kita telah pun bekerjasama rapat dengan Kementerian Kesihatan. Saya melihat usaha kita menjalankan Fit Malaysia ini adalah seiring dengan matlamat Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan lagi tahap kesihatan rakyat Malaysia. Saya sentiasa berbincang perkara ini dengan Menteri Kesihatan, dibentangkan Program Fit Malaysia dan Hari Sukan Negara di Jawatankuasa Kabinet berkenaan dengan sukan di mana ada wakil daripada kementerian-kementerian yang lain. Apa yang kita buat hari ini sebenarnya membantu. Contohnya Kementerian Kesihatan sebab seperti mana yang saya sebutkan tadi dengan izin *public health expenditure* akan dikurangkan sekiranya kita dapat meningkatkan tahap kecerdasan rakyat Malaysia.

Untuk rekod sebab disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi, Ahli-ahli Parlimen yang terlibat dalam sambutan Hari Sukan Negara yang telah memakai *activity tracker* tersebut yang telah menang dalam pertandingan setiap *challenge* itu, memang betul. Untuk kategori lebih daripada umur 45 tahun, Yang Berhormat Kangar telah mendapat tempat yang pertama, Yang Berhormat Kampar tempat kedua dan Yang Berhormat Kota Melaka tempat yang ketiga. Bawah umur 45 tahun, Yang Berhormat Serdang tempat pertama, Yang Berhormat Segambut tempat kedua dan Yang Berhormat Kulai tempat ketiga. Bagi kategori wanita, Yang Berhormat Kulai pertama, Yang Berhormat Masjid Tanah kedua dan Yang Berhormat Parit Sulong ketiga. Tahniah kepada semua yang terlibat.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan yang baik tadi. Saya terlebih dahulu mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya Kementerian Belia dan Sukan yang telah menjayakan Program Fit Malaysia baru-baru ini dan kemuncaknya Hari Sukan Negara pada 10 Oktober yang saya difahamkan akan diadakan pada setiap tahun mulai tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Menteri bahawa yang penting kepada kita dalam sukan ini adalah bukan sahaja pencapaian tetapi juga kelangsungan atau *continuity* dengan izin dalam kita mewujudkan satu dengan izin, *sporting culture* ataupun budaya kesukuan dalam negara kita ini di kalangan rakyat. Kedua, bergantung kepada sama ada aktiviti sukan ataupun program sukan yang kita anjurkan ini dikaitkan juga dengan aspek *education* ataupun pendidikan.

Jadi soalan saya, apakah mekanisme yang akan dilaksanakan oleh kementerian untuk mewujudkan *sporting culture* ini dengan izin dalam negara kita sebagaimana yang amat dititik beratkan dalam negara-negara yang maju dalam sukan umpamanya di Amerika. Di samping itu, adakah kerajaan bercadang untuk meluaskan pembinaan atau mewujudkan sekolah sukan sekurang-kurangnya sebuah sekolah sukan di setiap negeri di Malaysia ini. Adakah juga akan mewujudkan kolej sukan ataupun universiti sukan dalam negara kita ini. Terima kasih.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat dan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat berkenaan dengan *sporting culture* dan juga matlamat untuk menjadikan kita sebagai sebuah negara bersukan. Saya setuju dengan pandangan Yang

Berhormat bahawa perlu dikaitkan rapat dengan soal pendidikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut bidang tugas kementerian, sekolah-sekolah sukan itu diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan. Namun demikian, Kementerian Belia dan Sukan sangat bekerja rapat dengan sekolah-sekolah sukan. Sebagai contoh, sekolah sukan pertama iaitu di Bukit Jalil diletakkan sebelah Majlis Sukan Negara dan produk daripada sekolah-sekolah sukan sama ada sekolah sukan di Bukit Jalil, sekolah sukan di Bandar Penawar, sekolah sukan di Gambang, Pahang dan juga sekolah-sekolah sukan yang baru sahaja dibina di Terengganu dan juga di Sabah itu semua diserapkan sebagai atlet-atlet pelapis.

Kita juga sedar bahawa ada keperluan dan ada juga permintaan untuk diwujudkan sebuah kolej ataupun sebuah universiti sukan dan perkara ini telah dimajukan kepada pertimbangan Kementerian Pengajian Tinggi. Buat masa ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kita ada beberapa universiti seperti Universiti Malaya, UiTM dan sebagainya yang mempunyai fakulti sukan.

Buat masa ini, kebanyakan daripada atlet kita, bakal jurulatih kita dan juga mereka yang terlibat dan minat dalam bidang pengurusan sukan, sains sukan, perubatan sukan dan sebagainya melalui universiti-universiti awam yang biasa tetapi melalui fakulti sukan. Kita telah menerima minat daripada beberapa universiti antarabangsa. Contohnya *Loughborough University* dan *Stirling University*. Antara universiti-universiti di United Kingdom yang mempunyai program sukan yang bertaraf antarabangsa dan mereka sedang mengkaji dan menjalankan *feasibility study* untuk menubuhkan sebuah universiti sukan swasta di Malaysia.

Namun demikian, saya percaya dan yakin bahawa permintaan Kementerian Belia dan Sukan kepada Kementerian Pendidikan adalah untuk memastikan bahawa sekurang-kurangnya di setiap negeri harus wujud sekolah sukan supaya kita dapat membudayakan sukan melalui pendidikan. Terima kasih.

**4. Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]** minta Perdana Menteri menyatakan rasional rumah mampu milik yang dibina oleh Perbadanan PR1MA meletakkan harga yang terlalu tinggi menyebabkan ia tidak mampu dimiliki rakyat.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PR1MA menyediakan rumah yang berkualiti dan selesa di lokasi-lokasi strategik kawasan bandar dan juga pinggiran bandar. Pembangunan PR1MA untuk golongan sasarnya menampilkan persekitaran yang kondusif melalui penyediaan kemudahan dan utiliti sedia ada seperti kemudahan komuniti bagi mengurangkan kos sara hidup dan berdekatan dengan infrastruktur yang lengkap. *Accessibility* pengangkutan awam seperti kemudahan bas dan LRT, MRT memainkan peranan penting dalam merancang dan mengenal pasti lokasi pembangunan PR1MA. Selain itu kemudahan lain yang lengkap seperti sekolah serta kawasan komersial berdekatan turut disediakan.

**■1040**

Melalui pembangunan kemudahan ini secara keseluruhannya PR1MA merupakan medium bagi pembangunan komuniti selain menyediakan rumah untuk rakyat.

PR1MA bukan sahaja untuk menjadi pemangkin pembangunan isu-isu ekonomi khususnya untuk pembelinya tetapi secara tidak langsung turut memberi kesan kepada masyarakat setempat. Harga rumah yang ditawarkan oleh PR1MA adalah pada harga yang mampu dimiliki oleh golongan berpendapatan sederhana iaitu pada harga antara RM100,000 sehingga RM400,000 mengikut jenis dan lokasi.

Semoga usaha PR1MA ini dapat mendorong pemaju swasta agar lebih berdaya saing untuk menyediakan perumahan mampu milik yang menepati permintaan pasaran semasa. Sesungguhnya PR1MA amat menggalakkan pemaju swasta menandingi tanda aras yang telah disasarkan demi manfaat rakyat. Terima kasih.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya difahamkan oleh Persatuan Pembeli Rumah Kebangsaan, PR1MA yang pada matlamat awalnya adalah untuk membantu agar program mampu milik untuk rakyat tetapi dengan harga yang tinggi ini telah membuatkan rakyat tidak mampu untuk memiliki rumah PR1MA ini. Dan rumah PR1MA ini juga dibuka sebagai rumah kedua juga. Jadi saya juga hendak tahu setakat ini berapakah rumah PR1MA ini telah dibina dan berapakah unit yang telah diduduki?

Saya juga difahamkan bahawa walaupun PR1MA ini kononnya dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri dibina di kawasan-kawasan strategik tetapi oleh sebab mengambil kepentingan pemaju dan sebagainya rumah-rumah PR1MA ini juga dibina di kawasan-kawasan luar bandar. Jadi saya kalau dibandingkan dengan Program Rumah Selangorku daripada Kerajaan Negeri Selangor, ia amat lebih mudah dimiliki dengan harga daripada RM42,000 sampai RM250,000 yang juga adakan *community service* seperti apa disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Jadi saya rasa Kerajaan Pusat sekarang ini harus memikirkan bahawa dengan keadaan ringgit kita turun, tol naik, lepas itu GST dan sebagainya, rakyat tidak mungkin boleh memiliki rumah yang semahal ini sampai ditukar daripada RM350,000 kepada RM450,000.

Jadi kita tidak mahu rumah mampu milik ini menjadi rumah mampu tiang sahaja. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan kepada Yang Berhormat tadi, PR1MA ialah rumah untuk mereka yang berpendapatan sederhana. Jadi, yang lain-lain itu dia ada skim di bawah agensi dan juga kementerian yang telah ditentukan seperti Rumah Mesra Rakyat, Rumah Mampu Milik. Jadi SPNB dan juga kementerian lain, dia ada program khusus untuk tujuan tersebut. Jadi untuk yang mereka berpendapatan sederhana, maka kita perkenalkan PR1MA.

Yang Berhormat, ini ialah untuk berpendapatan sederhana yang mempunyai pendapatan di antara RM2,500 sehingga RM10,000. Kalau Yang Berhormat sebut Selangor yang membina rumah di antara RM40,000 sehingga RM450,000 tetapi apakah pendapatan yang disyaratkan kepada mereka? Yang Berhormat, kalau sekiranya orang yang berpendapatan tinggi beli rumah yang murah tak betul. Kita contohnya rumah RM40,000. Kata Yang Berhormat sebut RM40,000 di Selangor, kalau pendapatannya RM2,500 ke RM10,000 dia tak patut beli rumah yang berharga RM40,000. Itu sebab Kerajaan Pusat menetapkan bahawa mereka yang berpendapatan RM2,500 ke bawah, dia ada skim dia. Mereka yang berpendapatan RM2,500 sehingga RM10,000 ada skim dia.

Jadi kita ada yang PR1MA ini yang khusus yang Yang Berhormat sebutkan bahawa ini rumah mampu milik, ya. Mampu milik untuk mereka yang berpendapatan sederhana. Mereka yang berpendapatan rendah kita ada program yang telah kita perkenalkan macam Rumah Mesra Rakyat. Bagi mereka yang tidak mampu langsung kita ada program eKasih dan sebagainya. Jadi perkenalan yang dibuat oleh Kerajaan Pusat adalah yang terbaik kerana meletakkan mereka dalam pelbagai tahap pendapatan untuk layak mendapatkan rumah. Bagi anggota kerajaan Yang Berhormat, anggota kerajaan perumahan 1Malaysia ini, hal ini juga untuk mereka yang berpendapatan sederhana. Kita tidak mahu mereka yang berpendapatan sederhana ini melanggar untuk program ini Rumah Mesra Rakyat ataupun mereka yang berpendapatan rendah.

Jadi untuk PR1MA Yang Berhormat, mereka yang berpendapatan sederhana ini akan mendapat nilai tambah kepada harga sekarang. Contohnya mungkin dalam tiga atau empat tahun lagi, rumah ini akan mendapat nilai mungkin dua kali ganda atau pun tiga kali ganda sebab mereka berada di kawasan pinggir bandar. Bagi sesetengah tempat Yang Berhormat sebut, mereka berada jauh di bandar dan sebagainya.

Yang Berhormat kena ingat bahawa dalam pembangunan sekarang, kita tidak akan menyangka bahawa yang berada di ceruk itu kadang-kadang mereka berada di tengah. Contohnya bila berlaku pembinaan *highway*, orang yang berada jauh di ceruk sana tiba-tiba mereka berada di tengah kerana rumah mereka berdekatan *highway*. Jadi pembangunan sekarang ini tak boleh dilihat bahawa mereka berada di kampung seolah-olahnya mereka terpinggir. Kadang-kadang kalau *highway* melalui kampung yang berkenaan harga tanah dan juga lain-lain aspek dia akan berubah. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tidak faham mengapa kita tubuhkan PR1MA? Sekarang kita fikir ia sama macam kontraktor-kontraktor luar juga, harga meningkat tinggi dan PR1MA mengaut keuntungan yang begitu besar. Jadi saya fikir, saya cadangkan kita tak usah tubuhkan PR1MA lagi kerana ini menggalakkan orang membuat keuntungan begitu besar. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah rakyat yang berpendapatan sederhana

RM2,000 mampu memiliki rumah PR1MA kerana ia menjangkau sampai RM400,000 satu buah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat ini terlampaui umum untuk kita menutup PR1MA kerana harganya tinggi. Yang Berhormat kena ingat bahawa PR1MA masuk dalam pasaran dengan meletakkan syarat bahawa rumah PR1MA mesti 20% rendah daripada harga pasaran. Jadi bererti kalau harga pasaran sekian banyak, PR1MA akan pastikan supaya harga yang ditentukan oleh PR1MA 20% lebih rendah.

Yang Berhormat, kalau kita bukan meletakkan keuntungan kepada kontraktor tetapi kita meletakkan keuntungan kepada pembeli. *[Disampuk]* Tidak, kalau ada Yang Berhormat, kalau benda yang khusus, Yang Berhormat kalau ada kes yang khusus Yang Berhormat boleh *refer* kepada saya. Sekarang ini pun kita telah, Lembaga PR1MA telah meluluskan 200,000 rumah dan dalam pembinaan sekarang kita ada 64,974. Kalau untuk Sabah kita ada 6,092 yang melibatkan lapan projek. Jadi Yang Berhormat Marcus dan juga Yang Berhormat Kalabakan boleh lihat perkara ini. Akan tetapi saya hendak beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua bahawa rumah kita, rumah PR1MA 20% lebih rendah daripada harga pasaran dan PR1MA hadir bukan untuk hendak jual rumah sahaja.

PR1MA hadir untuk membina komuniti masyarakat supaya masyarakat Malaysia di masa akan datang terutamanya mereka yang berpendapatan sederhana dapat hidup aman dan damai, dapat berjiran dengan baik di antara pelbagai kaum di negara ini. Ini matlamat besar, bukan membeli rumah tetapi memberi kemasyarakatan. Jadi Yang Berhormat patut memberi sokongan. Kalau ada kes Yang Berhormat, kontraktor buat untung lebih, ada penyelewengan, Yang Berhormat bagi tahu.

Tindakan akan diambil serta-merta sebelum 24 jam sebab ini, benda ini tak boleh dibiarkan sebab kita tidak mahu nama baik PR1MA Yang Berhormat yang sekarang ini elok. Malah pihak pembangkang pun puji PR1MA. Macam Yang Berhormat Kota Melaka, dia memuji-muji PR1MA dan kerana PR1MA dibuat di kawasannya dan dia lihat PR1MA telah memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat. Jadi tanpa mengira kaum.

#### ■1050

Bila kita buat *balloting*, kita buat *balloting* terbuka seluruh rakyat Malaysia. Walaupun kadang-kadang kita kena tengok juga tentang demografi kependudukan rakyat tetapi bila kita buat *balloting*, terbuka Yang Berhormat. Jadi, kehadiran PR1MA sebenarnya memberi wadah perjuangan baru rakyat supaya bukan sahaja dapat rumah yang lebih murah yang berpendapatan sederhana tetapi dapat satu komuniti kemasyarakatan untuk masa depan rakyat. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya kemukakan soalan tambahan. Terlebih dahulu saya hendak merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kerana telah dapat menyiapkan 39,000 unit rumah PR1MA negeri Pahang dengan harga RM150,000 yang mana pegawai kerajaan diberikan diskaun sebanyak 10%. Dalam perancangan yang akan datang ini akan membina rumah PR1MA berharga RM80,000 di negeri Pahang di bawah Kerajaan Negeri Pahang.

Persoalan saya soalan tambahan ini, adakah kerajaan akan memperkenalkan satu skim pembiayaan baru dengan kadar bayaran bulanan yang jauh lebih rendah bagi membantu individu yang gagal memperolehi pinjaman bagi memiliki rumah di bawah Projek PR1MA ini? Ini yang mana kalau boleh skim tersebut persekitaran bayarannya antara RM400 ke RM500. Kita tahu ramai hari ini pemohon-pemohnnya yang tidak berjaya kerana tidak mendapat cukup pendapatan bagi membayar bulanan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap tahniah kepada Kerajaan Pahang yang membina rumah peringkat awal yang berharga RM100,000 ke atas. Akan tetapi Yang Berhormat, berhubung dengan harga bawah daripada RM100,000 itu ini ialah khusus untuk Pahang. Ini sebenarnya ialah Kerajaan Negeri Pahang dari usaha mereka kerana harga PR1MA seperti yang saya sebutkan ialah berharga RM100,000 ke atas. Yang Berhormat, ada satu yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini bahawa bagi mereka yang mendapat rumah PR1MA dan tiba-tiba dia tidak mendapat pinjaman daripada mana-mana institusi kewangan. Maka, kita perkenalkan Skim *Rent to Own*, dia sewa untuk beli. Makna kata, dia membayar sewa tetapi kita *convert* kepada bayaran caruman bulanan.

Jadi, bagi mereka yang tidak dapat pinjaman, mereka boleh menyertai Skim *Rent to Own* PR1MA. Jadi, bila mereka dapat PR1MA, sudah pasti mereka sudah berada dalam keadaan lega kerana PR1MA akan memastikan supaya mereka memiliki rumah yang berkenaan. PR1MA juga mendapat kelulusan daripada pihak institusi kewangan. Bila mereka dapat rumah PR1MA, mereka tidak perlu belanja apa lagi. Jadi, kita bagi pinjaman sampai ke tahap 110%. Jadi, dia tidak perlu buat bayaran apa lagi. Jadi, inilah keistimewaan yang saya ingat wakil-wakil rakyat dan semua rakyat Malaysia harus bagi sokongan. Bila dapat PR1MA sahaja, pihak PR1MA akan uruskan supaya dia dapat pinjaman di antara 95% sehingga 110%. Jadi, bayaran untuk khidmat guaman, duti setem, wang pendahuluan dan lain-lain lagi dia tidak perlu berbuat demikian.

Jadi sebenarnya, lihat PR1MA yang kita masukkan dalam iklan kita bahawa dia sebenarnya ialah untuk masa depan rakyat Malaysia. Jadi, bagi sokongan Yang Berhormat. Kalau ada masalah, Yang Berhormat bagi tahu bahawa kita akan turun ke padang serta-merta untuk memastikan supaya masalah tidak timbul. Kita hendak pastikan supaya mereka yang dapat rumah PR1MA, dia tidak perlu bimbang lagi, dia cuba buat pinjaman bank tetapi kalau gagal, dia akan menyertai Skim PR1MA, *Rent to Own*. Jadi Yang Berhormat, begitulah keadaan...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: [Menyampuk]**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Sokong penuh, terima kasih. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh sokong penuh, jadi saya ucap terima kasih. Kepada semua Ahli Yang Berhormat bagi sokongan penuh kerana PR1MA ialah untuk masa depan rakyat. Terima kasih.

5. **Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan apakah FRIM akan menilai semula berbagai caj yang agak mahal dan bertentangan usaha untuk meningkat aktiviti kesedaran hutan di kalangan orang awam. Apakah FRIM benar-benar komited untuk menjalankan aktiviti advokasi dan kesedaran alam sekitar tanpa beban kos yang tinggi.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gerik. Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) adalah agensi yang bertanggungjawab dalam penyelidikan perhutanan tropika di Malaysia. Jadi, FRIM juga telah diiktiraf sebagai warisan semula jadi negara dan warisan kebangsaan. FRIM juga menyediakan kemudahan-kemudahan riadah, kesedaran alam sekitar seperti yang disebutkan tadi seperti dalam soalan seperti riadah, di mana ada *track jogging*, *mountain bike* dan sebagainya, rekreatif dan perkelahan, titian kanopi, galeri pendidikan dan sebagainya, macam-macam ada. Jadi, FRIM peka tentang dalam usaha meningkatkan kesedaran alam sekitar di kalangan masyarakat.

Justeru, pada masa ini fi masuk yang dikenakan FRIM kepada pengunjung semenjak tahun 1996 masih kekal RM1.00, sangat murah. Walau bagaimanapun tiada caj fi masuk dikenakan kepada pengunjung OKU dan pelajar beruniform. Cuma caj-caj lain adalah bergantung kepada kemudahan-kemudahan tertentu yang disediakan, yang boleh digunakan oleh pengunjung. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih pihak kerajaan. FRIM ini sebenarnya sudah lama ditubuhkan tetapi orang ramai di peringkat bawah rasanya kurang mengenali FRIM walaupun FRIM sepatutnya mendidik masyarakat untuk menjaga hutan. Dalam Parlimen saya, Gerik, hampir separuh terdiri daripada hutan simpan seperti Royal Belum. Soalan saya, apakah program yang telah dijalankan oleh pihak kementerian untuk memperkasakan penghayatan ataupun kesedaran kepentingan hutan kepada masyarakat? Bermula daripada peringkat rendah hingga ke peringkat tinggi. Begitu juga soalan hendak bertanya, apakah pengkomersilan produk hasil inovasi FRIM yang menjurus kesedaran alam sekitar? Minta pihak kerajaan menjawab.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gerik. Jadi, betullah sehingga kini ramai yang tidak mengetahui ataupun FRIM ini tidak popular. Ini kerana selama ini segala kejayaan yang diterima baik, banyak kejayaan oleh FRIM tidak diketahui ramai. Jadi, tadi ada dua soalan tentang kempen kesedaran yang boleh dibuat melalui FRIM atau daripada FRIM dan sebagainya dan kedua, tentang pengkomersilan.

Saya hendak jawab yang kedua dahulu sebab ada kaitan dengan yang pertama. Mudah kata atau yang mudah difahami ialah kalau kita boleh kaitkan dengan *eco tourism*. Ini kerana

FRIM ini salah satunya seperti saya sebut tadi adalah membantu untuk memulihara *rain forest* atau hutan hujan. Sekali gus, dapat mewujudkan satu ekosistem yang lengkap dalam hutan iaitu biodiversiti di mana di dalamnya mengandungi flora, fauna dan sebagainya. Sudah tentu ini menarik pelancong-pelancong datang untuk sama-sama rasa tentang alam sekitar, rasa selesa, rasa nyaman dan juga membuat inventori tentang biodiversiti dan sebagainya. Seperti yang disebut tadi Hutan Belum di Perak ramai pengunjung di sana. Itu paling mudah dari segi pengkomersilan. Akan tetapi pada masa yang sama juga FRIM telah pun berjaya menghasilkan beberapa inovasi.

■1100

Yang paling ketara ialah inovasi ke atas penggunaan kayu getah sebagai bahan mentah alternatif industri perabot negara. Di mana sejak berjayanya, ini sejak 2009, industri perabot berasaskan kayu getah Malaysia telah pun memberi pulangan sekitar RM6 bilion hingga RM7 bilion setahun, selain daripada beberapa lagi inovasi seperti tisu kultur dan lain-lain termasuklah yang paling popular bagi Gerik, Tongkat Ali.

Ini semua menghasilkan produk dalam bentuk pengkomersialan. Ada beberapa lagi yang tidak perlu saya sebut di sini tidak sempat, nanti kita boleh bincang di luar. Sekali gus ini menarik perhatian orang ramai untuk sayang kepada alam sekitar.

Jadi Yang Berhormat Menteri *National Resources and Environment* (NRE) telah pun mengarahkan pegawai-pegawai supaya mengambil satu pendekatan lain yang lebih menarik iaitu pemeliharaan dan pemuliharaan sumber asli yang berkait rapat dengan alam sekitar hendaklah sekalikan ataupun *concurrent* dengan pengkomersialan supaya *either* boleh *better*, dan sekali gus menarik orang ramai untuk sama-sama menjaga alam sekitar. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Hulu Langat.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberi tadi. Menyambung soalan daripada Yang Berhormat Gerik, saya difahamkan penyelidik FRIM banyak menjalankan penyelidikan yang *significant* untuk konservasi hutan negara dalam usaha menjaga kesejahteraan manusia dan hidupan lain. Malangnya, sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Gerik tadi, banyak maklumat yang patut didedahkan kepada masyarakat tidak sampai kepada masyarakat.

Jadi soalan tambahan saya, apakah penyelidikan dan inovasi yang disebutkan tadi yang menjadi keutamaan kepada FRIM yang memberi sumbangan besar dalam pemeliharaan alam sekitar serta dapat membantu meningkatkan kualiti hidup manusia? Ini supaya dengan pendedahan ini, maka kita dapat lagi memberi kesedaran tentang peri pentingnya menjaga alam sekitar. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Seperti yang saya sebut tadi, selain daripada perkara-perkara yang saya jawab soalan tambahan daripada Yang Berhormat Gerik tadi, FRIM memang banyak hasil kajian yang telah pun berjaya

dihasilkan. Betul, ramai yang tidak mengetahui, Yang Berhormat Menteri telah pun mengarahkan supaya perkara ini diatasi dan satu pendekatan yang paling berkesan kami fikir ialah dengan FRIM diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam pengkomersialan. Itu yang paling berkesan sekali lah kita hendak buat *concurrent*.

Di mana Yang Berhormat Menteri meminta supaya Akta FRIM itu sendiri diubah kerana banyak hasil inovasi FRIM itu sendiri yang boleh dikomersialkan. Saya hendak sebut di sini, salah satu - ada beberapa hasil inovasi FRIM telah pun dipinang ataupun dirisik, maknanya ditawarkan dengan harga yang tinggi oleh negara Korea malahan oleh negara Israel, saya diberitahu oleh pegawai FRIM. Akan tetapi kita tidak bolehlah jual kepada mereka. Sayang produk-produk ini tidak dapat dikomersialkan. Itu menjadi keutamaan kepada FRIM sepertimana arahan Yang Berhormat Menteri NRE yang baru daripada Santubong.

Jadi sudah tentulah ia akan menjurus kepada apresiasi alam sekitar semula jadi yang bernilai tinggi. Kalau saya hendak senaraikan satu persatu anugerah yang telah disenaraikan, salah satunya saya sebut di sini ialah tadi saya sebut Anugerah *Green Invention Order of Merit* dan *Forestry Order of Merit* 2013 daripada Korea. Ini daripada peringkat antarabangsa. Lapan paten dari Malaysia berjaya menghasilkan sistem pengeringan suhu tinggi bertaraf antarabangsa untuk merawat kayu getah tanpa menggunakan rawatan bahan kimia dan menerima anugerah seperti tadi. Juga berjaya mendapatkan lapan *pattern*, dari Malaysia, Amerika Syarikat, Thailand, Vietnam, Indonesia, Singapura dan India. Ini di antaranya.

*Alhamdulillah*, Malaysia telah pun mengisytiharkan FRIM sebagai tapak warisan semula jadi negara pada 2009, dan pada tahun 2012 pula diisyiharkan sebagai warisan kebangsaan. Ini memberi perlindungan kepada FRIM dan membolehkan segala kecemerlangan aktiviti R&D dan sebagainya terus dihayati dan menjadi mercu tanda masyarakat Malaysia dan antarabangsa. Sekian terima kasih.

**6. Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan apakah usaha kerajaan untuk merundingkan semula *Power Purchase Agreement* (PPA) yang jelas merugikan negara dan rakyat. Adakah terdapat usaha untuk meminda mana-mana undang-undang bagi membolehkan perjanjian ini didedahkan kepada umum.

**Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]**: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Batu Gajah. *Power Purchase Agreement* (PPA), dengan izin, merupakan perjanjian komersial di antara dua pihak iaitu pihak penjana bebas dan Tenaga Nasional ataupun TNB, di mana terdapat klausa kerahsiaan isi kandungannya dalam perjanjian berkenaan. Oleh yang demikian, tiada maklumat boleh didedahkan kepada umum berkenaan perjanjian ini tanpa persetujuan kedua-dua pihak berkenaan.

Namun begitu, pindaan yang baru dibuat terhadap Akta Bekalan Elektrik 1990 (Pindaan) 2015 seksyen 9E telah memperuntukkan bahawa sebarang perkiraan ataupun *arrangement*,

dengan izin, oleh pemegang lesen hendaklah tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Tenaga sebagai *third party*.

Beberapa usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi mengurangkan kos penjanaan dan membesarlu tarif komersial PPA sedia ada.

Untuk makluman, IPP Generasi Pertama akan tamat tempoh konsesi di dalam tahun 2015 sehingga 2017. TNB dan IPP juga telah diperuntukkan untuk menandatangani PPA baru yang telah disemak dan ditanda aras dengan perjanjian pembelian tenaga terkini oleh Suruhanjaya Tenaga.

Pada pertengahan tahun 2015, Suruhanjaya Tenaga sekali lagi telah melaksanakan proses bidaan *Soft Term Capacity* bagi IPP dan TNB yang akan tamat tempoh bagi maksud untuk melanjutkan tempoh konsesi selama 2 tahun 10 bulan sehingga 3 tahun 10 bulan lagi. Bagi bidaan ini, penjana diminta untuk menawar tarif yang kompetitif bagi tempoh pelanjutan memandangkan semua kos pembiayaan bagi projek telah dibayar sepenuhnya dalam jangka waktu konsesi sedia ada.

Selanjutnya, Suruhanjaya Tenaga juga telah melaksanakan *New Enhanced Dispatch Arrangement* (NEDA) pada 29 Oktober 2015 di mana penjana yang mempunyai konsesi boleh menawarkan pengurangan kadar kepada *Variable Operating Rate* (VOR) dengan izin, atas kos penjanaan mereka.

Jelas ini semua mencerminkan bahawa kerajaan telah mengambil banyak langkah bagi memastikan supaya perjanjian-perjanjian yang dimeterai antara pihak-pihak yang terlibat dalam industri penjanaan elektrik ini tidak merugikan negara dan membebankan rakyat dan tidak timbul keperluan untuk mengubah mana-mana undang-undang untuk mendedahkan mana-mana perjanjian yang bersifat rahsia kepada umum. Terima kasih.

#### ■1110

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Perjanjian konsesi antara kerajaan dan penjana tenaga bebas IPP menyebabkan negara mengalami kerugian apabila sejumlah lebih kurang RM19 bilion seperti pada tahun 2010, diperuntukkan setiap tahun untuk membayar subsidi kepada pihak terbabit. IPP dilindungi oleh PPA. IPP menjual tenaga dengan harga yang mahal kepada TNB dan TNB diwajibkan membelinya manakala Petronas pula wajib memberi subsidi kepada IPP.

Ini hanya menguntungkan kira-kira 26 syarikat tetapi menjerut rakyat di mana kenaikan tarif elektrik adalah disebabkan TNB terpaksa menanggung IPP ini. Kerajaan telah menarik subsidi kepada rakyat tetapi kerana perjanjian gelap dan berat sebelah ini, kerajaan terpaksa memberi subsidi kepada IPP. Sehingga kini tidak ada pendedahan tentang inti pati perjanjian pembekal tenaga bebas kepada Tenaga Nasional Berhad.

**Beberapa Ahli:** Soalan, soalan.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Sekarang saya masuk soalan. Adakah benar pertembungan mantan Perdana Menteri Tun Mahathir dan Perdana Menteri sekarang adalah berpunca kepada kroni 1MDB? Perdana Menteri telah melangkah masuk

sempadan IPP yang selama ini dikuasai oleh mantan Perdana Menteri. Jadi, bolehkah Menteri mengambil kesempatan ini untuk mendedahkan semua perjanjian IPP dan berjanji untuk menghentikan semua amalan perjanjian gelap dan berat sebelah yang merugikan rakyat jelata. Menteri mesti berani menjawab soalan ini. Yang mana betul kita sokong, yang mana yang salah kita tentang demi rakyat. Terima kasih Menteri.

*[Tepuk]*

**Seorang Ahli:** Panglima mesti mahu berani.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya tuduhan itu tuduhan liar dan tidak betullah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita telah melaksanakan semenjak tahun lalu dan dilaksanakan mulai tahun ini yang kita sebut "*imbalance past through*" dan di bawah *Program Imbalance Past Through* ini kerajaan telah mengambil ketetapan supaya kos gas yang dibekalkan kepada IPP dalam bentuk subsidi oleh pihak Petronas itu dikurangkan setiap enam bulan RM1.50 satu MMBTU.

Maka, ini akan terus menaikkan kadar ataupun kos gas kepada setiap IPP tersebut. Kita yakin di bawah perkara ini, ini adalah satu program yang telus dan tujuan kita ialah supaya mengurangkan subsidi dan pada masa yang sama mempasskan kepada pihak pengguna apa-apa *saving* yang Petronas telah pun *save*, dengan izin daripada diberi kepada penjana-penjana. Namun kerana kerajaan begitu baik, dua kali enam bulan ini pihak kerajaan telah menanggung kenaikan tarif yang harusnya di *pass* kepada pengguna kerana harga gas kepada penjana-penjana ini telah dinaikkan RM1.50 setiap enam bulan bagi MMBTU. Terima kasih.

7. **Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah projek kereta api laju dari Kuala Lumpur ke Singapura akan diteruskan. Apakah kesan keuntungan ekonomi yang dapat diperoleh kepada negara kita.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, dalam pertemuan Permukiman Keenam Pemimpin-pemimpin Malaysia-Singapura pada 5 Mei 2015 yang lalu, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia bersama Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong telah menegaskan komitmen kedua-dua kerajaan dalam melaksanakan *Project High Speed Rail* (HSR) ataupun Projek Kereta api BerkelaJUAN Tinggi ini termasuk mengumumkan untuk menyelaras semula terma-terma selain penetapan tarikh siap yang baru dalam merealisasikan projek HSR ini.

Antara terma yang berbangkit di peringkat rundingan bersama pihak Singapura adalah dalam aspek-aspek teknikal, komersial dan keselamatan. Dalam masa yang sama, dari segi domestik, pihak kerajaan telah menujuhkan MYHSR Corporation di bawah Kementerian Kewangan yang berperanan untuk memberi lebih tumpuan kepada pelaksanaan Projek HSR ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Projek HSR ini dijangka akan menjana impak ekonomi sebanyak RM100 bilion daripada segi Keluaran Dalam Negara Kasar.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM70 bilion akan dijana daripada aktiviti pembinaan, operasi dan impak berganda dengan izin, *multiplayer impact* yang terhasil daripada aktiviti pembinaan dan operasi projek. Manakala baki RM30 bilion, dijangka terhasil melalui impak ekonomi yang lebih meluas dengan izin *wider economic benefit* dengan jangkaan peningkatan aktiviti ekonomi industri harta tanah, pelancongan dan sektor perkhidmatan.

Impak ekonomi yang lebih meluas ini dijangka dapat ditingkatkan lagi dengan adanya pelan pembangunan sosioekonomi yang mengambil kira pembangunan stesen HSR dan kawasan sekitar. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Rompin.

**Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]:** Adakah kerajaan sedar bahawa bila terbinanya landasan ini akan menjaskan industri penerbangan negara? Di mana ada kecenderungan untuk pelancong-pelancong tidak menggunakan KLIA, tetapi terus dari Kuala Lumpur *High Speed Rail* terus naik kapal terbang ke Lapangan Terbang Singapura.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Yang saya pasti, perkara tersebut juga dipertimbangkan kerana dalam pengumuman pada bulan Oktober di antara SPAD dan LTA (*Land Transport Authority Singapura*) telah pun meletakkan di dalam website mereka tentang *market feedback* kepada industri termasuk dalam soal-soal pembinaan *design*, daripada segi kewangan. Sudah tentu pertimbangan daripada segi terjejasnya penerbangan Kuala Lumpur–Singapura daripada segi penumpang apabila terbinanya ataupun wujudnya HSR ini akan diambil kira daripada segi kesan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rompin. Akan tetapi untuk mengatakan bahawa terjejasnya industri penerbangan secara total apabila terbinanya HSR, pada saya, ia masih menjadi dalam pertimbangan kedua-dua buah negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Temerloh. Juga anak Rompin.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Soalan tambahan saya ialah, kalau kita lihat berdasarkan kepada prestasi ekonomi negara semasa sama ada ekonomi negara ataupun ekonomi rakyat, ditambah pula dengan kejatuhan nilai ringgit, harga komoditi kemudian peningkatan kos sara hidup yang mana antara lainnya semuanya berpunca antaranya ialah dengan kenaikan harga petrol, dengan kenaikan kadar tol apa semua sekali.

Apakah kerajaan tidak bercadang untuk membuat kajian semula, apakah kewajarannya kerajaan meneruskan Projek *High Speed Rail* Kuala Lumpur–Singapura ini supaya dana yang ada itu boleh kita tumpukan kepada perkara-perkara yang lebih memerlukan untuk pembangunan dan juga kebajikan kepada rakyat terbanyak dalam negara kita. Di samping, saya setuju juga supaya dikaji sekali lagi tentang implikasi kepada sistem penerbangan MAS, AirAsia termasuk KTM yang mana Singapura menjadi destinasi utama kepada perkhidmatan ini. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Temerloh anak Rompin. Saya baru tahu Yang Berhormat sebenarnya juga anak Rompin. Pada peringkat ini seperti yang

dinyatakan tadi dalam permukiman terkini, perkara ini semua sedang dipertimbangkan. Pada dasarnya, ia adalah merupakan satu projek di bawah ETP, salah satu daripada *Entry Point Project* yang diutarakan oleh PEMANDU pada tahun 2010 yang kita tahu pada ketika itu kedudukan ekonomi dan persekitarannya agak berbeza.

Saya setuju, namun begitu kedua-dua buah negara mengarahkan supaya kedua-dua buah agensi berkaitan untuk melihat semula semua perkara termasuk tarikh tempoh selesainya projek ini yang mungkin tidak dapat kita capai seperti yang dihasratkan ketika kita mengumumkan pembinaan HSR ini. Namun begitu, daripada segi kewangan, daripada segi perkara-perkara berkaitan, syarikat mana yang bakal terlibat dan bentuk pembiayaan itu masih dalam peringkat perbincangan.

#### ■1120

Apa yang kita tahu ia akan bermula daripada *Jurong East* ataupun *Jurong Timur* di Singapura melibatkan hanya 4% saiz landasan dan baki 96% itu akan berada di negara kita yang akan berhenti di Bandar Malaysia. Saya percaya kalau kita batalkan, ia akan menjelaskan perancangan yang sedang dilakukan di peringkat negara kita di bawah ETP.

Oleh sebab itu ia melibatkan negeri Johor kalau ikut yang kita sudah sedia maklum daripada Nusajaya, Batu Pahat, Muar, Melaka, Negeri Sembilan dan akan berhenti di Bandar Malaysia. Syarikat mana atau teknologi mana yang bakal digunakan juga masih dalam rundingan dan saya percaya tidak akan kita buat satu keputusan yang bakal memberikan kerugian kepada kedua-dua buah negara. Tambahan pula projek ini berskala lebih besar dan melibatkan dua buah negara.

Sudah tentu kedua-dua buah negara ingin melihat bahawa mereka akan dapat faedah daripada perkara ini. Kalau dikatakan industri penerbangan terjejas, saya percaya negara Singapura juga mempunyai pertimbangan yang sama dan perkara ini perlulah kita lihat dalam hati yang terbuka kerana kita mengharapkan punca pendapatan baru dan dapat mengembangkan pertumbuhan ekonomi baru bagi tempoh masa akan datang kerana ia tidak dapat kita buat dalam tempoh masa setahun dua. Terima kasih.

**8. Tuan Er Teck Hwa [Bakri]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah status kes beras ST15 yang berjumlah 6,029 tan metrik yang tersimpan di kilang Dibuk Sdn. Bhd. Siapakah yang perlu dipertanggungjawabkan berkaitan isu ini. Apakah tindakan yang telah diambil terhadap pengilang terbabit.

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mohon untuk memberi jawapan bersekali dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kangar bertarikh 1 Disember 2015 memandangkan kedua-dua soalan itu adalah berkaitan isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ada beberapa isu yang berkaitan dengan kilang Dibuk di negeri Perlis yang melibatkan soal stok yang tidak dapat dikeluarkan sebanyak lebih 6,000 metrik tan pada waktu tersebut. Ia adalah kerana setelah

dibuat pemeriksaan oleh pihak kawal selia kementerian dan pihak BERNAS di mana ada beberapa isu yang berkaitan dengan soal kualiti beras yang diproses di kilang tersebut.

Jadi oleh sebab itu pihak BERNAS dan pihak kilang tersebut bersetuju untuk diproses kembali beras tersebut dan ia ditanggung kosnya secara bersama dan *alhamdulillah* sekarang ini segalanya hampir selesai di mana tinggal kira-kira 10% lagi daripada jumlah tersebut yang belum diedarkan. Jadi hampir semua telah diedarkan.

Mengenai soalan Yang Berhormat Kangar, pihak kementerian menyedari ada beberapa isu yang berkaitan tentang soal penghantaran beras-beras ST15 ini dan yang berkaitan dengan soal yang dikaitkan dengan ketirisan dan sebagainya. Kini pihak kementerian membuat kajian secara mendalam sama ada untuk menambah baik program ini ataupun menghentikan program ini ataupun mencari mekanisme baru untuk memastikan bahawa rakyat yang memerlukan sokongan ataupun bantuan beras ini dapat diterima dengan cara yang lebih baik lagi di masa yang akan datang. Terima kasih.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Terima kasih Menteri menjawab soalan saya. Di sini saya hendak tanya soalan tambahan. Beras ST15 sebenarnya memberikan peluang kepada rakyat Malaysia berpendapatan yang rendah tetapi saya sentiasa mendapat aduan tentang bekalan beras ST15 tidak ada stok, yang dijual habis stok. Diminta Menteri jelaskan secara teliti mengapa masalah ini boleh berlaku dan berapakah kes siasatan yang telah dijalankan. Apakah tindakan sewajarnya diambil terhadap masalah ini? Minta penjelasan.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Saya akui bahawa kementerian menyedari bahawa ada isu yang berkaitan dengan bagaimana beras ST15 ini walaupun kuota yang diberikan ataupun jumlah subsidi yang diberikan sebanyak 60,000 metrik tan untuk rakyat seluruh negara bagi mendapatkan beras pada harga yang paling rendah dalam negara kita, ada beberapa isu yang disebutkan oleh Yang Berhormat kita sedari. Beberapa tindakan sudah pun diambil. Mungkin saya tidak dapat sebutkan secara terperinci di sini, saya boleh bekalkan di mana banyak pemberong telah pun dihentikan kontrak mereka dalam memberikan bekalan untuk mengedar beras ST15.

Oleh sebab itu saya katakan bahawa kajian terperinci sedang dilakukan dan kita akan memikirkan mungkin mekanisme baru sama ada memperbaiki sistem yang sedia ada ataupun saya sebutkan kita hentikan terus ataupun mencari jalan secara langsung dapat kita berikan kepada rakyat yang berpendapatan rendah di bawah garis kemiskinan untuk memperoleh keupayaan bagi mendapatkan beras bagi menampung keperluan asas mereka. Jadi perkara ini akan kita maklumkan dalam masa yang terdekat. Terima kasih.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan saya ialah bolehkah Menteri menyatakan sejauh manakah kejayaan kementerian dalam memastikan bekalan beras ST15 ini kembali pulih dalam melindungi kepentingan rakyat berpendapatan rendah seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bakri tadi.

Akan tetapi saya hendak tanya langkah tegas yang dilakukan oleh kementerian bagi memastikan tiada kepincangan berlaku dalam proses pengedaran beras tersebut yang membabitkan antara pemborong dan pengilang. Terima kasih.

**Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan tambahan. Atas soalan-soalan tadi saya sedar bahawa keprihatinan yang berterusan di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat tentang Program Pengedaran Beras ST15 ini. Ingin saya jelaskan bahawa ST15 ialah satu program yang diperkenalkan pada tahun 2008. Pada waktu itu terdapat isu kekurangan beras dunia pada waktu tersebut dan harga beras meningkat di mana kerajaan memikirkan bagaimana untuk memberikan peluang kepada rakyat yang berpendapatan rendah untuk mendapatkan beras yang lebih murah daripada harga pasaran dengan mengadakan skim di mana kerajaan memberi subsidi pada beras yang dicampurkan dalam kampit itu beras super, 15% beras yang hancur.

Ini program yang kita rasa sesuai pada waktu tersebut tetapi dalam prosesnya kita dapati ada banyak isu bagaimana apabila pengilang memberikan kepada pemborong dan pemborong tidak dapat memenuhi tanggungjawab mereka mengedarkan di banyak tempat dalam negara kita di seluruh tempat terutama sekali di kawasan pendalaman dan sebagainya. Kita akui bahawa isu itu ada yang perlu diperbaiki walaupun tindakan ada diambil, menghentikan pemborong dan sebagainya, ia masih berterusan lagi tentang soal ini. Oleh sebab itu kita mesti memikirkan mekanisme baru yang akan kita umumkan dalam masa yang terdekat supaya sama ada kita hendak teruskan atau tidak ST15.

Misalnya ada isu kata kenapa rakyat miskin di Malaysia ini kita katakan bahawa mereka akan terus makan beras hancur kerana ramai yang berkata bahawa rakyat miskin di Thailand, mereka makan beras Siam, tidak makan beras hancur. Kenapakah perlu dihancurkan beras tersebut untuk diberi makan kepada rakyat miskin kita? Rakyat miskin Vietnam makan beras Vietnam, tidak perlu dihancurkan. Ia program sementara pada waktu tersebut.

Oleh sebab itu ada lagi isu yang mengatakan bahawa terdapat tempat yang beras tersebut tidak ada dalam pasaran tetapi terdapat tempat yang berlambak dalam pasaran yang boleh dibeli oleh bukan warganegara kita. Beras ini beras subsidi tetapi boleh dibeli oleh bukan warganegara kita misalnya. Ini ada beberapa isu yang kita akui yang kita sedang mencari jalan yang terbaik untuk memikirkan mekanisme baru. Misalnya sama ada kita memberi terus peruntukan membeli beras kepada rakyat yang termiskin yang kita pastikan mereka rakyat negara kita dan mereka boleh memilih beras apa yang mereka mahu.

#### ■1130

Ini antara pilihan-pilihan yang sedang kita fikirkan dan kita rencanakan dalam masa yang terdekat ini. Terima kasih.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempergerusikan Jawatankuasa]*

9. **Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh kementerian untuk mengelakkan isu keselamatan di tapak pembinaan tidak diperkecilkkan dan terma-terma keselamatan di tapak pembinaan dipenuhi.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:**  
*Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Industri pembinaan sememangnya terdedah kepada risiko kemalangan yang tinggi. Ini kerana keunikan industri pembinaannya tersendiri di mana ia melibatkan pelbagai elemen seperti kelakuan manusia, tapak pembinaan, jentera dan peralatan, budaya kerja dan pelbagai bentuk prosedur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah mengambil tindakan dengan menubuhkan jawatankuasa pakar ataupun *expert panel*, dengan izin untuk mengkaji semula prosedur adan amalan semasa dalam industri pembinaan. Jawatankuasa khas ini telah mengenal pasti aspek kelemahan yang terlibat dan mencadangkan penambahbaikan dalam peraturan dan amalan prosedur kerja atau SOP sedia ada.

Hasil kajian ini telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri dan pada masa kini tindakan susulan sedang dilaksanakan secara berperingkat oleh pemain industri atau *stakeholders* dengan izin yang terlibat. Di samping itu kementerian ini juga telah meminda Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 iaitu [Akta 520] iaitu dengan memperuntukkan satu seksyen khusus berkaitan kewajipan kontraktor pembinaan yang merujuk kepada seksyen 34B(1) berhubung dengan kewajipan dan tanggungjawab kontraktor pembinaan untuk memastikan keselamatan bangunan dan kerja pembinaan.

Manakala seksyen 34C(1) pula memperuntukkan penalti tidak melebihi RM500,000 terhadap pihak kontraktor yang telah disabitkan kesalahan. Sementara itu seksyen 34B pula memperuntukkan penalti tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali kepada kontraktor yang cuai sehingga berlakunya kematian. Susulan ini CIDB telah mengeluarkan surat pekeliling bertajuk tanggungjawab kontrak pada 1 September 2014 yang lalu. Pekeliling ini bertujuan memberi peringatan kepada semua kontraktor yang berdaftar mengenai penguatkuasaan undang-undang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, Jemaah Menteri juga baru-baru ini telah bersetuju dengan cadangan kementerian ini untuk menubuhkan jawatankuasa penyiasatan antara agensi bagi menyiasat keruntuhan bangunan dan insiden pembinaan. Jawatankuasa ini akan menjalankan siasatan secara menyeluruh berhubung insiden kemalangan di tapak pembinaan melalui perkongsian maklumat, perundangan dan kepakaran. Peraturan ini bertindak secara terbuka dan telus dengan memastikan pemilik projek menjalankan tugas mereka dengan bertanggungjawab selain memastikan keselamatan pekerja binaan dan pengguna di sekitar tapak pembinaan terjamin. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat, setakat itulah sesi soal jawab untuk pagi ini.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya. *Point of order Yang Berhormat?*

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** *Point of Order 18(1).* Peraturan Mesyuarat 18(1). Saya telah memfailkan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) pada hari Selasa yang lalu dan saya telah terima jawapan pada hari ini. Cuma saya hendak minta pencerahan daripada Tuan Yang di-Pertua kerana alasan yang diberikan di dalam surat ini agak berbeza daripada apa yang saya cadangkan dalam usul tersebut di mana dalam usul yang saya kemukakan alasan kenapa saya minta Dewan ini ditangguhkan sementara kerana hendak membincangkan peningkatan yang amat besar dalam pendakwaan-pendakwaan di bawah Akta Hasutan 1948. Tentunya yang terbaru membabitkan Ahli Parlimen Subang.

Akta Hasutan ini telah pun dijanjikan oleh Perdana Menteri untuk dimansuhkan dan dari segi jumlahnya Tuan Yang di-Pertua, kita sudah buat kajian dari tempoh dua tahun daripada tahun 2013 sehingga kini ada 33 individu yang telah dikenakan pertuduhan di bawah akta ini. Manakala dalam tempoh lima tahun daripada tahun 2007 sehingga 2013 hanya terdapat tiga pertuduhan. Jadi, kita lihat ada peningkatan 1000%.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik Yang Berhormat.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Sebab itulah saya minta supaya diberikan pertimbangan kerana alasan yang diberikan khusus kepada Ahli Parlimen Subang. Yang itu saya pasti dalam kes mahkamah. Cuma peningkatan yang mendadak ini, hampir 1000% ini yang menjadi pertimbangan dan meminta supaya Dewan ini membincangkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, saya dimaklumkan bahawa Yang Berhormat telah membuat usul di bawah 18(1) namun ia telah ditolak dalam kamar oleh Tuan Yang di-Pertua. Maka, apabila usul ditolak dalam kamar Peraturan Mesyuarat 18(8) terpakai dan tidak boleh dikaji, dibahas di dalam Dewan ini Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat yang sama iaitu 18, penolak usul oleh Yang Berhormat Bukit Katil jelas bercanggah dengan peraturan mesyuarat kerana Tuan Yang di-Pertua ini adalah perkara kepentingan awam yang perlu disegerakan. *[Dewan riuh]* Memandangkan bahawa jika pendakwaan di bawah Akta Hasutan ini dibenarkan untuk diteruskan ia menggugat asas demokrasi negara kita. Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, saya faham, saya faham Yang Berhormat. Saya faham Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Walau bagaimanapun...

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Saya habiskan Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja. Saya habiskan. *[Dewan riuh]* Yang saya nyatakan adalah bahawa jika setiap kali kita menimbulkan, sudah banyak kali menimbulkan isu melibatkan hak asasi penindasan dan sebagainya ia ditolak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Setiap kali kita membawa usul di bawah 18 ditolak juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Manakala masa yang banyak akan diberikan untuk usul yang tidak berasas terhadap Yang Berhormat Gelang Patah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apalah Yang Berhormat. Masih terpakai 18(8). Saya tiada kuasa untuk mengkaji semula keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Setakat itulah Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak nyatakan bahawa ini menggugat demokrasi negara kita. Terlalu banyak. Beberapa lagi Ahli Dewan sudah kena, sekarang Yang Berhormat Subang juga kena.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Subang dan saya sendiri. Baling batu kena kepada Yang Berhormat yang telah dituduh di bawah Akta Hasutan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat arif bahawa setiap keputusan Tuan Yang di-Pertua hanya boleh dikaji semula melalui satu usul Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya, sebab itu saya menyatakan Tuan Yang di-Pertua bahawa kita mahu pencerahan mengapa setiap kali usul seperti hak asasi dibawa....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya cukuplah Yang Berhormat. Sila Setiausaha...

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Mengapa ditolak di dalam kamar? Itu soalan saya Tuan Yang di-Pertua. *This has to stop.*

**USUL MENTERI DI BAWAH P.M. 27(3)****PENGGANTUNGAN AHLI PARLIMEN GELANG PATAH DARIPADA PERKHIDMATAN  
MAJLIS MESYUARAT SELAMA ENAM BULAN**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik, sebelum Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri membawakan usul ini, saya sekali lagi memohon Yang Berhormat Gelang Patah untuk menarik balik dan memohon maaf seperti yang telah diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua sebelum ini. Saya ingin berikan peluang kepada Yang Berhormat Gelang Patah untuk menyatakan pendirian beliau tentang keputusan Tuan Yang di-Pertua ini.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya ada jelaskan bahawa saya tidak pernah ada niat untuk buat tuduhan bahawa Tuan Yang di-Pertua sengaja menyalahgunakan kuasa atau sabotaj penyiasatan.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang lain diam Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Tak nak dengar, keluarlah! Keluar! keluar! keluar!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya minta yang lain diam Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Dan sengaja untuk menyalahgunakan kuasa atau sabotaj penyiasatan 1MDB tetapi kesan ialah begitu dan sebab itu sangat jelaslah apa keputusan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah bagi Yang Berhormat untuk menarik balik dan memohon maaf. Itu sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Ya tetapi kalau saya tidak ada buat tuduhan sengaja untuk... *[Dewan riuh]* Sengaja, *deliberately*. Baca, baca! Saya cabar sesiapa kata boleh tunjuk dalam *Hansard* saya ada kata sengaja, berdiri. Kalau tidak keluar! Boleh? Berani? *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Berani, mana bukti? Angkat baca *Hansard*. Tidak pernah saya menggunakan sengaja, *deliberately*. Ada? Berdiri! *[Dewan riuh]* All coward, coward. Berdiri, siapa berdiri? *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Berdiri, berdiri. *[Dewan riuh]*

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** All coward, sebab itu saya tidak pernah menggunakan perkataan sengaja, *deliberately*. Adakah berani berdiri? Tiada seorang pun berani.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Gelang Patah.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Saya tidak ada... Dalam kenyataan saya, saya...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Duduk sahajalah Yang Berhormat Gelang Patah. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat, diam Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, saya menerima bahawa Yang Berhormat Gelang Patah tidak berhasrat untuk menarik balik dan memohon maaf. Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

■1140

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

**“BAHAWA** pada Isnin, 19 Oktober 2015, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, Ahli Parlimen Kawasan Gelang Patah telah mengeluarkan kenyataan semasa perbahasan usul pelantikan Pengurus Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang merupakan satu tuduhan ke atas Yang di-Pertua Dewan Rakyat mengenai penangguhan mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara.

**BAHAWA** tuduhan itu menyatakan Yang di-Pertua Dewan Rakyat tidak ada kuasa di bawah Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk menangguhkan mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan mendakwa Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah menyalahgunakan kuasa.

**BAHAWA** Yang Berhormat Ahli Parlimen Gelang Patah membuat tuduhan bahawa Yang di-Pertua Dewan Rakyat juga telah melakukan sabotaj terhadap penyiasatan 1MDB.

**BAHAWA** Yang Berhormat Ahli Parlimen Gelang Patah melemparkan tuduhan bahawa Yang di-Pertua Dewan Rakyat menjadi diktator dalam membuat tafsiran kepada peraturan mesyuarat dan turut mempolitikkan kedudukan beliau sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

**BAHAWA** tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen Gelang Patah adalah dakwaan yang amat serius dan merupakan suatu penghinaan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan demikian bererti penghinaan juga kepada Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

**MAKA INILAH DIPERSETUJUI BAHAWA** Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, Ahli Parlimen Kawasan Gelang Patah hendaklah digantung daripada perkhidmatan Majlis Mesyuarat selama enam (6) bulan dari tarikh usul ini diputuskan”. *[Tepuk]*

Saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Demi mempertahankan kedudukan Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang ini ialah usul Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *You're on point of order?*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yes, *I am*. Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada pemberitahuan usul yang baru dibaca oleh Yang Berhormat Menteri. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan Peraturan Mesyuarat 80A.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada usul yang dibawa oleh Menteri yang dibacakan sebentar tadi, adalah cukup jelas bahawa tidak dinyatakan di sini di bawah peraturan mesyuarat mana usul ini dibawa. *That thing is not clear*, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi apa yang penting Tuan Yang di-Pertua, adalah apa yang dinyatakan di perenggan kedua terakhir dan ayat yang akhirnya menyatakan, “*Penghinaan kepada Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat*”. Jadi cukup jelas Tuan Yang di-Pertua, bahawa perkara yang dibangkitkan adalah satu usul yang berkenaan dengan penghinaan atau dalam bahasa Inggerisnya ialah *contempt* kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 80A dan ini apa yang dinyatakan dalam bahasa Inggeris, *read both ya. [Membaca petikan]*

*“Notwithstanding the provisions of Standing Order 80 relating to the Committee of Privileges, in any case where it appears to the House that there has been the commission, whether by a member or by any other person, of any acts, matters or things as are made punishable as contempts under the Houses of Parliament (Privileges and Powers) Ordinance 1952, the House may appoint a committee to summarily enquire into such a case and appropriate action in accordance with the said Ordinance.”*

Jadi cukup jelas Tuan Yang di-Pertua, bahawa apa yang dinyatakan dalam usul ini adalah perkataan ‘penghinaan’ *and when it comes to contempt*, prosedur yang patut diambil adalah di bawah Peraturan Mesyuarat 80A.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini, saya merujuk kepada *Houses of Parliament (Privileges and Powers) Act 1952* yang mana dinyatakan di bawah seksyen 9 dan saya baca... *[Membaca petikan]*

*“The House may, for or in respect of any of the offences hereinafter mentioned, whether committed by a member or by any other person, summarily punish for contempt by fine not exceeding one thousand ringgit as provided by the standing orders or by this Act; and if any such fine so imposed be not immediately paid the offender shall be committed to the custody of the keeper of any gaol or of an officer of the House in such place...” – and so forth.*

Perkara yang saya bangkitkan dalam seksyen 9 yang mana seksyen 9 dalam akta ini dengan cukup jelas menyatakan dua perkara. Satu Tuan Yang di-Pertua, bahawa untuk perkara-perkara yang melibatkan *contempt*, *then it is a punishment or a fine*. Akan tetapi apa yang kita ada di hadapan kita pada pagi ini berkaitan dengan *suspension for six months*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu kes Mahkamah Tinggi baru-baru ini iaitu dalam tahun 2010 iaitu kes Gobind Singh Deo lawan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Ini dilaporkan di dalam MLJ 2010 Volume 2 MLJ, page 674 dan saya bacakan apa yang penting di sini yang mana hakim menyatakan dengan cukup jelas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, *be brief* Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yes, very briefly.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** You're on point of order.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yes. But I have to express the law. I am sorry Tuan Yang di-Pertua.

Di muka surat 689, apa yang dinyatakan di sini adalah cukup jelas. “*The only direct express provision on contempt of the House appears in section 9 of the Acts*”. So, very clear that is the only provision. Di sini hakim ada menyatakan bahawa walaupun seksyen 9 only speaks of fines, but by virtue of common law provision under section 32 and 33 of that Acts, ia juga termasuk hukuman suspension ataupun penggantungan. So, very clear section 9 applies kepada kes-kes yang mana ada contempt where the House seek the punishment of fine and also suspension dan tidak ada prosedur lain yang mana seseorang itu boleh dihukum untuk penghinaan Dewan yang mulia ini melainkan melalui proses Committee of Privileges.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah cukup penting kerana di hadapan Committee of Privileges itu, seseorang yang dituduh atau seseorang Ahli Parlimen itu diberikan ruang dan peluang untuk membela dirinya sebelum sesuatu keputusan diambil sama ada ya ataupun tidak beliau bersalah. That is number one.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik, baik.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** The question of guilt adalah perkara pertama yang perlu diputuskan. Kemudiannya, komiti itu akan membawa cadangan berkenaan dengan hukuman setelah mendengar semua fakta yang dikemukakan.

Jadi, point of order saya, saya minta Menteri untuk memberikan kami satu penjelasan di bawah peraturan mesyuarat mana usul ini dibawa khususnya yang mana ia cukup jelas merangkumi perkara-perkara di bawah seksyen 9 akta tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, usul ini dibawa di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3).

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Pihak Speaker berpuas hati ia memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3). Memang ada beberapa peruntukan mesyuarat yang boleh merujuk, seperti yang dikatakan tadi, kepada Rights and Privileges Committee tetapi untuk usul ini, kerajaan menggunakan Peraturan Mesyuarat 27(3) untuk membawa kes ini. Jadi...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, dengan segala hormatnya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, lets me finish.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Maaf, maaf. Minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jadi pihak Pejabat Speaker telah bersetuju dan merestui bahawa usul ini dikemukakan di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3) oleh Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada Peraturan Mesyuarat 27(3), cukup jelas. Peraturan Mesyuarat 27(3) itu adalah prosedur. Itu okey untuk semua usul yang dibawa. Akan tetapi sekiranya satu usul memohon untuk seseorang Ahli Dewan Rakyat dikenakan hukuman untuk penghinaan, maka ada wujudnya peruntukan yang spesifik dan peruntukan itu digubal untuk memberikan Ahli Parlimen itu cukup ruang untuk membela dirinya di hadapan *Committee of Privileges*. Dalam keadaan tersebut, memang Dewan ini tidak ada kuasa untuk mendengar usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, *I ask Tuan Yang di-Pertua consider Peraturan Mesyuarat 27(3)*. Peraturan Mesyuarat 80 is very specific. Walaupun Tuan Yang di-Pertua hendak menggunakan bidang kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 100, Peraturan Mesyuarat 100 cukup jelas ia menyatakan sedemikian and I read, "All matters not specifically provided in these Orders..." .

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua kena ada budi bicara untuk membuat perintah berkenaan dengan perkara-perkara yang tidak ada disebut dalam peraturan mesyuarat.

■1150

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baiklah Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *All questions relating to the detailed working of these Orders shall be regulated in such manner, not inconsistent with these Orders...". Not inconsistent.* Bagaimana Tuan Yang di-Pertua kita boleh begitu sahaja, how can we just roughshod dengan izin, tidak langsung hendak memenuhi kehendak Dewan yang mulia ini apabila menggubal peraturan mesyuarat 80 adalah di situ untuk tujuan tertentu. We can't just suspend a member of parliament for six months...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apa Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** ...Without even giving him a right to defend himself.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik. Saya menerima hujahan Yang Berhormat, walau bagaimanapun seperti yang diputuskan bahawa usul ini dibawa di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3).

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan tersebut Tuan Yang di-Pertua tahu bahawa di bawah 18, keputusan telah pun dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua dan Tuan Yang di-Pertua akan memberitahu saya kalau saya tidak berpuas hati, maka kita boleh masuk usul untuk mencabar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *I think that is what Tuan Yang di-Pertua is going to say.* Saya mohon masa diberikan untuk kita masukkan usul itu kerana Tuan Yang di-Pertua hanya membuat keputusan sekarang. *This is a decision which flies in the face of the standing orders*, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak boleh sebagai Ahli Parlimen kita datang kita ada

peraturan mesyuarat tetapi kita sendiri tidak mahu mengikut peraturan mesyuarat. Kita menyalahkan rakyat kita kerana tidak mengikut undang-undang,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** ...Kita menyalahkan semua orang tetapi kita Ahli Parlimen sendiri tidak mengikut...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya memutuskan bahawa usul ini *in order* dan boleh dibahaskan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Putuskan *in order on what basis? You must present your argument.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *It's not ... 27(3) tidak salah 27(3), tak salah.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak boleh kata macam itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak salah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *This is not the way, ini...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini main *bulldoze* sahaja.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *[Menyampuk] Hakim buat perutusan kena bagi sebab...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya buka usul ini untuk dibahas.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun] Point of order.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Menyampuk] Mesti ada rasional dia tak boleh main macam tu sahaja.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *..Reasonable decision made.*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *Point of order.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat. *On the legality* sudah selesai Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *Point of order.* Saya minta penjelasan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak selesai, mana boleh kata selesai, tidak selesai.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih. Tadi Tuan Yang di-Pertua mengatakan bahawa 27(3) telah digunakan untuk membawa usul ini. Kalau tengok bahagian akhir itu, saya bacakan dengan izin "...*jika Tuan Yang di-Pertua puas hati setelah diterangkan kepadanya oleh seseorang Menteri iaitu bagi faedah orang ramai sesuatu usul itu mustahak dibahaskan dengan seberapa segera maka memadailah dikeluarkan pemberitahu itu satu hari sahaja terlebih dahulu."*"

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** ...Ini bermaksud mempunyai faedah orang ramai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya rasa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu berbalik kepada budi bicara Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** So budi bicara tetapi *standing order* jelas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat boleh mempertikaikan...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *Standing order* jelas...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** ...Kepentingan orang ramai.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** ...Apabila *standing order* jelas...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** ...tapi kita membuat keputusan sedemikian.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** ...Apabila *standing order* terlalu jelas...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** ...Jadi maknanya tidak salah kecuali pertikaian daripada Yang Berhormat...

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *[Bangun]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** ...Dengan hak asasi manusia tadi.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *[Bangun]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** ...Terlalu jelas.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Tuan Yang di-Pertua

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** ...Salah menggunakan *standing order* Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya ingin membuka usul ini untuk dibahaskan.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** *Point of order*, ringkas sahaja.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *Point of order*, ringkas sahaja.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau begini semua atas budi bicara Speaker, tidak payahlah pakai *standing order*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Memang pun.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apa guna ada *standing order*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Peraturan mesyuarat bagi kuasa pada Speaker banyak ...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...*And it is very clearly stated* apa yang perlu dilakukan, semua nak ikut budi bicara, ikut tafsiran masing-masing walaupun jelas bercanggah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu mengikut peraturan mesyuarat Yang Berhormat...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Very clear*, dah jelas...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Point of order* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Apa guna *standing order* Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]* Tuan Yang di-Pertua pun tertakluk kepada *Standing Order* ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua pun tertakluk kepada *Standing Order*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya saya panggil Yang Berhormat Bintulu.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Point of order* Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bintulu.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 80. Tadi Yang Berhormat Puchong membangkitkan 80A. Saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini kepada 80 juga yang menyokong hujah tadi daripada Yang Berhormat Puchong dengan kuat. Izinkan saya membaca 80 dalam bahasa Inggeris dan kalau perlu dalam bahasa Malaysia juga. Saya mula dari atas, "...*There shall be a Committee to be known as the Committee of Privileges to consist of Tuan Yang di-Pertua as Chairman and six members to be nominated by the Committee of Selection as soon as may be after the beginning of each Parliament.*" Ini ayat yang penting. *There shall be referred, shall* bukan *may* tetapi *shall*. *There shall be referred to this Committee any matter...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *I agree with that standing order* Yang Berhormat, saya bersetuju.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** ...So maksud saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya tidak *dispute standing order* itu.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Boleh saya habiskan *point*. Tuan Yang di-Pertua, dengan penuh hormat tidak boleh baca apa dalam minda saya. Saya perlu cakap dahulu ya. Saya minta izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *No, because...*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** ...*My argument.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Puchong punya *argument* tadi *which we have already decided*.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** ...Berbeza, saya hendak bezakan 80A. 80 adalah *shall, there shall be referred to this Committee any matter which appears to affect the powers and privileges of the House. Then it shall be the duty of this Committee to consider any such matters to them referred, and to report sekian, sekian*. Yang Berhormat Puchong juga menambahkan hujah yang penting iaitu seksyen 9...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** ...*Houses of Parliament (Power and Privileges Act)* yang digubal di Dewan yang mulia ini yang kita perlu hormati juga. So *when you read it together* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *it is very clear*. Prosedur adalah seperti Yang Berhormat Puchong telah hujahkan tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** 80A tambahkan kuasa satu lagi di mana ada kuasa untuk merujuk kepada jawatankuasa selain daripada *Committee Of Privileges*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:**...Tetapi yang dijelaskan *shall be referred...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, *you brief here*. Saya faham...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:**...Macam mana – saya habiskan, saya habiskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya habiskan, saya habiskan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua jawab tadi 27(3) adalah jawapan tetapi 27(3) hanyalah prosedur untuk dibawa ke sini. Apa-apa usul yang dibawa ke sini sebelum dibawa ke sini mesti memenuhi 80, *it has to be in line with 80*. So, apa yang jelas ialah usul ini sepatutnya usul yang dibawa ke sini sepatutnya kes dan aduan ini dirujuk kepada Jawatankuasa *Privileges*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik, memang sedemikian tetapi tidak ada halangan bagi kerajaan untuk menggunakan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3) seperti yang...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ini keputusan yang telah dibuat. Kerajaan tidak salah untuk mengubah usul di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3). You

*might dispute it*, mungkin boleh dipertikaikan tetapi ini adalah kehendak kerajaan untuk mengemukakan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3). [Beberapa orang Ahli bangun]

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, kita mesti ada... [Bercakap tidak menggunakan pembesar suara] kereta kita jalan, sini tidak ada kereta. Kereta yang sepatutnya digunakan ialah 80.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kita tidak perlu...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** [Menyampuk] Kita tidak boleh, *it might create...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** ...Mempertikaikan perkara ini. Saya berpendapat bahawa hak kerajaan tidak ada halangan untuk membawa usul di bawah 27(3) dan telah dipersetujui oleh pejabat Speaker.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Tuan Yang di-Pertua, satu minit sahaja. *Point of order.* Okey, saya hanya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Akhir Yang Berhormat.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. 80, isunya ialah *precedent* sendiri bermula pada tahun 2000 dengan Fong Po Kuan selepas itu Karpal Singh (2004- 2010). Akan tetapi saya mintalah Speaker ini kita kena *reverse procedure* yang salah. Ini prosedur yang salah kita tidak harus jalankan *summary execution* di sini tetapi memberikan *due process* di *Privilege Committee*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apa Yang Berhormat, kita ambil nota Yang Berhormat tetapi hari ini dikemukakan melalui 27(3). Yang Berhormat Bintulu...

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Peraturan mesyuarat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** ...Saya akan panggil perbahasan ini sehingga jam 12.45 dan selepas itu kita akan putuskan.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan mesyuarat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jadi yang berbahas itu ringkas Yang Berhormat ya.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Peraturan mesyuarat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Peraturan mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah *point of order*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** I have already buat keputusan Yang Berhormat...

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *Point of order.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Usul diteruskan.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, *My point of order.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, baik.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *Point of order* saya. Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *Point of order* saya adalah *[Dewan riuh]* point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *Point of order, it is a point of order. Let me speak as a point of order.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *Point of order.* Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada usul ini masalahnya ia adalah *an unlawful* usul. Usul yang melanggar prosedur dan undang-undang. Mengapa saya sebut? Kalau kita lihat usul ini ia adalah *summary*. Seksyen 5, *Houses of Parliament (Privileges and Powers Act)* hanya akta itu membolehkan *summary procedure* dilakukan. Soalnya sama ada apa yang dinyatakan dalam usul ini jatuh di bawah seksyen 9 akta tersebut. Jelas jika diperhatikan pada kandungan usul ini ia tidak jatuh di bawah seksyen 9 langsung. Ini bermakna Dewan ini ataupun usul dibawa Menteri ini tidak boleh diteruskan di bawah usul ini kerana tidak ada kuasa untuk meneruskan di bawah *summary procedure* ini.

Seperti dinyatakan tadi, hanya satu cara sekarang untuk Menteri meneruskannya iaitu di bawah 80, rujuk kepada *privileges committee*. Tidak ada cara lain. *There is no the way.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *Any other way* Tuan Yang di-Pertua. Jika ini diteruskan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Argument* ini juga adalah *argument* yang sama Yang Berhormat...

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Saya juga menjadi mangsa yang ini, jika diteruskan sekarang... *[Dewan riuh]*

Jika diteruskan sekarang – saya belum habis lagi. Jika diteruskan Tuan Yang di-Pertua, bermakna seluruh prosiding ini adalah *illegal, unlawful proceeding*, seperti yang dilakukan terhadap saya juga, dua kali sebelum ini.

## ■1200

Saya juga menjadi mangsa kepada *procedure summary* seperti ini dan sekarang ini ia diulangi terhadap Yang Berhormat Gelang Patah. Kita hanya minta supaya kalau tindakan hendak diambil, ikuti peraturan iaitu 80 yang menyatakan mesti dirujuk di bawah seksyen 9.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, Menteri boleh jawab ini. Di manakah di bawah seksyen 9 termasuk? Tidak. Kandungan ini tidak termasuk di bawah *Houses of Parliament* lain juga dan satu lagi isu yang penting, kalau pun 80A pun menyatakan bahawa, “*The House may appoint a committee to summarily enquiry...*” *May*, perkataannya *may*, jadi jelas Tuan Yang di-Pertua bahawa usul ini adalah tidak, terkeluar daripada *standing orders*, terkeluar daripada... *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya sudah jawab isu itu, Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** 43

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *It is unlawful.* Kita tarik balik. Tarik balik dan rujuk kepada jawatankuasa. Itu sahaja. Apa yang susah sangat? Tuan Yang di-Pertua saya hanya hendak nyatakan mengapa kita perlu teruskan? Mengapa kita perlu teruskan *summary procedure* apabila kita rujuk kepada *committee*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya sudah katakan isu ini dibawa oleh Yang Berhormat Bagan Serai ini adalah isu sama yang dibawa oleh Yang Berhormat Puchong. Saya tidak buat keputusan bahawa usul ini mengikut peraturan mesyuarat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Saya hendak tanya, saya nak Menteri jawab mengapa tidak boleh rujuk kepada jawatankuasa? Itu sahaja, *that's all*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, poin lain, poin baru.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Biar Menteri jawab, Menteri ada. Menteri boleh jawab mengapa tak rujuk kepada *committee*? *That's all we are asking. Answer that question and then we can proceed. If you don't answer that question*, bagaimana kita hendak teruskan? Ini prosedur yang salah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya rasa kita teruskan dengan perbahasan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua... *[Disampuk]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** 43.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, *[Disampuk] [Dewan riuh]*

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Takkan Menteri tak berani jawab. Menteri pun peguam. Menteri dulu peguam, *that's the Minister wants to answer my question*. Itu sahaja soalan saya. *[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua, kita sudah tiba masa. Majlis atau pun Parlimen ini, kita mesti mahu tegas. Mesti mahu, mesti mahu serius. *[Dewan riuh]* Tidak menghormati Speaker. Kita mesti mahu ingat kita Majlis ini, *we are talking about* Tuan Yang di-Pertua atau pun Yang Berhormat Timbalan Speaker. Kita duduk *House* ini mesti menghormati Kerusi itu. *[Dewan riuh]*

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Itu yang kita kata hormati *standing orders*.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kita tak kira sesiapa pun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Padang Serai, cukup Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Janganlah kita ajar kita punya generasi-generasi muda atau generasi akan datang ambil undang-undang dalam tangan sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jangan berbahas. Cukup Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kita sebagai *law maker* sini kalau... *[Disampuk]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Rule*, tidak ikut *rule!* Apa punya *rule* tak ikut *rule!*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Negara kita akan jadi apa? Kita negara akan jadi huru hara. Kita sebagai *law maker* sini kalau tidak ikut jadi apa. Jadi huru-hara. *[Dewan riuh]*

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia berbahas Yang Berhormat, dia berbahas. *[Dewan riuh]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *Point of order. Point of order.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan Serai, saya sudah buat keputusan tadi, isu yang sama Yang Berhormat Bagan Serai, jika keputusan Speaker itu dipertikaikan, buat dalam usul. Itu sahaja. Speaker meluluskan usul kerajaan di bawah 27(3).

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *New standing order.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** 43.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik, saya ambil Peraturan Mesyuarat daripada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebentar, sebentar Yang Berhormat Bintulu.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengemukakan Peraturan Mesyuarat 43 di mana jelas selalu disebut oleh Tuan Yang di-Pertua bahawa Tuan Yang di-Pertua “*in the House or the Chairman in the Committee shall be responsible for the observance of rules of orders in the House and Committee respectively, and his decision on any point of order shall not be opened to appeal and shall not be reviewed by the house except upon a substantive motion moved for that purpose. Such a motion shall not require more than two days' notice*”. Saya ingin memberi notis bahawa kita ingin membangkitkan satu *substantive motion* untuk mencabar keputusan yang telah pun dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua dan ruang... *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kemukakan dalam bentuk usul Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ruang perlu diberikan kepada kami untuk membangkitkan isu ini kerana kalau tidak... *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dalam bentuk usul Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ya betul. So, masa perlu diberikan kepada pihak kami untuk membangkitkan usul. Kalau tidak, keputusan telah dibuat. Keputusan yang salah pun telah dibuat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kemukakan usul. *[Disampuk]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *For the justice to be held, the hearing...* *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** 43 says very clearly that sebarang usaha untuk mengkaji keputusan Speaker harus dibuat dalam bentuk usul.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Betul, so we have to come out with the motion, because otherwise the decision will be taken before the motion is depleted.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** It says 43, you cannot override 43, dalam bentuk usul.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** The decision on Yang Berhormat Gelang Patah... *[Tidak menggunakan pembesar suara]* before... *[Tidak menggunakan pembesar suara]* motion 43.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *[Bangun]* Final order.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Setiu punya *point of order*. I'll take Yang Berhormat Setiu. Cuba Yang Berhormat, nanti jelaskan itu.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Keputusan kepada Yang Berhormat Gelang Patah tidak boleh dibuat sebelum usul 43 dibuat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya lihat bahawa telah ada keputusan dibuat oleh Tuan Speaker. Diamlah.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Bagilah saya bercakap.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Beritahu *point of order* lah sebelum tu?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya diam kamu bercakap. Sekarang bagi saya bercakap. Diamlah, duduk. Kamu cakap kemudian. Bagi saya bercakap dahulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hoi, ikut *point of order* la.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiu, *point of order* berapa Yang Berhormat Setiu?

*[Dewan riuh]*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Bagi lah saya bercakap dulu. *Point of order 93*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** 43?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Keputusan telah dibuat Speaker, supaya dibahaskan. Okey, sekarang 99A,tengok 99A order. *[Dewan riuh]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Itu *elementary* lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat, tidak payah bagitahu dia.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Jika semasa membuat apa-apa juar keputusan, telah terjadi kegagalan di pihak Majlis atau mana-mana Jawatankuasa untuk mematuhi mana-mana kedudukan... *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** 99A? Betul 99A?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ya. Di luar aturan, dia kata di luar maknanya perkara tersebut dikira sebagai luar aturan dan tidak boleh membatalkan perjalanan mesyuarat. Bermakna perintahnya telah dibuat. Jadi kita teruskan mesyuarat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua. *[Disampuk]*

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Jadi Yang Berhormat Setiu, Speaker salah lah? Perlu ada... *[Disampuk] [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** 99A. 99A.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang, cukuplah Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya ada buku peraturan. *[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].* Mengaku salah. Apa ini? Dia sendiri mengaku.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu 99A. Dia tidak boleh membatalkan keputusan, baca sampai habis ayat. Baca. *[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua hendak melindungi siapa? Cuba hendak melindungi siapa?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada *point of usul*. Ada ini. *[Menunjukkan buku Peraturan Mesyuarat]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua sedang melindungi siapa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya tidak benarkan lagi usul *point of order*, because it is the same thing.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** What he said just now was very clear, peraturan mesyuarat is very clear. What he said just now.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar duduk, Yang Berhormat Sepang ya.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Diam diamlah! 27? Minta, minta *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bintulu, minta duduk sebentar Yang Berhormat Bintulu. Okey. Tidak mengapalah Yang Berhormat, kita bahas secara tertib.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya minta, jangan minta menteri tiang kacau, itu sahaja. Okey.

**Datuk Abdul Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tarik balik, hari itu *you cakap tarik balik* sekarang tarik balik. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang, *point of order* yang mana Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** 27. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya berhujah, 27(3). Saya ingin menyatakan bahawa *very clear*, yang menyatakan bahawa, saya akui bahawa, kalaulah kita *assume*. *[Dewan riuh]* Kalau sekiranya Tuan Yang di-Pertua masih ingin meneruskan di bawah 27(3), dan oleh kerana 27(3), *motion* ini melibatkan *penal in nature* dalam erti kata bahawa kesan daripada usul telah diluluskan akan mengakibatkan Yang Berhormat Gelang Patah mungkin digantung. *[Dewan riuh]* Sabar dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cepat Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Maka saya berhujah, pertamanya, oleh kerana usul dibawa oleh Menteri, maka sudah tentulah oleh kerana melibatkan *penal in nature* mestilah prosedur itu mestilah *diinterpret* secara *strict because it involves penal in nature*. Jadi saya menyatakan bahawa adakah sekarang ini 27(3) telah dipatuhi? Okey?

## ■1210

Kalau sekiranya Tuan Yang di-Pertua mahu meneruskan di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3) dan oleh kerana 27(3)– oleh kerana *motion* melibatkan *penal in nature*, dalam erti kata bahawa kesan daripada usul ini kalau diluluskan akan mengakibatkan Yang Berhormat Gelang Patah mungkin digantung. *[Dewan riuh]* Sabar dahulu. Maka, saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya. *Brief* cepat Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...berhujah pertamanya, oleh kerana usul ini dibawa oleh Yang Berhormat Menteri. Maka, sudah tentulah oleh kerana ia melibatkan *penal in nature* mestilah 27(3) itu mestilah *diinterpret* secara *strict. Because, it involves penal in nature*. Jadi, saya menyatakan bahawa adakah sekarang ini 27(3) telah dipatuhi? Okey, pertamanya saya hendak tanya. Oleh kerana pihak Yang Berhormat Menteri yang ingin bawa usul ini di bawah 27(3), maka seharusnya mereka yang membuat usul itu mestilah memastikan kehendak 27(3) dipatuhi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ringkaskan Yang Berhormat. *What is your point?*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey. Persoalan saya, di manakah dalam ayat-ayat dalam usul ini yang menunjukkan bahawa 27(3) dipatuhi? Peraturan Mesyuarat 27(3). Okey pertamanya, adakah dalam usul ini menyatakan bahawa *in the public interest?* Keduanya, adakah ia perlu dibahaskan dengan segera? Selepas itu, *[Dewan riuh] upon representation of the Minister.* Okey, saya mengatakan tiga elemen ini mesti ada dalam kertas usul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ia tidak boleh dianggap...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya faham, saya faham Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...tidak boleh dianggap oleh Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Okey, saya faham Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *That is my first point. My second point* ialah saya ingin bertanya oleh kerana usul ini telah dikemukakan semalam dan pihak yang juga dijadikan *subject matter* usul ini ialah Tuan Yang di-Pertua sendiri. Jadi, kalau beliau sendiri telah meluluskan usul ini dalam keadaan beliau sendiri adalah *subject matter*, ini telah berlakunya *conflict of interest.* *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, baik. Duduk, duduk Yang Berhormat. Cukup.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun] [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat. Saya kata dua— ada sebentar. Ada dua isu sini Yang Berhormat. Ada dua isu, dia kata...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *My third argument.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya, ya. Duduk dahulu Yang Berhormat. *Please...*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Baru dua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *I have three arguments. [Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Sebentar, sebentar Yang Berhormat. Ada isu *of a—* dia kata sama ada ia *satisfy public of interest.* Dia tidak cakap Ahli Parlimen *is satisfied. It is the Speaker* yang buat *decision.* *Speaker must be satisfied. If the Speaker is satisfied then the usul boleh dimasukkan dalam Dewan, that's all.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** No, no. Dia cakap...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kedua, tiada isu bahawa *conflict of the interest, Speaker is the Speaker.* Dia kena- usul yang ini-

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** How, how...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** ...melibatkan dia pergi pejabat Timbalan Speaker, tidak. *Still the Speaker as an institution of the Speaker.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, saya hendak tanya dengan...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak tanya dengan...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Minta penjelasan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Peraturan mesyuarat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Penjelasannya ialah bagaimakah Tuan Yang di-Pertua boleh tahu keadaan orang yang buat usul tidak menyatakan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Betul lah, yang 27 itu dia bukan kata Ahli Parlimen Sepang yang mesti tentukan, tidak. *It's the Speaker. [Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** No, it is not true...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Public of interest, satisfaction of the standing order is the Speaker who decides. The Speaker* sudah buat usul, bererti Speaker puas hati yang memenuhi 27(3).

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** No, Tuan Yang di-Pertua tersilap. Dengan izin *[Dewan riuh]* minta maaf. *With due respect, with due respect, with due respect.* Saya ingin menyatakan sebelum Tuan Yang di-Pertua hendak *satisfied*, elemen itu mesti ada dalam kertas usul dulu. Kalau elemen tidak ada...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Tuan Yang di-Pertua patut *reject*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Seperti juga macam usul-usul yang lain dibawa oleh kerajaan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** No, no, the reason? Why, why...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** ...sebelum usul itu dikemukakan di Dewan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Why is the 27? There are three ingredients to fulfill. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** ...Speaker mesti berpuas hati, memenuhi. Ya?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *No, my second point. My second point tak jawab lagi ini.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Sepang, ini peraturan mesyuarat. Saya boleh cakap peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya belum habis lagilah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukup, cukuplah Yang Berhormat Sepang. *[Dewan riuh]* Teruskan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya belum habis lagi kamu duduklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang. Cukuplah Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya minta Yang Berhormat, saya belum habis lagi.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, siapa punya floor? Saya peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukup, cukup Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang, Tanjong Karang ya.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ringkas ya Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih. Ini Tuan Yang di-Pertua, saya lihat apa yang jadi kekecohan ialah mengenai tafsiran.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau hendak kira tafsiran, saya ingat 27(3) itu betul. Itu diberikan kuasa kepada seorang Menteri. Ia berbeza dengan Peraturan Mesyuarat 80 yang dibangkitkan tadi, ini tafsiran saya. Peraturan Mesyuarat 80 ini sesiapa pun boleh bawa. Sebagai Ahli Parlimen, saya pun boleh buat usul di bawah 80.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Akan tetapi saya tidak boleh bawa usul di bawah 27(3).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Oleh kerana ada perbezaan tafsiran ini, maka kita kena rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 99.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya bacakan Peraturan Mesyuarat 99 iaitu, “*Keputusan Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan sebarang perkara tafsir dalam mana-mana juga Peraturan Mesyuarat ini atau berkenaan dengan kelaziman adalah muktamad...*” [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ... “kecuali”, ada “...kecuali jika ada usul bersendiri menentang keputusan Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, dari satu masa ke satu masa, boleh mengeluarkan petua-petua berkenaan dengan perkara-perkara itu.”

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jadi, kalau tidak puas hati dengan keputusan Tuan Yang di-Pertua, buatlah usul. Bukan berbahas seperti ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau berbahas macam ini, sampai esok pun tidak selesai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah. Dari jam 12.00 tengah hari saya cakap...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jadi, saya sokong Peraturan Mesyuarat 90, menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** ...bahawa usul ini memenuhi syarat peraturan mesyuarat, *that's all*.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** [Bangun]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Akan tetapi jelas Tuan Yang di-Pertua, ada peraturan khas berhubung dengan disiplin Ahli Parlimen....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak payah lah Yang Berhormat. Kita...

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Peraturan itu yang patut digunakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya ingin– Yang Berhormat. Soal interpretasi, soal *legality* kita telah diputuskan, telah diputuskan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, ini jelas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya ingin teruskan perbahasan Yang Berhormat. Teruskan perbahasan. Sudah cukup Yang Berhormat. [Dewan riuh]

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ia akan berbalik kepada keputusan Speaker untuk membenarkan usul ini Yang Berhormat. Sudah, cukuplah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** *The public interest.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tahu, Yang Berhormat *public interest* sudah dibawa oleh tiga orang.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Sekarang saya minta kepada Tuan Yang di-Pertua atas kesedaran dan keyakinan Tuan Yang di-Pertua bahawa usul ini dibawa. Cuma yakinkan kami di sini bahawa isu ini ialah *public interest*, itu sahaja. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya lah...

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** *If you can satisfy it is a public interest...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya yakin elemen *public interest*, elemen *Parliament interest* telah di ambil kira Speaker untuk buat itu.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Sebab usul ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Adakah 23 ini meminta untuk Speaker menyatakan apa dasar *public interest* yang diambil oleh Speaker? Tidak ada. Ia tidak cakap.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Oleh sebab ini isu yang Berhormat Gelah Patah yang berhak berbahas dengan Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Di mana *public interest* ya dan kita akan membawa isu ini enam bulan *suspension* Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** ...segala perbahasan kita ini juga tidak selesai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah. Saya ingin teruskan, cukuplah. Yang Berhormat Setiu duduk, yang lain duduk. Saya ingin teruskan perbahasan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Perbahasan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat-sebentar. Selepas ini Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bintulu 10 minit, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Orang-orang luar 10 minit lagi tinggal.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berbahas, saya ingin berbahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua, inilah kita Ahli-ahli Parlimen ini, kita Ahli-ahli Parlimen sini, daripada sebelah, bila dia tiba masalah, memang dia tidak akan mengaku. Dia memang kongkalikung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah, sudah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Memang tidak mengaku. Dia akan cari apa-apa alasan menghalang isu-isu kemukakan...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Penjelasan, penjelasan. Menteri, apa maksud kongkalikung? *[Ketawa]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kongkalikung serupa macam Yang Berhormat Segambut lah. Hari-hari cerita kosong, tidak fahamkah? Ini peguam pun kongkalikung punya. *[Dewan riuh]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Apa punya *language* ini?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** 10 minit saya akan teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, 10 minit. Tinggal lapan minit ya.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Itu kamus apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat, cukup.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kita sekarang mesti mahu jaga imej Parlimen. Kita tidak boleh...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya hendak dapatkan *ruling* dari Tuan Yang di-Pertua, apa maksudnya kongkalikung?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** ...menunjukkan kita punya integriti.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Adakah ayat ini atau istilah ini sebahagian daripada *Parliamentary language*? Adakah itu juga bahasa Malaysia? *[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Ini Yang Berhormat Batu memang tidak faham, ini ayat sepuluh tahun dulu punya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Please sebab dalam *Hansard* kita banyak istilah yang digunakan. Saya agak dalam sejarah nanti kita tidak faham apa maksudnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apalah Yang Berhormat, tidak apa. Yang Berhormat, baik Yang Berhormat. Baik. Yang Berhormat Bintulu, apa makna kongkalikung? *[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kita cakap kosong, kali-kali kosong. Dia tidak faham apa Cina cakap?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik, baik Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** ‘*Kong kali kali kung*’ kosong. Dia tidak faham? ‘*Haiy ya*’.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya kira – Yang Berhormat, Yang Berhormat Bintulu saya kira perkataan Yang Berhormat Bintulu bukan *unparliamentary*. Akan tetapi saya pasti perkataan kongkalikung boleh disebut, dengan izin, Yang Berhormat

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Dengan izin.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *Show the standard of Malaysian Parliament.* [Ketawa]

## ■1220

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai *Parliamentarian*...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Tuan Yang di-Pertua, tak boleh terima itu Tuan Yang di-Pertua, itu bukan dalam kamus Dewan Bahasa ini.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** ... dalam kamus Bintulu, bahasa Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** ... sebab itu kita mesti ada *standard*, mesti ada *class* punya, jangan *abuse privilege* di Dewan yang mulia ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Celahan, celahan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kita jangan...

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Kalau ada *class*, tak ada kongkalikung lah.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Salah guna...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh mencelah? Setuju tak ini... usul kongkalikung?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya mahu tanya, tadi semalam saya dengar Yang Berhormat Seremban, cakap Yang Berhormat Gelang Patah balik dari Pulau Pinang. Saya difahamkan AirAsia, MAS, Malindo semua tiada dia punya nama. Tidak tahu apa kapal terbang dia pakai balik. Mungkin Firefly kah atau pun pakai jet, saya tak tahu. Tiada nama! So ini, satulah, tak tahu apa cerita ini. Contoh macam, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Sudah buat tuduhan sama itu kaum dia, bila sudah orang hantam sama dia, dia cakap “*Saya tidak cakap*”. Sama juga. Ini tidak ada tiba isu sudah, hentam punya masa banyak syok tapi tidak fikir belakang apa terjadi, belakang sudah terjadi semua deny. Ini kah *culture* kita ajar...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Penjelasan, penjelasan..

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** ...Sekarang kata pun *world class* punya *Parliamentarian*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Penjelasan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kita ajar kita punya generasi muda akan datang.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Bintulu.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Penjelasan.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Bintulu.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kita mahu muncul sama orang awam begitu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Nak bagi jalan Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Saya tidak ada masa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak bagi jalan Yang Berhormat, duduk.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang Berhormat buat tuduhan kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, tetapi saya tak faham tuduhan itu

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Kita mesti mahu tegas. Kita mesti mahu serius. Kita *must put the House in honor*. Cukuplah. Kalau kita pandang balik, tahun 1999 saya masuk, masa itu Speaker...

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Bintulu minta laluan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tidak...

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Bintulu minta laluan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Walaupun ada percanggahan, tidak sampai ini macam. Itu masa ada *scandal* sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak bagi jalan, tak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Lama-lama jadi ini, semua jadi kongkalikung punya Majlis ini. *[Ketawa] Kongkalikung. [Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua, ini dengar dengan Tuan Yang di-Pertua juga ada...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, faham kah Tuan Yang di-Pertua? Saya tak faham pun. Polisi apa ini Tuan Yang di-Pertua, tak faham langsung. *Standardlah sikit, classlah sikit.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Puchong, selepas itu Yang Berhormat Tanjong Karang. Ya Yang Berhormat Puchong. *10 minutes please, 10 minit Yang Berhormat.*

**12.22 tghari.**

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa semua rakyat boleh melihat kualiti dalam perbahasan di Parlimen ini. *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kalau kita lihat kepada apa yang beliau nyatakan, kelihatan seolah-olah Tuan Yang di-Pertua, dia kata kita kena tegas, *we have to be firmed*. Setakat mana lah yang saya boleh faham bahasa dia. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, semalam ada juga perkataan yang tidak selalu kita dengar seperti macam perkataan “sisak” Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Itu masalah dia.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Apa pasal itu?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai Ahli Parlimen saya rasa kita kena ambil serius perkara ini.

Di hadapan kami ada satu usul untuk mengantungkan seorang Ahli Parlimen. Ini bukan sahaja bermakna bahawa suara beliau tidak akan didengar dalam Dewan ini untuk enam bulan, tetapi ini juga bermakna bahawa hak-hak rakyat di kawasan Gelang Patah yang mengundi untuk Ahli Parlimen itu akan... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Tuan Yang di-Pertua ada kuasa untuk mendiamkan orang daripada sana? Adakah Tuan Yang di-Pertua akan mengambil tindakan kalau orang berani berdiri?

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *I think it's best for you to shut up Sir. Just shut up for while.* Tuan Yang di-Pertua, isu ini - *I'm coming too you.* Saya akan - *I'll deal with you* Yang Berhormat Kota Belud. Yang Berhormat Rembau *must be careful also, his head will go rolling soon.* *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, teruskan Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini kita kena ambil serius. Kalau kita sebagai Ahli Parlimen tidak ikut undang-undang, kalau kita sebagai Ahli Parlimen tidak ikut Peraturan Mesyuarat, ini akan menunjukkan kepada rakyat bahawa khususnya kerajaan Barisan Nasional, mereka pandai cakap tetapi tidak serupa bikin.

Di dalam Peraturan Mesyuarat Tuan Yang di-Pertua, ada peruntukan khusus. Peruntukan ini adalah membolehkan seorang Ahli Parlimen itu ke *Committee of Privileges*. Ada sebab tertentu, sebabnya adalah untuk memberikan beliau peluang dan ruang untuk memanggil saksi-saksi dan juga untuk membawa bukti untuk membela dirinya.

Dewan ini pada hari ini, menafikan hak itu kepada seorang Ahli Parlimen, tetapi kita sebagai Ahli-ahli Parlimen di sini kita menyokong. Kita menyokong satu usaha untuk menyekat keadilan yang diberikan kepada seorang Ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes ini, apabila kita lihat, kepada apa yang berlaku pada 19 Oktober 2015. Yang Berhormat daripada Gelang Patah membuat satu pertanyaan, dalam perbahasan beliau mencelah apabila hujahan dibawa oleh Yang Berhormat dari Sepang. Apa yang berlaku di situ, kita dapat lihat dalam *Hansard*. Kalau kita lihat kepada *Hansard* di muka surat 61 Tuan Yang di-Pertua, cukup jelas bahawa apa yang berlaku adalah Yang Berhormat Gelang Patah tanya satu soalan kepada Yang Berhormat Sepang.

**Seorang Ahli:** Tuduhan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Soalan dia begini, itu berikut kepada tafsiran. Masa itu saya lihat bahawa Tan Sri Speaker yang bersidang. Beliau berkata berkenaan dengan tafsiran dan Tan Sri Speaker menyatakan sedemikian, saya baca dengan izin, “*Lagi tafsiran. Kenapa tafsiran Yang Berhormat perlu saya dengar?*” Datangnya daripada Speaker. Speaker Dewan Rakyat memberitahu Ahli Parlimen, “*Kenapa tafsiran saya perlu dengar?*”

Dengan segala hormatnya, kita Ahli Parlimen kita datang ke Parlimen untuk memberi pendapat dan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Gelang Patah, beliau kata, “*Kalau begitu boleh buat apa-apa tafsiran*”.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor bangun, hendak bagi jalan?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Later, just for a while.*

“*Kalau begitu boleh buat apa-apa tafsiran. Di mana Tuan Yang di-Pertua menjadi diktator. Tidak boleh*”. Kalau kita lihat kepada rekod apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Gelang Patah cukup jelas. Beliau memberi nasihat. Beliau menyatakan dengan cukup jelas bahawa semua Ahli Parlimen ada hak untuk memberi tafsiran.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Jangan, *don't be children. If you want to stand up, stand up*. Hendak berdiri? Apakah soalan kamu? Hendak mencelah? Hendak mencelah atau tidak? Kalau tidak, duduk. Kalau mencelah, mencelah. Kalau tidak, duduk. *Sit down*. Tuan Yang di-Pertua ini masalah dia. Orang yang tidak mahu dengar. Jadi kita berbalik kepada tuduhan. Kenapa tuduhan itu dibuat? Kenapa dinyatakan, “*Kalau begitu, boleh jadi diktator*”.

Kita lihat apa yang berlaku dalam kes 1MDB Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]* Dalam kes 1MDB cukup jelas bukan sahaja satu keputusan dibuat dalam Dewan ini tetapi a series of decision made yang menunjukkan kepada seluruh Malaysia bahawa ada seorang yang ingin menggunakan segala kuasa dia untuk pastikan bahawa semua yang dibawa, yang dibangkitkan berkenaan dia itu ditutup. Seorang!

Tuan Yang di-Pertua, daripada permulaan diwujudkan apa yang dinyatakan Special Task Force. Special Task Force diwujudkan untuk menyiasat ke dalam 1MDB. Apakah yang berlaku?

Apabila didengar atau pun difahamkan bahawa satu kertas pertuduhan akan dibuat - *Come and sit back* Yang Berhormat Kota Belud, *come back*. Dengar, dengar. Saya mahu Yang Berhormat Kota Belud *informed. I want to know, to ask you. Listen to what I have to say. Don't run away.*

**Seorang Ahli:** *Don't run away.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia hendak pergi tandas itu Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Coward. [Dewan riuh]* Apa yang Yang Berhormat Kota Belud...

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Yang Berhormat Puchong *coward* lah!

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Apa yang Yang Berhormat Kota Belud kata di dalam surat khabar. *You're standing at the door.*

Apakah yang berlaku? Dia kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri perlu *take out certain people in order to make sure that he remains in power. [Dewan riuh] This is happening in this country.*

#### ■1230

Tuan Yang di-Pertua, seorang Menteri dengan cukup jelas *openly saying to the press*, masa itu apa berlaku? Kita lihat Timbalan Perdana Menteri digugurkan, begitu sahaja. Itu okey. Itu tidak apa. Itu masalah dalaman dalam UMNO. Akan tetapi, berkenaan dengan Peguam Negara. Peguam Negara di dalam Malaysia diketepikan, *removed just like that*. Dinyatakan beliau tidak sihat, beliau sakit dan sebagainya tetapi sehingga hari ini kita tahu kemungkinan itu tidak betul. Ini dilakukan oleh Perdana Menteri.

Tidak cukup di situ, *it doesn't stop there. The Special Task Force disbanded*, kita melihat bagaimana pegawai-pegawai MACC yang melakukan siasatan, mereka dipindah ke Jabatan Perdana Menteri sehingga seluruh Malaysia, rakyat perlu bangkit untuk menentang supaya keputusan itu diubah kembali. Ini memalukan. Sangat memalukan Tuan Yang di-Pertua.

Apabila kita datang ke Dewan yang mulia ini, kita lihat bagaimana soal-soal dibangkitkan berkenaan dengan 1MDB. Itu tafsiran, itu membawa kepada isu sama ada ataupun tidak *the Chairman of PAC is required to be there*. Soal yang berbangkit berkenaan dengan Aturan atau Peraturan Mesyuarat 77. Peraturan Mesyuarat 77 ada dua keadaannya. *There are it's opened to two interpretations* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kalau ada *two or three interpretations* yang *is open*, terbuka kepada kita, adalah terpulang kepada Ahli Parlimen untuk datang ke Dewan ini menyatakan bahawa ini adalah pandangan saya. Apa salah dengan pandangan itu? Kalau pandangan dia adalah kemungkinan ada salah guna kuasa dan sebagainya, apa salah kita menyatakan di Dewan yang mulia ini?

Yang Berhormat Gelang Patah tidak membuat *allegation* secara peribadi. Akan tetapi kalau kita lihat kepada apa yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua sebagai *Chair of the House* membuat satu keputusan begitu sahaja. Akan tetapi bila berikut kepada tafsiran, dia kata, *"Why should I hear your tafsiran?"* Tidak cukup itu, dia hendak gantung Yang Berhormat Gelang Patah untuk enam bulan.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, kepada saya ini dengan jelas menunjukkan bahawa apa yang berlaku di sini adalah satu usaha untuk terus menutup isu-isu yang berkenaan dengan 1MDB, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ini cukup jelas.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Mohon mcelah. Terima kasih Yang Berhormat Puchong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Lepas ini boleh gulung Yang Berhormat. Habiskan.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Puchong berkenaan dengan isu yang timbul iaitu Aturan Mesyuarat 77. Dengan apa yang dinyatakan oleh Tuan Yang di-Pertua semalam memberikan satu *ultimatum* dengan izin Tuan Yang di-Pertua kepada Yang Berhormat Gelang Patah, *either you apologize or motion will be tabled against you*.

**Beberapa Ahli:** Yalah.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yes. *Motion* yang ditable oleh orang macam ini. Bukankah itu tujuan Tuan Yang di-Pertua, kita ada satu peraturan khas di bawah Aturan Mesyuarat 80 untuk memberi Yang Berhormat Gelang Patah *a right to be heard*, bukan *right to be heard* oleh binatang macam ini.

*[Dewan riuh]*

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ini kurang ajar! Ini pun binatang! Binatang! Binatang ini! Ini binatang!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *A right to be heard...*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat, *it is too much*. Tarik balik. *How can you call* kita binatang? Tarik balik! *How can you call* kita binatang? Yang Berhormat Puchong, ini *your brother* Yang Berhormat Puchong.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Tarik balik! Tarik balik! Binatang! Tarik balik!

**Beberapa Ahli:** Tarik balik!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat Bukit Gelugor. Cukup Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Puchong, itu *your brother*. *How can dia panggil* kita binatang? *I will be worried...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor, saya minta Yang Berhormat tarik balik perkataan ‘binatang’. Tarik balik perkataan ‘binatang’ Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Saya sudah. Saya sudah. Saya tarik balik...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tarik balik dan minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tarik balik Yang Berhormat!

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Saya tarik balik...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** No, no. Tarik balik dan minta maaf.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah tetapi saya hendak jelaskan Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Isu di sini Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Gelang Patah mendapat...

*[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tarik dahulu, minta maaf.

*[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Tuan Yang di-Pertua, dia tidak tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tarik balik Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Adakah Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Saya sudah tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Tidak apa Yang Berhormat.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Minta maaflah!

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Saya sudah tarik balik. Tuan Yang di-Pertua, saya telah tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik. Saya terima itu bahawa tarik balik Yang Berhormat. Ya, saya terima.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Dia mencelah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sudah minta maaf. Sudah minta maaf. Ada dalam Hansard.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Baling, duduklah Yang Berhormat Baling. Habislah. Duduklah Yang Berhormat Baling. Sudah tarik balik itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Baling, sudah cukup Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *[Berdiri]*

*[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sudah ada dalam *Hansard*. You duduk! Teruskan sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Puchong. Sudah. Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat Baling.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara.] I agree but don't call people binatang!*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Baling.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Okey. *Do you want to repeat yourself?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yes. Yang Berhormat Kapar, duduk Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat Baling, duduk Yang Berhormat Baling.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Saya hendak habiskan pencelahan saya Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat. Habiskan. Balik kepada Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Saya sudah habis sudah. *Just sekejap sahaja Tuan Yang di-Pertua.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Last sentence* Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih. Apa yang saya ingin nyatakan atau tahniah kepada Yang Berhormat Puchong Tuan Yang di-Pertua, adalah sama ada Yang Berhormat Gelang Patah diberi *right to be heard* memandangkan dia mempunyai satu peruntukan spesifik untuk dengar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik. Teruskan Yang Berhormat. Yang Berhormat Puchong, habiskan Yang Berhormat Puchong. Habiskan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kapar, Kapar. Pendek sahaja. Yang Berhormat Puchong, Kapar.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya habiskan. *You cannot talk anymore* Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Satu sahaja. Penting ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat Kapar. Ya Yang Berhormat Puchong, habiskan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berbalik kepada apa yang saya sebut tadi. Isu yang di hadapan kita semua sebagai wakil rakyat adalah

berkenaan dengan hukuman yang boleh diberikan kepada mana-mana daripada kita apabila kami berbahas di dalam Dewan yang mulia ini. Apa yang kita minta adalah supaya diberi kesan kepada undang-undang yang ada. Bila kita lihat kepada Peraturan Mesyuarat 80A, cukup jelas bahawa kalau pertuduhan membawa kepada perkataan ataupun perkataan yang disebut sebagai penghinaan, ada cukup jelas satu prosedur, di mana prosedur itu digunakan untuk menentukan kebersalahan.

*So, we have to look at guilt first.* Dalam keadaan itu Tuan Yang di-Pertua, seseorang Ahli Parlimen itu dibenarkan untuk membawa saksi-saksi, memanggil. Misal kata dalam kes ini saya sebut tadi Menteri, sahabat saya Yang Berhormat daripada Kota Belud. Apa yang disebut, yang dibawa yang menjadi asas kepada perkara-perkara yang dibangkitkan.

Di sini saya Tuan Yang di-Pertua, mengulangi kita kena melihat dengan serius isu 1MDB ini. Bukan sahaja ia mendapatkan liputan yang cukup luas di media negara, di media luar negara pun ada. Tuan Yang di-Pertua, kita juga kena ingat bahawa kita juga ada titah daripada Raja-raja berkenaan dengan keperluan untuk satu siasatan ditubuhkan dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik. Habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Jadi dalam keadaan tersebut Tuan Yang di-Pertua, saya cukup menentang, tidak menyokong usul ini. Saya minta kepada semua Ahli Parlimen di sini supaya kita memberi kesan kepada apa yang ada dalam undang-undang. *We have the rules; it applies to all of us.* Esok akan berlaku kepada sahabat saya di sebelah sana. Kalau berlaku kepada sahabat saya di sebelah sana, saya akan berdiri untuk membela. *[Dewan riuh.]* Ini kerana kepada saya, ini adalah prosedur yang patut digunakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, saya akan panggil Yang Berhormat Tanjung Karang lima minit, kemudian Yang Berhormat Parit Buntar lima minit dan kita beri lima minit kepada Yang Berhormat Gelang Patah sebelum diusulkan.

**12.38 tgh.**

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau lima minit, saya tidak beri jalan. Bukan saya tidak beri, kalau beri jalan takut terganggu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, tidak beri jalan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Pertama Tuan Yang di-Pertua, saya lihat perkara kecoh ini ialah salah salah tafsir sebenarnya. Pihak sebelah sana salah tafsir, bukan sahaja salah tafsir peraturan tetapi juga salah tafsir erti keadilan. Kita lihat, puncanya ialah tafsiran Peraturan Mesyuarat 77(2) dengan 77(3). Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan supaya PAC tidak boleh bermesyuarat berdasarkan kepada tafsiran Peraturan Mesyuarat 77(2), tetapi pihak sebelah sana masih lagi berpegang kepada seksyen 77(3) yang mana saya

menyokong keputusan Tuan Yang di-Pertua. Kita telah beritahu perbezaan apabila Tuan Pengerusi tidak hadir dengan kerusi Pengerusi kosong. Dua situasi yang berbeza.

Oleh sebab tafsiran ini dia berbeza, sebab itu mesti ada keputusan, mesti ada hakimnya. Di dalam Dewan ini siapa hakimnya? Ialah Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana dalam Peraturan Mesyuarat ini kita lihat Peraturan Mesyuarat 43, memberi kuasa kepada Tuan Yang di-Pertua. Peraturan Mesyuarat 99, Peraturan Mesyuarat 11. Banyak peraturan yang diberikan kepada Tuan Yang di-Pertua supaya tafsiran-tafsiran, jika ada berlaku tafsiran bercanggah, maka kita kena menghormati keputusan Tuan Yang di-Pertua.

Kita tidak seperti dalam mahkamah.

#### ■1240

Kalau dalam mahkamah tidak puas hati yang keputusan Mahkamah Rendah boleh rayu kepada mahkamah yang lebih tinggi. Tetapi di dalam Parlimen pun boleh dengan syarat bawa usul seperti Peraturan 44 dan Peraturan 90. Ini yang tidak dipatuhi oleh pihak pembangkang yang menyebabkan kita kecoh. Saya bagi satu contoh yang cukup mudah apabila minta usulkan sesuatu perjanjian. Tafsiran jelas. Kalau tidak dengar tafsiran mengenai *bai'ah* melepaskan takhtanya kepada PAS sebagai contoh. Ini sebagai contoh bagaimana tafsiran ini bercanggah. Kalau ikutkan tafsiran daripada pihak PAS yang disokong oleh pihak menteri Kelantan, mana-mana Ahli PAS yang dari Kelantan melompat parti, keluar parti dia kata jatuh talak tiga.

Akan tetapi kita tidak nafikan juga tafsiran yang diberikan oleh rakan-rakan kita yang lompat parti. Jadi sebab itu kita lihat macam Yang Berhormat Sepang dia lompat parti. Mungkin tafsiran dia mengenai *bai'ah* itu tidak betul. Jadi kita kena hormat kerana itu hari ini kita kena hormat keputusan Tuan Yang di-Pertua. Kedua, jadi keadilan saya melihat ucapan Yang Berhormat Puchong sebagai contoh. Kita lihat bahawa keadilan bagi pembangkang apabila satu-satu keputusan, satu-satu institusi menyebelahi mereka itu, baru betul. Kita berhak dulu malah siapa yang menuduh Peguam Negara seperti *post station*. Teruk dia bantai. Pemilihan perawan terpilih apabila kes Teoh Beng Hock. Siapa yang menjadi jaguh bantai SPRM, bukan daripada Yang Berhormat Gelang Patah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik, habiskan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Berlaku apabila PDRM siapa yang bantai PDRM. Maksud saya mahkamah mana-mana institusi yang membuat keputusan mengambil tindakan tidak menyebelahi mereka, mereka menganggap institusi itu tidak adil. Hari ini yang menjadi mangsa adalah institusi Parlimen, kita yang menjadi ahli. Ini lambang demokrasi berpelembagaan, ini cukup penting, ini memang betul. *[Tepuk]* Usul yang dibawa, bawah 27(3) kalau sampai institusi Parlimen pun dipersoalkan, saya tak nampak. Bagaimana mereka tidak boleh tafsir bawah 27(3) itu yang dibuat oleh Menteri memang selari dan selaras dengan kepentingan umum. Ini kena faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan, habiskan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jika kita sendiri tidak menghormati institusi Perlembagaan ini, siapa lagi yang akan menghormatinya? Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju bahawa hujah-hujah yang dibuat oleh Yang Berhormat Gelang Patah yang lebih menyedihkan kita kesalahan ucapan-ucapan yang tidak sepatutnya dilemparkan kepada Speaker, diulang di luar Parlimen. Ini juga mesti dibuat peraturan, menghina kita, menghina memang dia kata kita tidak ada peraturan untuk diambil tindakan untuk menghina Parlimen. Saya bersetuju, saya sudah tengok peraturan memang tidak ada.

Akan tetapi apabila peraturan ini tidak ada, apakah kita sebagai Ahli Parlimen sewenang-wenangnya menghina Parlimen kita, menghina Tuan Yang di-Pertua. Ini tidak boleh kerana itu apabila kita tidak ada peraturan, kita kena ikut *precedent* ataupun kita ikut *common law*. Kita ikutlah apa yang dibuat oleh Speaker-speaker sebelum ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habis.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jadi sekarang diperlukan saya hendak cadang kalau perlu Tuan Yang di-Pertua saya sudah sampai masa, sudah sampai masa kita juga kena ubah peraturan kita membuat satu undang-undang menghina Parlimen hukumannya bukan setakat gantung dua hari, tiga hari, gantung kalau boleh biar sampai boleh didenda supaya kita mesti menghormati institusi kita sendiri menyokongnya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat ini...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Oleh itu saya menyokong usul yang dibawa oleh Menteri memang mematuhi Peraturan 27(3). Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak payahlah Yang Berhormat.

#### 12.43 tgh.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya terus berhujah di dalam kes Yang Berhormat mencelah ketika ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Sepang kita harus melihat perkataan-perkataan yang dipakai itu di dalam suasana apa ucapan itu dibuat. Perbahasan itu sedang berlegar di sekitar Peraturan 77 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sepang dan ditanya oleh Yang Berhormat Gelang Patah. Maka apabila berlaku perdebatan, apa yang dibahaskan hanyalah tentang peraturan itu dan apabila perkataan seperti 'salah guna kuasa' diungkapkan, ia bukan menuduh Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi ia lebih kepada membahaskan apa yang terkandung dalam Peraturan 77.

Kedua, latar belakang semua perbahasan ini Tuan Yang di-Pertua harus juga diambil kira iaitu tentang skandal 1MDB yang semua kita tahu merupakan satu isu yang ada kepentingan rakyat, maka di sini apabila Yang Berhormat Gelang Patah cuba bawa isu ini. Dalam soalan yang mencelah, dia mencelah dalam soalan itu, maka latar belakang itu sudah cukup jelas memberikan kita satu gambaran bahawa isu ini adalah isu yang bukan sekadar perbahasan Peraturan 77 juga tetapi dia tentang kepercayaan rakyat terhadap institusi Parlimen ini.

Ketiga, perbahasan yang diheret melalui respons Tuan Yang di-Pertua sendiri. Saya mendengar apabila Tuan Yang di-Pertua di dalam membahaskan Peraturan 100 tetapi 77, kemudian Peraturan 100 yang menyatakan kuasa Speaker untuk mentafsirkan sesuatu dipertikaikan sehingga membawa reaksi daripada Yang Berhormat Gelang Patah yang mahukan pentafsiran juga. Seperti yang disebut oleh rakan saya daripada Yang Berhormat Puchong ia soal pentafsiran. Ia bukan soal serangan kepada Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga saya perlu rakamkan di sini tidak siapa boleh nafikan bahawa Tuan Yang di-Pertua juga telah membuat sindiran-sindiran tertentu kepada Yang Berhormat Gelang Patang. Menyindir bahawa Yang Berhormat Gelang Patah berani...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan? Ada dua minit lagi Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Ini kerana Yang Berhormat Gelang Patah bukan duduk di kedudukan dan tindakan sebab itu Yang Berhormat Gelang Patah takut menjadi ketua Menteri. Maka reaksi Yang Berhormat Gelang Patah ialah kenyataan itu menjadikan Tuan Yang di-Pertua campur tangan soal politik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, hendak bagi jalan? Ada seminit lagi tinggal Yang Berhormat. Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Mana – saya hendak nyatakan di sini, sebelum itu saya hendak nyatakan jangan sekali-kali kita menggunakan kuasa kita hanya apabila kita tidak faham apa itu erti *contempt*, apa itu erti insaf. Saya ingin memetik di sini, *as far as insult in concern, it is not simply the occurrence of offensive language that needs to be taken into account, but also the type and intensity of the abuse as well as the reaction triggered by the perceive of lecture of fund.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Jadi saya menyatakan atas hujahan bahawa kita perlu memahami apakah yang *triggered the reaction*. Apa dia? Dia bukan sekadar menyatakan Tuan Yang di-Pertua ini sudah autokrasilah, Tuan Yang di-Pertua tidak bagi ruang dan sebagainya tetapi dia ada *reaction* kepada soalan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik, habis sudah Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Oleh itu saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habis sudah Yang Berhormat, masa sudah habis Yang Berhormat. Saya hendak bagi Yang Berhormat Gelang Patah.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Akhirnya saya ingin menyatakan bahawa saya menolak usul ini di atas ia jika diberi ruang untuk dikenakan kepada Yang

Berhormat Gelang Patah maka kita telah membuka pintu fitnah sehingga kita tidak dapat berbahas dalam suasana yang lebih objektif. *[Dewan riuh]* Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gelang Patah, lima, enam minit Yang Berhormat ya.

**12.47 tgh.**

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Saya sudah menjadi Ahli Parlimen lebih daripada 40 tahun. *[Dewan riuh]* Saya tak pernah berasa begitu sedih. Bukan oleh sebab saya akan digantung enam bulan tetapi oleh sebab apa yang berlaku hari ini merupakan sebenarnya penghinaan kepada Tuan Yang di-Pertua dan pun kepada Parlimen ini. *Super contempt* kepada Speaker dan kepada Parlimen ini. Saya rasa sedih. Ahli-ahli Parlimen tidak sedar begitulah menunjukkan betapa cetek mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Biarkan Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Betapa jahil mereka. Satu *tweet* yang ada disebut sangat tebal. *People are choking, struggling arising cost, chargers for sedition, 1MDB, typhoid and Speaker more interested in suspending* dan *they want more interested in suspending* Ahli Parlimen daripada Gelang Patah. Saya percaya kalau kita tanya orang ramai, adakah benar bahawa keputusan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** ...Tuan Yang di-Pertua untuk berhentikan PAC daripada mesyuarat adalah salah guna kuasa, *overall majority* kata ya salah guna kuasa! *[Dewan riuh][Tepuk]* Kalau kita selalu dalam perintah, tanya rakyat adakah benar bahawa ini merupakan satu sabotaj penyiasatan 1MDB. Kata ya lah! Ya! *[Dewan riuh][Tepuk]* Kenapa Ahli-ahli Parlimen tidak bersetuju?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Gelang Patah...

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Tak berani!

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Gelang Patah satu penjelasan Yang Berhormat Gelang Patah. Penjelasan!

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Duduklah. Jangan kacau-kacau *you* duduk sana. Duduk!

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Gelang Patah, penjelasan! Kasi penjelasan Yang Berhormat Gelang Patah!

*[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Duduk. Tidak payah kacau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat Setiu, duduklah Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** *[Dewan riuh]* ...Salah guna kuasa. Saya tidak kata bahawa Yang Berhormat sengaja sabotaj tetapi itulah kesan keputusan mereka. Tengok apa dalam usul ini.

**■1250**

Antaranya perenggan 1, 2, 3, 4. “*Bahawa Yang Berhormat Ahli parlimen Gelang Patah melemparkan tuduhan bahawa Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat menjadi diktator dalam membuat tafsiran kepada peraturan mesyuarat dan turut mempolitikkan kedudukan beliau sebagai Yang di-Pertua Dewan Rakyat.*”

Semalam, hari Selasa Tuan Yang di-Pertua tidak pernah timbul perkara ini. Kenapa Tuan Yang di-Pertua tidak timbulkan perkara ini? Oleh kerana tidak betul. Baca Hansard, adakah saya buat tuduhan itu? Baca Hansard atau *you are utterly ignorant?* Adakah standard pendidikan Malaysia begitu rendah, Ahli Parlimen tidak faham apa dalam Hansard. *[Dewan riuh]* Adakah keruntuhan standard? Menteri Pendidikan patut dipecat kalau begitu. *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Saya tahu, saya ialah mangsa terbaru. Satu penyakit yang bermaharajalela di tanah air kita. Satu penyakit, apa penyakit itu? *1MDB monster.* *[Tepuk]* Saya menjadi mangsa yang terbaru sahaja, untuk menjadi...

**Seorang Ahli:** *The first one...*

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Bukan *the first one, the latest.* Oh! Ramai mangsa, bekas Timbalan Perdana Menteri, bekas *Rural and Regional Development Minister*, Gani Patail Peguam Negara. *[Dewan riuh]* Kita ada lagi itu *Special Task Force*, bubar dan hilang. Mana itu *multi Special Task Force?*

Pada 28 haribulan, sehari selepas Timbalan Perdana Menteri dipecat dan lain-lain, ada terbit satu website yang kata, ada 21 orang *top conspirators* akan ambil tindakan terhadap mereka oleh kerana sabotaj demokrasi Malaysia. Nama-nama mereka ialah:

- (i) Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus, *Deputy Governor Bank Negara Malaysia;*
- (ii) Shamsuddin bin Mohd Mahayiddin, *Bank Negara Malaysia, Foreign Exchange Administration;*
- (iii) Abdul Rahman bin Abu Bakar, *Bank Negara Malaysia, Financial Intelligence and Enforcement;*
- (iv) Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdul, *Deputy Chief Commissioner (Operations) MACC;*
- (v) Datuk Tan Kang Sai, *Special Operation Division Deputy Director, MACC;*
- (vi) *Tan Sri Rashpal Singh, Advisory Board MACC;*
- (vii) Jessica Gurmeet, *Head of Special Task Force, Secretariat Administration Finance Department*
- (viii) Tong Kooi Ong, *The Edge;*
- (ix) Ho Kay Tat, *The Edge;*

- (x) Clare Rewcastle Brown of *Sarawak Report*;
- (xi) Sufi Yusof, Tun Mahathir's *Press Secretary*;
- (xii) Tony Pua Kiam Wee, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara; dan
- (xiii) Tan Sri Zeti Akhtar Aziz, *Governor Bank Negara*.

Saya barulah *casualty* yang terbaru. Lepas itu, PAC pun diganggu kan. Itu apa yang berlaku. Sekarang Parlimen, kenapa? Kalau kita tanya orang di luar, apa isu yang besar di negara kita? Jawapan ialah 1MDB. Lebih besar daripada jerebu. Akan tetapi dalam Dewan ini, penggantungan Ahli Parlimen daripada Gelang Patah, itulah isu nombor satu. *[Dewan riuh]* Sebenarnya ini pun sebab 1MDB. 1MDB sudah tukar wajah, bukan sahaja di luar Parlimen, institusi Parlimen pun. Kenapa boleh begitu? Tadi ada Ahli-ahli Parlimen sebut, sepatutnya kemukakan kepada *Committee of Privileges*, itulah cara yang wajar tapi saya rasa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat, habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** ..Tak perlu saya memberi pandangan oleh sebab '*tape is sealed*'... tak apa. Kalau penggantungan saya boleh memberi kesedaran rakyat. *[Dewan riuh]* *[Tepuk]* Perlulah... *I will give all that...* *[Tepuk]* Kita perlu meninggikan kesedaran rakyat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Saya mahu tanya sama ada kenapa dia buat *chapter hujah* ini. *It is a most shameful chapter in the history of Malaysian Parliament.* *[Dewan riuh]* *Most shameful chapter.* Tuan Yang di-Pertua ambil bahagian dalam perkara-perkara yang tak patut, tadi pagi ini. Menteri kata, "*If the Speaker accepts what he has to say, saya, the government is happy to withdraw the motion. It is now between him and the Speaker.*" Bila perkara Parlimen menjadi "*Him and the Speaker*"? Itu ialah hal ehwal rakyat Malaysia, bukan "*Him and the Speaker*". Sama ada isu ini ditimbulkan *it's not "Him and the Speaker", it is a Dewan Rakyat*, masa depan negara.

Oleh sebab itu saya kata saya hormat dengan penuh kepada Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah kata bahawa beliau sengaja salah guna kuasa. *[Dewan riuh]* Sengaja untuk sabotaj dan dia tidak ada *complaint* mengenai apa yang saya sebut, tidak boleh buat tafsiran yang sewenang-wenangnya, kalau buat begitu, diktator. Saya tak sebut dan tuduh dia diktator tapi Yang Berhormat kata dia diktator yang semua pun setuju. Tidak apa. Biarlah penggantungan saya menjadikan satu *lesson*, kesedaran kepada rakyat perlu ubah sehingga BN-UMNO jatuh. *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. *[Tepuk]* *[Dewan riuh]* Sila Yang Berhormat Menteri.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Beberapa Ahli:** Tarik balik usul! Tarik balik usul! *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Menteri menjawab Yang Berhormat.

**12.57 tgh.**

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada tiga minit sebelum pukul 1.00 petang. Tuan Yang di-Pertua, bila kita mendengar suara-suara wakil-wakil daripada parti pembangkang dan terakhir sekali suara daripada Yang Berhormat Gelang Patah yang menyedihkan bagi Ahli Parlimen veteran daripada tahun 1969. Boleh minta maaf, tidak minta maaf. *[Dewan riuh]* Masih berdiri, masih menggunakan perkataan sabotaj. *[Dewan riuh]* Masih mengatakan seolah-olah semua ini satu fitnah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia difitnah.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Panggil... *[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sudah jadi Menteri pergi belakang... Jangan buang masa. Bawa usul sahaja, jangan buang masa...

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Yang Berhormat Gelang Patah diberi peluang daripada hari kedua, hari ketiga dan hari ini keempat, diberi peluang minta maaf sahaja, tarik balik, tak nak. Dia yang sebenarnya mempolitikkan kedudukan dalam... *[Dewan riuh]*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** ...Disebabkan oleh sikap Yang Berhormat Gelang Patah, menjadi contoh...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Baru seminggu, baru empat hari, tidak faham-faham betul.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Saya kasihan kerana wakil rakyat mereka tidak tahu memperjuang dan tidak tahu berperangai di dalam Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said:** Maka kerajaan tidak ada pilihan, meletak, mencadangkan usul. Dengan itu, saya mewakili kerajaan menyatakan kepada Tuan Speaker, kami tidak ada pilihan tetapi memohon bahawa mencadangkan usul ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini diktator of the majority.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri di bawah perkara 1 itu tadi hendaklah disetujukan.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa:** Mohon belah bahagi Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** Mohon belah bahagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Belah bahagi. Setiausaha sila bunyikan loceng.

*[Loceng dibunyikan]*

*[Dewan berbelah bahagi]*

*[Pengundian dijalankan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan undi adalah yang bersetuju 107, yang tidak bersetuju 77. *[Dewan riuh]*

Sesuai dengan keputusan ini, saya minta Yang Berhormat Gelang Patah untuk meninggalkan Dewan.

**Tuan Loke Siew Fook:** Satu berkecuali. *[Dewan riuh]*

**Tuan Loke Siew Fook:** Kena rekod satu berkecuali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya tidak apalah. Keputusan ada di tangan saya 107 menyokong, yang tidak bersetuju 77.

**Tuan Loke Siew Fook:** Satu berkecuali.

*[Ahli-ahli bangun untuk meninggalkan Dewan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, satu berkecuali.

**Seorang Ahli:** Gelang Patah berkecuali.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Saya berkecuali supaya ada *no comment motion*, Perdana Menteri berkecuali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik Yang Berhormat, sila tinggalkan Dewan. *[Dewan riuh]*

Saya minta Yang Berhormat Gelang Patah untuk meninggalkan Dewan ini. Baiklah Yang Berhormat, kita tangguhkan Mesyuarat kita sehingga jam 2.30 petang.

*[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.13 petang]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempergerusikan Mesyuarat]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) 2015

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan urusan mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". *[21 Oktober 2015]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyambung bagi menjawab. Sila.

### **2.32 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meneruskan jawapan saya untuk Yang Berhormat Pasir Gudang. Beliau tidak ada, so I skip. Seterusnya Yang Berhormat Kelana Jaya.

Yang Berhormat Kelana Jaya ada bertanya sama ada pelaburan syariah yang akan dikendalikan oleh pihak EPF ini mematuhi prinsip-prinsip selain daripada halal, tidak ada alkohol dan sebagainya. Sebenarnya dalam konteks pelaburan syariah ini, ia merangkumi perkara yang lebih besar iaitu selain ia membangunkan ekonomi Islam dan juga membangunkan ummah secara keseluruhan, ia juga tertakluk kepada amalan pelaburan beretika seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya. Pada tahun 2015, saya ada sebut benda ini, iaitu pelaburan KWSP juga akan mengambil kira prinsip-prinsip seperti *environmental, social* dan *governance*. Itu adalah salah satu daripada ciri yang termaktub dalam pelaburan syariah.

Kedua, soal sama ada EPF akan melabur dalam syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti-aktiviti atau perbuatan *corruption* dan sebagainya. itu sudah tentu termasuk dalam amalan pelaburan beretika kerana EPF sentiasa menekankan pengurusan yang efisien, telus dalam satu-satu syarikat yang dilabur sebelum membuat sebarang keputusan.

Kemudian sama ada sistem KWSP *Islamic* ini terbuka kepada bukan Islam. Sebenarnya ya. Ia terbuka kepada bukan Islam tetapi tidak ada paksaan kepada orang-orang Islam.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta penjelasan sedikit ya. Tuan Yang di-Pertua, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya soalan saya kelmarin adalah sama ada, ada garis panduan, *written documents* dan boleh jawab atau tidak, dan juga boleh tidak masuk dalam jadual di dalam akta ini? Terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Untuk pengetahuan Yang Berhormat Kelana Jaya, Jawatankuasa Penasihat Syariah atau JKPS adalah bertanggungjawab menentukan garis panduan serta parameter dalam menentukan sesuatu pelaburan iaitu patuh syariah. *So internally I think they have the guideline. The detail guideline they have but they are not incorporated* dalam akta. Akan tetapi dari segi *detail* mereka ada. Kemudian, sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah ini adalah menjadi ikatan atau *is binding to the lembaga* dan juga panel pelaburan. *It is a bounded decision.*

Seterusnya Yang Berhormat Kelana Jaya juga mengatakan sama ada kadar dividen yang akan diberi kepada KWSP *Islamic* berbeza dengan konvensional. *That is your question right?* Akan tetapi dari segi prinsip KWSP konvensional, *there is guarantee*. Dari segi konvensionalnya, ia kalau membuat keuntungan, ia mestilah *declare dividend not less than 2.5%*, konvensional. Akan tetapi dari segi *Islamic* ia tidak ada. Ia bergantung kepada keuntungan pelaburan. Ini kerana dari segi *Islamic principal, we cannot guarantee anything. It is based on your actual* keuntungan yang dibuat oleh apa ini semua. *These two funds are actually managed*

*separately, independently.* Seperti mana contoh kalau *you* melabur dalam *Public Bank Mutual Islamic, so there would be separated fund* dengan yang konvensional.

Soalan Yang Berhormat Kelana Jaya juga sebut fasal FGV.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Penjelasan terlebih dahulu ya. Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila, sila.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya isu tentang dua *stream* ini, dua pelaburan, dua portfolio yang berlainan ini di antara *Islamic* dan juga konvensional, isu yang saya hendak timbulkan ialah apabila kita membuat dividen, bayaran dividen, saya harap *the differential between the two* tidak melebihi dua peratus.

Ini kerana kalau ia melebihi dua peratus- anggapan kitalah pada masa ini ialah kalau untuk *Islamic syariah compliance*, kebanyakannya adalah orang Islam lah dan konvensional pula bukan Islam lah. Biasanya macam itu. Saya tidak hendak timbul satu situasi di mana cemburu berlaku dan ini menjadi isu-isu tentang perkauman ataupun tentang *religion*.

Jadi saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri setuju atau tidak, kalau boleh itu dipinda dalam akta ini, dalam rang undang-undang ini iaitu satu *limit of the differential* sebagai dua peratus? Maknanya kalau satu tahun kita bayar *Islamic syariah* enam peratus, *conventional* kena minimum *four percent*. Jadi *differential between the two is not more than two percent. Thank you*, terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya. *Ideally*, itu yang sepatutnya tetapi dari segi prinsip perundangan Islam, *you cannot fix the return*. You tidak boleh menentukan pulangan.

Walau bagaimanapun, kalau kita tengok dari segi tradisi pelaburan di antara konvensional dengan yang Islam, selalunya ia tidak jauh beza. Kalau *you* tengok dari segi bon *for example*. Kalau *you* pergi konvensional bon dengan sukuk atau *murabahah, return* dia *cannot be found because the underline principal of investment* sama. Jadi saya rasa hendak mencadangkan dalam akta untuk melimitkan, saya ingat mungkin tidak praktikal kerana ia akan mengganggu dari segi prinsip syariah itu sendiri.

Yang Berhormat Kuala Nerus.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Saya hendak minta penjelasan sedikit tentang pandangan Yang Berhormat Kelana Jaya tadi, isu adakah kalau berlaku perbezaan akan timbul isu perkauman. Saya rasa kita kena mula dari titik bahawa tidak boleh menyamakan dua benda yang memang tidak sama. Kita kena mengiktiraf perbezaan. Kaum berbeza, agama berbeza.

■1440

Setiap agama ada caranya. Setiap kaum ada perbezaan budayanya. Kalau kita ingin menyamakan semua benda yang tidak sama, itu zalim. Tidak adil namanya. Jadi kalau

berlakulah orang Islam memilih *fund Islam* sebagai contoh, itu hak orang Islam. Itu adalah adil bagi orang Islam. Kalau bukan Islam tidak mahu, hendak memilih dengan cara tidak Islam ataupun hendak memilih cara Islam pun itu hak dia. Itu *fair* bagi orang bukan Islam. Ertinya pilihan itu diberikan sebagai satu alternatif untuk beri keadilan kepada orang yang memang tidak sama dari segi agama dan juga kaumnya. Kita sudah berubah kaum manusia. Minta pandangan.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Tuan Yang di-Pertua, masukkanlah jawapan itu sekali dalam saya punya. Okey. *I'm back to* Yang Berhormat Kelana Jaya FGV, KWSP dia melabur *almost* setiap syarikat yang ada *high market cap* dalam bursa saham *and have a strong fundamental* dia akan melabur.

Saya difahamkan EPF melabur dalam FGV *less than 5%*. *That mean* dari segi, ikut dari segi kiraan *is not substantial*. Akan tetapi *less than 5%* dan FGV ini kalau Yang Berhormat tahu bahawa ia bermula dari IPO proses pada tahun 2012 di mana pada waktu ketika itu proses penyenaraian IPO FGV ini telah diluluskan oleh *Security Commission* dan telah melalui proses. Akan tetapi dalam urusan melihat sesuatu syarikat itu berdasarkan harga pasaran di bursa saham Kuala Lumpur kadang-kadang kita juga kena melihat industri sesuatu syarikat itu terlibat.

Contohnya macam FGV waktu ketika masa dia *listing* itu syarikat ini merupakan syarikat perdagangan yang keempat terbesar di dunia dan merupakan pengeluar minyak kelapa sawit yang ketiga terbesar di dunia. Sudah tentu *nature of business* komoditi bergantung kepada permintaan dunia. Dulu waktu masa *listing* itu *I think the palm oil price* tidak silap saya hampir 2,700 metrik tan atau 2,800 metrik tan. *Today they go as low as 1,800 metric tan*. Now dia hendak minta sedikit 2,100 metrik tan. Ini bukan itu sahaja.

Begitu juga saya bagi contoh macam *Facebook*. Waktu dia mula-mula *listing* dulu IPO *price at USD38*. Empat bulan *after that the price drop to USD17*. So now after tahun 2015 semalam harga *almost USD87*. So, ikut pasaran ini begitu mengikut industri yang kita terlibat. Jadi saya hendak tekankan apa juga isu yang berlaku dalam FGV ini sebenarnya adalah isu yang akan dibawa oleh pemegang-pemegang saham dalam mesyuarat luar biasa ataupun mesyuarat Agong syarikat tersebut. EPF menjalankan pelaburan ini berdasarkan *evaluation* mereka.

Pada satu ketika mungkin syarikat bagus mereka akan melabur tetapi bila lama-kelamaan apabila syarikat itu sudah tidak menunjukkan ciri-ciri syarikat yang berdaya saing mereka akan jual. Itu dia *very pragmatic* dari segi ini. Saya ingat ini lebih kepada *internal* punya *assessment by FGV*. But yang saya hendak tekankan kepada Yang Berhormat Kelana Jaya bahawa EPF tidak terlibat secara langsung dari segi pengurusan FGV kerana dia mempunyai *less than 5%*. Dia melabur dalam syarikat ini seperti mana yang saya cakap tadi.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan saya sebenarnya apakah *paper loss situation*? Kalau boleh bagi satu angka itu baik. Yang Berhormat Timbalan Menteri sebenarnya FGV punya *share, percentage* itu lebih daripada 5% sebenarnya.

Setahu saya sejak dekat-dekat ini dia turun *below significant shareholder* ya. Isu tentang *comparison* dengan *Facebook* itu cerita lain. *[Ketawa]* Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu.

Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu bahawa *Facebook* itu adalah satu *speculative counter* tentang isu Internet di mana pelaburan dalam FGV. Kalau FGV kita *compare* syarikat. *We have to compare apple to apple.* Kalau kita *compare* syarikat dengan syarikat lain daripada yang buat dalam bidang sawit kejatuhan FGV 70% nilai dia *is exceptional*. Memang *exceptional*.

Jadi soalan saya ialah apa *paper loss*? Apa tindakan terhadap orang-orang yang mencadangkan kita membuat *investment* besar dalam FGV? Kalau dia *invest* 10 juta, itu *not sure* Kalau berbilion-bilion *I think the paper loss is extreme, some discipline must happen.* Terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** EPF seperti mana *funds* ataupun *privates unit trust* yang dilabur, Selalunya mereka mempunyai *some confidential information*. Jadi mana-mana portfolio yang mereka melabur adalah *the cost or average cost of each investment* ini dia tidak *make known to the public*. Apabila *you make known to public people can access your cost. It will create an overhang situation* dalam market. So usually sebagai *portfolio manager* if you manage katakan 100 hingga 200 kaunter, 300 counters usually *you do not tell people exactly every counter what is your cost. Eventhough you are public fund.* So, *that basically the gist of the investment.* So at this point of time I want to share to you PNB mempunyai 8.64%, Tabung Haji mempunyai 7.78%, KWAP 5.08% but EPF less than 5%.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Menteri sorry. Tuan Yang di-Pertua, jadi saya tidak tanya tentang bila beli, bila tidak jual. *Actually I can track the whole thing through Bursa Malaysia. The only thing I cannot track is paper loss, the amount.* Saya rasa *paper loss* ini bukan satu *official Secrets Act*. EPF adalah keperluan rakyat. Kita di Dewan Rakyat sekarang. Jadi saya minta kalau boleh itu Menteri secara bertulis. Kalau tidak ada data pada hari ini, *at least pass it to me later. Thank you.*

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih. Even kalau *you* cerita mengenai, even kalau kita dekat dalam Dewan pun *the moment I talk to you after this after five minutes the value will be totally different.* So now *I think I will get you.* So, as far as I am concerned *I think way to understand* kalau EPF dia melabur *when you start giving every detail* of ini sudah tidak ada dia punya strategi pelaburan dalam. *That is why you kena faham dari segi pelaburan ini* kalau pelabur-pelabur atau *institutes of fund* yang lain di luar sana *Public Mutual, CIMB Principle all that*, mereka pun mempunyai strategi berbeza-beza dengan EPF sebagai contoh.

Jadi kalau kita beritahu semua orang kita punya *detail the fact remain is actually EPF responsible for any investment* yang dia buat mengikut *guideline* yang telah ditetapkan oleh jawatankuasa pelabur. Yes, Yang Berhormat Putatan. Yang Berhormat Putatan ada *debate* tadi? Ada *debate*?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Tidak ada pun semalam.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Hendak minta penjelasan sahaja.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri, saya dengar penggulungan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sungguh hebat memang pun lain dia Tuan Yang di-Pertua.

Jadi tertarik pula saya, minta penjelasan soal kaunter-kaunter yang mana kita melihat *unrealized loss* Yang Berhormat Kelana Jaya cakap ini *paper loss*. Jadi tertarik saya soal kemerosotan nilai ringgit kita. Adakah antara kaunter-kaunter yang kita nampak *unrealized loss* yang kita tidak boleh tarik yang mana kita boleh *realize*. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan sedikit.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Dia dari segi pelaburan ini dia bergantung kepada objektif pelaburan. Macam di peringkat EPF dia punya strategi pelaburan *always* jangka panjang. *As long as* syarikat itu mempunyai *fundamental*, industri yang akan kekal lama dalam negara, mempunyai aset yang kukuh, *they always take long term. Up and down* ini biasalah dalam pelaburan. Jadi itu saya punya pandangan.

Nilai dia akan berubah. Dia mengikut daripada pasaran bursa dan mengikut kepada industri yang terlibat. Contoh kalau esok atau *next two, three months palm oil moves up to 2,800* metrik tan, sudah tentu kaunter ini is *one of the counters that is going to go up*.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Soalan saya akibat daripada kecelaruan nilai ringgit kita itu. Minta di....

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Ada. Bila ada nilai ringgit yang jatuh kalau *demand* di luar negara sana tinggi sudah tentu negara Malaysia adalah merupakan *preferred choice to buy the palm oil* sebab dia murahlah. Oleh sebab dulu kalau *you* hendak beli *palm oil* dekat sini ini mungkin *equivalent conversion is about 3.50*. Akan tetapi *now is about 4.20, 4.27*. Sudah tentu kita akan jadi lebih murah kalau dibandingkan sebelum.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Okey, saya *move to next one*. Yang Berhormat Kelana Jaya tanya saya mengenai saya di *brief* oleh TTPA. Belum lagi. *I think we discuss it together later on* dekat dalam Parlimen.

#### ■1450

Yang Berhormat Jerantut, gaji minimum saya sudah jawab. Bayaran lewat bayar. *Actually* bayaran lewat bayar ini adalah sebenarnya bukan *interest* cuma *administration fee* kerana banyak daripada majikan yang bayar lambat kepada pekerja punya caruman sedangkan pekerja dapat *nett* tetapi mereka sudah potong siap-siap tetapi mereka tidak bayar kepada EPF, *by the time* EPF *declare* dividen duit itu tidak sampai lagi dan kemudian bila duit itu sampai kita terpaksa *charge* dia lewat kerana dia merugikan *account holder* apabila dividen *dideclare* oleh pihak EPF.

Kemudian pendeposit warga asing.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Menteri sedikit.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Ya.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang isu *charge* tadi itu. Tidakkah *charge* dibuat berdasarkan *percent*? *Percent* pada jumlah *amount*?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Tidak. Kalau ikut *Islamic*nya dia tidak buat begitu. Dia tidak kira *percentage*, dia ikut daripada segi kos. Macam katakan KWSP *Islamic declare* dividen katakan 5%, contoh, kemudian tuan punya akaun ini tidak dapat duit daripada dia punya majikan waktu ketika buat *declaration*, tetapi apabila majikan itu hantar duit itu selepas dividen itu *declare* maka majikan itu akan dikenakan *equivalent 5% of* dividen yang dia tertinggalkan ini. Itu dia punya maksudnya.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Soalan yang asal ditimbulkan oleh...

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Yang Berhormat Jerantut...

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Jerantut itu isu yang *charge* sekarang bukan? Yang berlaku sekarang?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Sekarang ini dipanggil faedah, dipanggil *interest* tetapi bila rujuk KWSP *Islamic* kita tidak boleh pakai perkataan faedah dah. Kita pakai caj perkhidmatan ataupun dipanggil lebih kurang macam *administration fee*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Jasin, di belakang.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ucap tahniahlah kepada KWSP kerana satu daripada tabungan amanah yang cukup berjaya dan di antara yang terbaik dalam dunia pada ketika ini. Hanya saya hendak tanya dua perkara. Pertama, Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana pada ketika ini kutipan pada setiap bulanan melebihi RM1 bilion dan KWSP telah merekodkan aset yang cukup besar sekali. Setakat ini saya tidak nampak, sebelum ini kita tahu yang KWSP banyak membuat keuntungan daripada pelaburan-pelaburan yang cukup terbaik sekali tetapi saya tidak nampak banyak CSR yang dibuat oleh KWSP terutamanya kepada kepentingan pekerja-pekerja yang banyak mencarum dan keduanya kepada masyarakat.

Soalan saya yang kedua, sebagai sebuah tabungan amanah kita dapat daripada data bahawa mereka yang bersara selepas 55 tahun mengeluarkan kesemua sekali tabungan mereka dan hanya cukup untuk 5 tahun untuk mereka berbelanja selepas itu dia sudah tidak ada duit sudah. Akan tetapi kepada mereka yang berkemampuan dan tidak mahu melabur kepada tempat-tempat lain ataupun tidak pandai melabur, adakah KWSP memikirkan satu kaedah kepada mereka yang mahu menabung daripada 55 tahun ke 60 tahun?

Selain daripada dividen yang diberi, kita bagi satu insentif mungkin *plus-plus 1%*, 60 tahun ke 65 tahun kemudian kita bagi lagi *plus-plus another percent* dan seterus pada 65 tahun, 70 tahun. Dengan ini kita dapat memastikan supaya pekerja-pekerja yang telah bersara bukan sahaja dapat menabung bahkan dapat dividen yang lebih menarik lagi dan KWSP boleh menawarkan faedah yang lebih tinggi daripada kalau ia melabur di tempat lain ataupun di bank. Terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih, Yang Berhormat Jasin. Ya, saya ambil maklum pandangan Yang Berhormat Jasin tetapi dalam konsep pelaburan EPF ini sebenarnya mereka boleh melabur duit dalam caruman yang dihantar kepada mereka ini, mereka tidak mempunyai hak untuk simpan/reserve. *Whatever* yang mereka dapat, mereka labur, untung dipulangkan balik semula dalam pemegang-pemegang akaun.

Jadi selain daripada itu yang saya nampak dia ada bagi khairat kematian, kurang upaya dan juga ada juga cadangan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Kuala Nerus semalam mengatakan adakah perlu kita memikirkan kepada pelabur-pelabur KWSP Islamic yang tidak berkemampuan untuk menyara hidupnya apabila dia habis umur 55 tahun ataupun 60 tahun, simpanannya sedikit waktu ketika itu dia mempunyai kesihatan yang tidak baik dan memerlukan banyak *medical expenses*, kemungkinan besar EPF boleh memikirkan untuk membeli insurans kesihatan dan sebagainya. Itu saya ingat lebih kepada *administration* dan EPF akan melihat perkara ini.

Seterusnya Yang Berhormat Jerantut juga ingin tahu mengenai *unclaimed money*. *Unclaimed money* setakat hari ini pada setakat 30 September 2015 seramai 153,573 ahli KWSP yang berumur 80 tahun ke atas yang masih belum menuntut simpanan persaraan mereka dengan jumlah simpanan RM422.2 juta dan itu sahaja maklumat yang saya bagi.

*And then the next one is*, Yang Berhormat Pokok Sena saya sudah jawab sama fasal produk syariah. Yang Berhormat Setiu juga saya sudah jawab fasal gaji minimum, kemudian Yang Berhormat Ipoh Barat. Yang Berhormat Ipoh Barat mengatakan kenapa kita tidak *combine SOCSO dengan EPF*. *SOCSO is an insurance, EPF is saving*. Penama dah selesai. Kes majikan tidak bayar. Kes majikan tidak bayar tindakan mahkamah akan diambil dan juga EPF menggalakkan pekerja-pekerja buat aduan kepada EPF dan EPF telah menjalankan banyak penguatkuasaan, telah *collect* banyak benda yang tertunggak contohnya sebanyak 2,944 kes telah dibawa ke mahkamah dapat *collect* RM37 juta dan pengarah-pengarah yang tidak membayar EPF juga telah dikenakan tahanan supaya tidak boleh keluar daripada negara. Sudah *collect* RM16.94 juta dan yang lain, Yang Berhormat Batu Gajah penamaan, kita sudah cerita fasal penamaan.

Dana 100 tahun ini bukan kita buat fasal EPF tidak ada duit tetapi kita hendak bagi peluang kepada mereka yang mempunyai umur yang panjang supaya masih terus boleh menikmati dividen oleh EPF. Kemudian, Yang Berhormat Bukit Gantang fasal zakat kita sudah bercerita. Fatwa, caruman, kelompok, premium, caruman kelompok itu salah satu daripada *administration* yang kita sebut tadi.

Kemudian okey Yang Berhormat Tanjong juga sebut fasal konvensional. Beza konvensional dengan *Islamic* sebab konvensional kita letak *fix deposit* dalam bank yang memberi *interest*, *fix interest* dan consider dalam *Islam is riba*. *And then investment return* tidak *guaranteed*. Yang Berhormat Tanjong. Yang Berhormat Temerloh juga saya sudah jawab. Yang Berhormat Tasek Gelugor soalan yang sama telah dijawab. Kemudian Yang Berhormat Pasir Mas juga sistem kewangan, okey semua saya sudah jawab. Yang Berhormat Bagan Serai

kosong, saya sudah jawab. Yang Berhormat Shah Alam pun banyak yang saya sudah jawab dan merapu. Okey, *all right*, terima kasih.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Semalam masa hendak tutup sidang semalam kita bincang isu zakat KWSP dan Menteri sudah baca fatwa cuma ada sedikit lagi penambahan yang belum dibahaskan. Menteri hendak ulang atau saya kena ulang balik dekat sini? Isu yang saya bangkitkan semalam begini.

Pertama sekali fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh peringkat negeri termasuk Fatwa Kebangsaan fokus kepada kewajipan pencarum. Dalam realiti mereka menyedari bahawa duit caruman mereka berada di tangan KWSP dan tidak dapat dikeluarkan melainkan pada masanya. Maka fokus fatwa pada pencarum iaitu pencarum hanya wajib bayar zakat simpanan bilamana mereka menerima segala wang caruman mereka ketika usia persaraan.

Akan tetapi kalau ikut keadaan asasnya ialah KWSP sebagai pemegang amanah bertanggungjawab mengeluarkan zakat bagi pihak penyimpan ini. Itu yang sepatutnya dan fatwa di peringkat Jawatankuasa Syariah Perlis pada tahun 1990 pernah keluarkan fatwa tetapi tidak diwartakan dalam isu ini.

#### ■1500

Jadi, yang hendak cadangkan semalam ialah bila saya bincang di luar dengan Yang Berhormat Menteri semalam, timbulkan isu ialah KWSP tidak dikenakan cukai oleh kerajaan. Maka, peruntukan untuk keluarkan zakat juga tidak ada. Maka, saya hendak mencadangkan bahawa perlu ada pindaan supaya KWSP ada ruang lingkup akta yang membolehkan membayar zakat. Kenapa? Tujuan pertama, menyelamatkan orang Islam, tidak tunggu mereka sampai penceran baru hendak bayar kerana hari ada ramai kalangan kita yang tolong bayar. Setiap tahun dia tengok berapa penyata dia, dia tolong bayar pakai duit luar. Ini bagi mereka yang berduitlah. Kita bayar duit luar. Erti, kalau KWSP ambil tanggungjawab, selesai urusan ini. Satu.

Kedua, hasil zakat. Saya buat contoh begini. Kalau ambil pelaburan KWSP RM600 bilion sekarang, kalau kita andaikan orang Islam 60%, RM360 bilion, zakatnya 2.5%. Ertinya, RM9 bilion setahun duit zakat KWSP. Kalau duit zakat ditabungkan balik dengan akta tertentu yang boleh memulangkan balik kepada pencarum yang berhak menerima zakat. Yang sakit, yang sedang belajar, yang itu, yang ini. Maka, tentulah manfaat yang sangat besar pada orang Islam. Itu cadangan saya semalam. Terima kasih.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Menteri, bersekali Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Boleh.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila, sila.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada dua isu. Saya ada permasalahan daripada debat-debat sebelum ini. Saya ada mengatakan dengan pemohon, adakah berkesudian untuk memasukkan wakil-wakil

pekerja yang boleh dimanfaatkan untuk memberi saluran maklumat kepada mereka yang terlibat seperti Persatuan CUEPACS atau MTUC untuk mereka menjadi pemantau dalam segi pelaburan syariah ini. Itu yang saya anggap sebagai boleh mengawal selia tentang kedudukan pelaburan syariah ini.

Nombor dua Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak maklumkan bahawa pada tahun 2007 telah pun ditarik waktu itu. Sebelum itu, dia bagi khairat kematian. EPF bagi khairat kematian mengikut anak-anak, RM30 ribu maksimum. Hari ini dia bagi RM2,500. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berpandangan bahawa khairat kematian ini boleh dirujuk kepada yang sebelum ini yang memberi mengikut anak-anak, RM30 ribu ke bawah daripada kelayakan yang mereka sepatutnya dapat. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju kalau sekiranya ia pun di masuk dalam satu kelayakan skop membolehkan bila pencarum meninggal dunia, warisnya mendapat seperti mana yang sebelum ini yang telah pun ditarik oleh kerajaan dengan keadaan menukar kepada RM2,500. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Saya jawab Yang Berhormat Kuala Nerus. Saya ingat itu satu cadangan yang bagus. Tinggal lagi mungkin selepas Jawatankuasa Syariah ini diwujudkan dalam KWSP *Islamic, maybe* kita minta Lembaga Penasihat Syariah ini melihat secara *detail* dari segi kebijakan orang Islam dari segi konteks yang Yang Berhormat Kuala Nerus sebut tadi. Yang Berhormat Kuala Langat, saya setujulah kita panggil wakil-wakil pekerja duduk dalam ahli Lembaga Syariah ini tapi dia orang pun kena *qualified* lah. Kalau dia orang tidak *qualified*, tidak bolehlah. Macam Yang Berhormat Kuala Langat hendak masuk, saya akan *recommend* lah. Okey.

Jadi, yang fasal yang insurans itu saya kurang pasti tapi yang saya tahu yang RM2,500 itu, tapi dulu saya *remember*lah. Akan tetapi saya ingat dulu masa itu kalau tidak silap saya EPF beli insurans kalau tidak silap. Dia beli insurans *in order to* bayarkan RM30 ribu. Akan tetapi saya nanti saya rujuk baliklah kepada pihak terbabit. Itu salah satu daripada cadangan yang bagus, terutama kepada mereka yang tidak mempunyai deposit yang banyak. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah selesai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]**

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

[**Fasal-fasal 1 hingga 24** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]  
[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]  
**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**  
[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

## RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PINDAAN) 2015

### Bacaan Kali Yang Kedua dan ketiga

#### 3.07 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2015 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) ialah sebuah badan berkanun yang diberi kuasa di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011, Akta PIDM untuk mentadbir sistem insurans deposit serta sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans. Penubuhan PIDM bertujuan untuk meningkatkan keyakinan pendeposit dan pemunya sijil takaful dan polisi insurans serta memulihkan institusi anggota yang tidak berdaya maju. Peranan PIDM dalam menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan dan bertindak sebagai Lembaga Resolusi Kebangsaan (*National Resolution Authority*) untuk institusi anggota PIDM telah diiktiraf dalam Pelan Sektor Kewangan 2011- 2020.

Bagi tujuan ini, pihak PIDM sentiasa menjalankan kajian dan semakan bagi tujuan mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanannya dalam menguruskan institusi anggota yang bermasalah serta dalam menguahkan perlindungan kepentingan pendeposit dan pemunya sijil takaful dan polisi insurans. Pada tahun 2013, Bank Negara Malaysia telah menggubal Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) bagi menggantikan enam akta yang dahulu ditadbirnya. Enam akta tersebut ialah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989, Akta Bank Islam 1983, Akta Insurans 1996, Akta Takaful 1984, Akta Sistem Pembayaran 2003 dan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953.

Dalam penggubalan APK dan APKI, cadangan pindaan ini diperlukan bagi menyelaraskan Akta PIDM dengan APK dan APKI sebagaimana yang sesuai. Selaras dengan mandat PIDM untuk melaksanakan tindakan campur tangan dan resolusi terhadap institusi anggota yang bermasalah dan dengan segera serta meminimumkan kos kepada sistem kewangan, cadangan pindaan perlu dibuat untuk melengkapi dan memperkuatkuhan kuasa tindakan campur tangan dan resolusi PIDM.

Secara keseluruhannya, RUU PIDM (Pindaan) 2015 akan:

- (i) Mengemas kini dan menyelaraskan Akta PIDM dengan APK dan APKI sebagaimana yang sesuai.
- (ii) Mengukuhkan dan melengkapi skop kuasa tindakan campur tangan dan resolusi PIDM; dan
- (iii) Membuat pindaan kecil dan berbangkit kepada Akta PIDM.

**■1510**

Tuan Yang di-Pertua, APK dan APKI berkuat kuasa pada tahun 2013 dan telah memperkenalkan peruntukan baru. Sesetengah peruntukan baru ini, terutamanya peruntukan berkenaan dengan penggulungan adalah tidak konsisten dengan Akta PIDM. Oleh itu, peruntukan Akta PIDM perlu diselaraskan dengan peruntukan APK dan APKI sebagaimana yang sesuai.

Bidang utama dalam Akta PIDM yang perlu diselaraskan dengan APK dan APKI adalah seperti berikut:

- (i) untuk membezakan “akaun pelaburan Islam” yang pemulangan wang prinsipalnya tidak dijamin oleh bank daripada “deposit Islam” yang pemulangan wang prinsipalnya dijamin oleh bank;
- (ii) untuk mewajibkan aset perbankan konvensional dipisahkan daripada aset perbankan Islam dalam penggulungan anggota penerima deposit yang menjalankan perbankan konvensional dan Islam;
- (iii) keutamaan bayaran (*priority of payment*) apabila anggota penerima deposit dan anggota penanggung insurans digulungkan;
- (iv) penggunaan kumpulan wang sertaan (*participating fund*) apabila anggota penanggung insurans digulungkan; dan
- (v) hak tuntutan pemunya sijil takaful atau polisi terhadap anggota penanggung insurans yang digulungkan.

Pemindahan wajib syer. Tuan Yang di-Pertua, PIDM ialah pihak berkuasa resolusi yang berhak mengambil tindakan resolusi terhadap institusi anggota yang tidak berdaya maju dan Bahagian VII Akta PIDM mengandungi peruntukan kuasa campur tangan dan resolusi PIDM. Rang Undang-undang PIDM (Pindaan) 2015 memperkuatkuan kuasa resolusi PIDM yang sedia ada melalui peruntukan baru kuasa pemindahan wajib syer.

Cadangan kuasa pemindahan wajib syer ini bertujuan membentarkan PIDM mengambil tindakan resolusi dengan segera terhadap institusi anggota yang diisyiharkan tidak berdaya maju. PIDM boleh dengan kelulusan Menteri Kewangan memindahkan syer institusi anggota yang tidak berdaya maju kepada pembeli swasta yang mampu melaburkan wang untuk memulihkan institusi anggota tidak berdaya maju tersebut. Pampasan yang munasabah akan diberikan kepada pemegang syer dan pemegang syer berpeluang untuk memohon penyemakan semula kemunasabahan pampasan tersebut melalui Jawatankuasa Pentaksir.

Kuasa pemindahan wajib syer yang dicadangkan ini merupakan resolusi pihak swasta (*private sector resolution*) yang penting untuk memastikan institusi bermasalah dapat dipulihkan

melalui dana swasta apabila terdapat pembeli swasta yang bersedia memulihkan institusi anggota bermasalah. Kuasa pemindahan wajib syer ini akan dapat meminimumkan gangguan sistematik dalam pengendalian institusi anggota bermasalah di samping melindungi fungsi ekonomi yang penting. Cara resolusi ini membolehkan institusi anggota terus wujud dan beroperasi sebagai entiti yang sah serta mengelakkan gangguan dalam perkhidmatan perbankan dan juga insurans demi kepentingan pendeposit dan pemunya sijil takaful dan polisi insurans.

Salah satu kesimpulan utama yang berbangkit dari dialog polisi forum *Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC)* ialah penginsurans deposit perlu mempunyai rangka kerja untuk mengambil tindakan campur tangan dan resolusi segera terhadap institusi yang bermasalah supaya kos kepada pendeposit dapat diminimumkan dan masalah institusi dapat dibendung agar ia tidak menjadi krisis kewangan sistematik. Kuasa pemindahan wajib syer ini telah diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai salah satu tindakan resolusi pilihan (*preferred resolution tool*) dan penting untuk kestabilan sistem kewangan.

Sejak berlakunya krisis kewangan global, badan-badan pengawal selia di negara seperti United Kingdom, Kanada dan Singapura telah pun memperkenalkan kuasa pemindahan wajib syer bagi menyelesaikan institusi yang bermasalah. Di Malaysia, Bank Negara Malaysia mempunyai kuasa pemindahan wajib syer. Akan tetapi kuasa Bank Negara ini hanya terpakai dalam krisis sistematik bagi mengelakkan dan mengurangkan risiko kepada kestabilan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga bertujuan untuk meminda peruntukan lain dalam Akta PIDM bagi meningkatkan keberkesanan pentadbiran, kejelasan dan keselarasan pelaksanaan kuasa PIDM serta untuk membetulkan kesilapan tipografi. Pindaan yang dicadangkan termasuk:

- (i) menjelaskan bahawa simpanan deposit di bank yang menjalankan perniagaan perbankan Labuan dan perbankan Islam Labuan tidak tertakluk kepada skop insurans deposit PIDM;
- (ii) selepas PIDM menghantar laporan tahunannya kepada Menteri Kewangan, PIDM dibenarkan untuk menyiarkan laporan tahunan sekiranya laporan tahunan tetapi tidak dapat dibentangkan di Parlimen enam bulan selepas penutupan tahun kewangannya; dan
- (iii) menarik bayaran yang dibuat oleh anggota penanggung insurans kepada PIDM sebagai “levi” bagi mengelakkan tanggapan salah yang menyamakan bayaran tersebut sebagai “premium insurans”

Peruntukan kecualian. Rang undang-undang ini juga memasukkan peruntukan kecualian untuk menangani isu-isu yang boleh berbangkit berikutnya pindaan yang telah dicadangkan.

Kesimpulannya, Rang Undang-undang PIDM (Pindaan) 2015 ini adalah perlu dan penting bagi memastikan peruntukan APK, APKI dan Akta PIDM adalah konsisten dan untuk mengelakkan sebarang kekeliruan. Rang Undang-undang PIDM (Pindaan) 2015 adalah perlu dan penting untuk mempertingkatkan keberkesanan perlindungan pengguna kewangan dan

membolehkan PIDM memainkan peranannya dan memenuhi mandat dengan lebih cekap dan berkesan.

Dengan itu adalah penting untuk memastikan PIDM mempunyai kuasa yang sewajarnya untuk menangani institusi anggota yang bermasalah. Semua ini akan memelihara keyakinan orang ramai terhadap sistem perbankan dan insurans, melindungi kepentingan orang awam dan seterusnya mengekalkan kestabilan sistem kewangan di samping merangsang pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Kuala Selangor.

### **3.17 ptg.**

**Dato' Irmohizam bin Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam pindaan Rang Undang-undang Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sejak 31 Disember 2010 kuasa PIDM telah dilebarkan oleh Parlimen agar dapat merangkumi sistem perlindungan manfaat takaful dan juga insurans. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada pihak PIDM kerana dengan usianya 10 tahun telah banyak menerima anugerah. Pada tahun yang lalu, saya difahamkan bahawa PIDM telah mendapat anugerah sijil merit oleh Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan dengan izin *National Annual Corporate Report Awards (NACRA)* dan tidak dinafikan bahawa PIDM banyak membantu kerajaan dalam urus tadbir kewangan mahupun korporat.

Menurut tinjauan yang dilakukan oleh Kementerian Kewangan, pada tahun 2014 ekonomi global dijangka kekal mengalami *trajectory* pertumbuhan yang sederhana. Pertumbuhan ekonomi seperti ini sudah tentu menekan rakyat namun langkah-langkah proaktif sentiasa ada pada pihak kerajaan. Secara keseluruhannya pada tahun 2014, pertumbuhan ekonomi global adalah kekal dan stabil pada paras 3.3% dengan pertumbuhan yang lebih kukuh di negara maju iaitu 1.8% dan pertumbuhan yang lebih perlahan di negara membangun dan berkembang pesat sebanyak 4.5%.

Tuan Yang di-Pertua, melihatkan perkara ini pertumbuhan ekonomi yang perlahan memerlukan formula untuk merancakkan kembali ekonomi serantau. Melalui pindaan Akta PIDM 2015, saya melihat ia dapat memberikan keyakinan kepada rakyat untuk terus percaya bahawa dengan menyimpan wang mereka di bank adalah selamat kerana fungsi yang dimainkan oleh akta ini bersifat pelindung. Kegagalan sesbuah institusi kewangan dengan mentadbir urus

dengan baik boleh mengusarkan pendeposit. Apatah lagi jika diisyiharkan muflis. Persoalan yang timbul sudah semestinya bagaimana kaedah dan memikirkan bagaimana sebuah bank atau institusi kewangan memberi semula wang yang telah didepositkan. Ada kalanya kegagalan tadbir urus bank juga boleh menyebabkan pembayaran deposit boleh terbantut.

**■1520**

Mandat yang diberikan kepada PIDM, membolehkan urusan pendeposit semula berjalan lancar dan menjadi lebih cepat serta-merta. Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan perlu wujud pendidikan kesedaran kepada rakyat sehingga ke akar umbi tentang kempen-kempen mengenai pembayaran ataupun PIDM ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan akta yang dibawa oleh PIDM adalah amat penting kerana ia mampu membela nasib pendeposit bahkan juga mempercepatkan bayaran. Walau bagaimanapun, hanya bank berdaftar untuk melaksanakan Akta PIDM ini sahaja yang akan diguna pakai, saya difahamkan. Persoalannya, adakah kesemua bank telah termaktub di bawah akta ini dan sekiranya belum, saya mohon mencadangkan agar semua bank atau institusi kewangan yang berdaftar di negara ini wajar didaftarkan dan dikuatkuasakan di bawah akta ini.

Di samping itu juga, saya ingin mencadangkan bahawa pihak PIDM dapat menjalankan tanggungjawab sosial atau CSR dengan memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar untuk melanjutkan pelajaran. Sebagai mana pada tahun 2012, seramai sepuluh orang pelajar telah dipilih berdasarkan pencapaian kokurikulum dan akademik, kemahiran berkomunikasi, kematangan dan kualiti kepimpinan.

Saya amat berharap agar tanggungjawab sosial ini dapat memberikan penghargaan dan sekali gus menarik kepercayaan khususnya di kalangan generasi muda yang lain. Selain daripada itu, saya juga ingin mencadangkan kepada pihak PIDM agar meletakkan sekurang-kurangnya seorang wakil PIDM di setiap bank atau institusi kewangan. Ini seterusnya akan memudahkan lagi pengurusan serta memberi gambaran yang tepat sekiranya terdapat sebarang pertanyaan daripada pendeposit.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya, insurans secara mudahnya ialah memindahkan risiko individu atau kerugian individu seperti individu atau syarikat kepada syarikat insurans. Lebih mudah ingin saya katakan bahawa syarikat insurans akan membayar segala kerugian yang ditanggung oleh pendeposit. Perkara tanggungan termasuklah seperti kematian, kesakitan, ketidakupayaan dan kos perubatan di hospital. Pada hari ini, terdapat pelbagai jenis perlindungan insurans yang ditawarkan. Sebagai contoh seperti berikut:

- (i) polisi perjalanan;
- (ii) polisi pemilik rumah;
- (iii) polisi perubatan dan kesihatan;
- (iv) polisi berkaitan pelaburan; dan
- (v) polisi kemalangan diri dan lain-lain lagi.

Manakala takaful pula adalah pelan perlindungan berlandaskan syariah. Pemegang polisi bersetuju untuk menyertai dana takaful dan juga bersetuju untuk saling bantu membantu peserta

lain sekiranya mengalami kerugian yang ditetapkan. Jenis-jenis perlindungan yang ditawarkan pula adalah seperti berikut.

- (i) pelan motor;
- (ii) pelan perubatan dan kesihatan;
- (iii) pelan keluarga;
- (iv) pelan kemalangan diri; dan
- (v) lain-lain.

Selain daripada itu juga, takaful boleh memberi lebihan keuntungan daripada dana takaful berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui sekiranya tidak pernah membuat sebarang tuntutan pada tahun tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans menjamin pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya anggota penanggung insurans itu menjadi muflis. Akta ini juga menyebut bahawa sekiranya syarikat insurans menjadi muflis, PIDM akan memenuhi tuntutan manfaat takaful dan insurans sehingga had-had tertentu. Saya juga bersetuju dengan pindaan akta ini di mana pemilik sijil takaful dan pemegang polisi boleh menyelesaikan sesuatu tuntutan sekalipun syarikat insurans itu muflis. Saya yakin dan percaya ia juga boleh mempercepatkan lagi proses tuntutan setelah diambil alih oleh PIDM.

Tahap kesedaran rakyat mengenai kepentingan memiliki insurans pada hemat saya masih lagi rendah. Menurut penasihat kewangan Kumpulan Kewangan Capspring Temasik Sdn. Bhd., Encik Mohd Amin Maktar. Beliau menyatakan kebanyakan orang muda tidak faham atau memahami konsep berkenaan faedah, kebaikan dan keperluan memiliki skim insurans. Rata-rata generasi muda merasakan mereka dalam keadaan yang amat selamat dan masih mendapat bantuan kewangan daripada ibu bapa serta merasakan polisi insurans bukanlah satu keperluan yang utama dan boleh merugikan sahaja.

Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai faktor yang memungkinkan golongan muda atau belia terutamanya masih kurang memiliki polisi insurans. Pada hemat saya, duit merupakan faktor utama dalam memiliki polisi berkenaan. Oleh demikian, saya ingin menyarankan agar setiap individu harus mempunyai sekurang-kurangnya satu polisi yang berkaitan dengan kesihatan diri atau pelan keluarga.

Saya juga berharap agar kerajaan juga dapat menyediakan satu pelan lengkap seperti pelan mampu milik bagi memiliki insurans bagi keluarga mahupun individu.

Tuan Yang di-Pertua, skim atau sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans ini boleh memberikan keyakinan kepada pemegang polisi dan juga boleh menggalakkan rakyat untuk memiliki polisi insurans tanpa rasa prejudis. Selain daripada itu, syarikat insurans juga perlu mematuhi setiap garis panduan yang telah ditetapkan oleh setiap resolusi yang bersedia sama.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang pindaan tahun 2015 ini juga secara keseluruhannya adalah baik dan akan bertambah baik jika dapat diperhalusi juga dari sudut patuh syariah, dengan izin syariah *compliance*. Selain daripada itu, pelarasian Akta PIDM dan

juga dengan APK dan APKI adalah perlu bagi mengelakkan sebarang pertembungan, percanggahan atau kekeliruan yang akhirnya merugikan ramai pihak. Mandat adalah amat penting untuk PIDM menangani institusi anggota yang gagal mentadbir urus dengan baik. Sekiranya lebih kuasa diberikan untuk mengawal institusi yang gagal, pengurusan perlindungan kewangan perlu harus menjadi lebih efisien dan dapat memainkan peranan yang lebih berkesan.

Sehubungan dengan itu, saya dengan ini menyokong pindaan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lenggong.

### **3.27 ptg.**

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2015 pada petang ini. Kita sedar bahawa tujuan PIDM adalah untuk mentadbir Sistem Insurans Deposit Kebangsaan untuk melindungi pendeposit bagi menjamin pendeposit daripada kehilangan deposit sekiranya bank tidak berdaya maju ataupun muflis. Kita lihat sistem insurans deposit, perlindungan insurans deposit sehingga RM250,000 jika mana-mana anggota terima deposit muflis dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans menjamin pemilik sijil takaful dan pemilik insurans ataupun dengan manfaat takaful dan insurans sehingga RM500,000.

Kedua-dua sistem ini akan terlaksana secara automatik apabila pendeposit membuat simpanan kepada anggota terima deposit tersebut. Tiada caj mahupun permohonan yang diperlukan. Persoalan yang saya ingin ajukan kepada Yang Berhormat Menteri, jika institusi kewangan tidak berdaya maju, sejauh bagaimakah proses tuntutan dilaksanakan? Adakah pendeposit tersebut akan mendapat tuntutan secara automatik ataupun melalui tindakan undang-undang? Itu persoalan yang saya ingin tanya pada awal ini.

Kita juga sedar bahawa terdapat tiga bidang utama yang ingin dipinda dalam Akta PIDM ini iaitu pertama, pembentukan PIDM dengan kuasa pemindahan wajib *share*. Di dalam Akta PIDM dengan Akta Perkhidmatan Kewangan (APK) 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013, hendak sebut pun tersasul, Yang Berhormat Menteri. Meningkatkan keberkesanan pentadbiran, kejelasan dan penjelasan pelaksanaan kuasa PIDM ini. Dengan membuat pindaan terhadap perkara ini, kita dapat lihat PIDM mempunyai kuasa untuk memindahkan *share* daripada mana-mana institusi anggota jika institusi tersebut dilihat tidak lagi mampu untuk berdaya maju.

### **■1530**

Persoalan juga ingin saya tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah faktor-faktor yang dilihat oleh PIDM ini bagi memutuskan sesuatu institusi berada dalam keadaan kurang berdaya maju. Apakah faktor yang ditentukan oleh kerajaan bagi melihat institusi ini tidak

berdaya maju? Apakah ciri-cirinya? Apakah dari segi pelaburannya mahupun dari aspek-aspek tertentu, saya percaya garis panduan dan kaedahnya ada pada pihak kementerian.

Cadangan terhadap pindaan ini kita tahu adalah bagi menyelaras Akta Perkhidmatan Kewangan (APK) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) dan Akta PIDM ini ketika ini bagi menangani kegagalan institusi kewangan. Persoalan juga saya ingin bertanya sekali lagi, sejauh manakah penyelarasan yang dibuat bagi perkara ini memberi manfaat kepada pendeposit apabila kaedah perbankan konvensional ditukar kepada sistem perbankan Islam. Ini persoalan ketiga yang saya ingin ajukan kepada Yang Berhormat Menteri.

Kita ingin cadangkan jika rang undang-undang ini diluluskan, kita mohon pihak bertanggungjawab membuat lebih banyak pendedahan kepada masyarakat umum dan memberi kesedaran mengenai perbankan ini kerana kita tahu bahawa masih lagi ramai di kalangan rakyat yang tidak faham dan tidak tahu tentang kewujudan perkara ini.

Maka kementerian dan kerajaan mesti melakukan sesuatu bagi meningkatkan kesedaran dan memberi pemahaman kepada masyarakat yang terlibat dengan perkara ini supaya mereka faham bahawa ada undang-undang yang melindungi mereka. Ini kerana kita tahu bahawa masyarakat di luar tidak peka akan fungsi ini dan tidak tahu mengapa kewujudan badan ini sebenarnya, walaupun kita harus memberi pemahaman kepada mereka ia sebenarnya melindungi pendeposit.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya dan secara umum, pada saya peruntukan bagi Akta Perkhidmatan Kewangan (APK) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) dan Akta PIDM ini adalah selari dan konsisten bagi mengelakkan kekeliruan. Maknanya memperkuatkannya kuasa resolusi PIDM dalam mempertingkatkan perlindungan pengguna kewangan dalam menangani institusi kewangan yang gagal. Jadi saya percaya PIDM ini mampu untuk memainkan peranan secara total dalam memberi matlamat dengan lebih berkesan dan efektif.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** *[Bangun]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya hendak habis dah Yang Berhormat Parit Sulong. *[Disampuk]* Oh, tak apa, silakan.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Okey, terima kasih. Saya tertarik dengan apa yang Yang Berhormat Lenggong tadi nyatakan. Saya tengok dalam rang undang-undang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Parit Sulong tertarik dengan Yang Berhormat Lenggongkah?

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** *[Ketawa]* Tak ada, ini... Susahlah hendak tertarik dengan dia ini. Orang rumahnya pun kawan saya. Jadinya begini, dalam pindaan seksyen 14 ini bawah akta ibu itu dalam fasal 5. Ia ada menyatakan bahawa ada meminda perenggan 14(1)(c) Akta 720 yang memperuntukkan bahawa semua pemegang jawatan dalam mana-mana parti politik ini dilarang dan daripada bertindak sebagai Lembaga Pengarah.

Jadinya, mungkin kalau saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Lenggong mengenai rasional ini kerana setengah daripada yang berjawatan ini adalah profesional dan memang bidangnya adalah di dalam yang berkaitan dengan perkara yang kita bincangkan ini. Jadinya mungkin Yang Berhormat Lenggong boleh menyatakan, memberikan pandangan mengenai perkara ini . Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Parit Sulong tadi oleh sebab institusi kewangan ini mesti dilihat punya kredibiliti, bebas daripada elemen dan pengaruh-pengaruh tertentu. Maka kita harap perkara ini boleh dilakukan dan oleh sebab itu saya harap perkara ini akan diberi pemahaman yang sebaiknya kepada masyarakat dan supaya..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yakah Yang Berhormat Lenggong menjawab ini?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...Rakan-rakan tahu akan perkara tersebut dan yang pentingnya saya sebut tadi bahawa yang penting saya sebut bahawa kita mesti memperlihatkan kepada rakyat bahawa kredibiliti institusi ini kepada rakyat supaya keyakinan itu dapat ditingkatkan. Dengan sebab itu pengaruh-pengaruh seumpama itu mesti dielakkan dan ia sebenarnya pun termaktub dalam undang-undang ini.

Hakikatnya saya ingin sebut tadi bahawa PIDM mampu untuk memainkan peranan secara total dalam memenuhi matlamat agar ia lebih berkesan dan efektif dan sebab itu saya menyokong rang undang-undang ini. Cuma saya harap sekali lagi supaya perkara baik seumpama ini diuarkan kepada masyarakat kerana sepengetahuan saya ramai di kalangan masyarakat yang terlibat dengan perkara ini tidak tahu. Oleh sebab itu pendekatan yang terbaik mesti dilakukan oleh pihak berkaitan supaya ia dapat benar-benar dimanfaatkan oleh masyarakat. Terima kasih dan saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Beruas.

### 3.36 ptg.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya membahas Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2015.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perbadanan Insurans Deposit 2011 digubal antara lain untuk mentadbir sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat Takaful dan Insurans dinyatakan dalam akta tersebut bahawa kestabilan sistem kewangan adalah penentu utama pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran Malaysia dan bahawa sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat Takaful insurans adalah melindungi pendeposit ataupun benefisiari Takaful dan orang yang diinsuranskan daripada kehilangan deposit atau manfaat atau insurans mereka.

Kita menggubal undang-undang ini kerana kita berpendapat ada kemungkinan bank ataupun institusi kewangan berlesen yang mungkin akan muflis dan mengharapkan sistem

insurans untuk membayar kerugian pendeposit atau benefisiari ‘tafakur’ atau orang yang diinsuranskan. *[Dewan riuh] Sorry, sorry mohon maaf.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang tafakur itu tak lama Lenggong. *[Ketawa]* Ini Takaful.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Takaful, ya sorry. Takaful, mohon maaf.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kita belajar sama Bukit Gantang lah.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Isu yang timbul adalah kalau kita tidak ada keyakinan penuh ke atas bank atau institusi kewangan berlesen, adakah kita boleh mengharapkan institusi insurans seperti Perbadanan Insurans Deposit (PIDM) ini yang diwujudkan untuk melindungi pendeposit-pendeposit bank dan juga institusi-institusi kewangan yang berlesen. Bagi saya yang penting adalah kawal selia oleh pihak agensi pentadbiran dan penguatkuasaan ke atas bank institusi kewangan berlesen dan syarikat-syarikat ataupun perbadanan insurans yang untuk memastikan sistem kewangan dan sistem insurans dapat dipercayai dan diharapkan.

Saya mendapati bahawa ada sesetengah syarikat insurans yang tidak bertanggungjawab dan tidak melunaskan tugas sebagai syarikat insurans. Sikap perbadanan atau syarikat insurans ini tentang peranan mereka untuk membayar pampasan kepada pihak yang tidak bersalah ataupun *innocent party* apabila berlakunya kerugian adalah amat penting.

Saya mendapati sikap ada sesetengah syarikat insurans cuba sedaya-upaya untuk tidak membayar pampasan apabila berlakunya kerugian dan memberi pelbagai alasan. Kewujudan syarikat-syarikat insurans ini bertentangan dengan peranan mereka apabila sebagai sebuah syarikat insurans, mereka haruslah disiasat dan sama ada syarikat-syarikat ini patut dibenarkan beroperasi kerana untuk membolehkan keyakinan rakyat terhadap sistem insurans di negara kita.

#### ■1540

Saya memberi dua contoh yang saya sendiri mengalami dan saya ingin nyatakan ini melibatkan pengalaman saya sendiri untuk mematuhi Peraturan Mesyuarat 36(6) dan saya rasa contoh ini juga dialami oleh ramai rakyat Malaysia. Jadi untuk mematuhi Peraturan Mesyuarat 36(6) ini saya mengatakan yang saya akan bagi contoh ini melibatkan saya sendiri, pengalaman saya. Niat saya ialah untuk memastikan syarikat insurans bayar pampasan kepada pihak yang tidak bersalah dan tanggungjawab ini mesti dilunaskan. Kalau tidak, syarikat-syarikat ini tidak boleh dibenarkan beroperasi di negara kita supaya boleh memberikan keyakinan rakyat terhadap sistem insurans di Malaysia.

Contoh pertama, syarikat insurans yang tidak mahu membayar pampasan kepada pihak yang tidak bersalah ataupun *innocent party* apabila dikatakan yang diinsuranskan tidak memberi notis dalam tempoh yang ditetapkan. Saya ada mengalami satu kes di mana melibatkan sebuah firma peguam di Miri Sarawak yang dilindungi oleh sebuah syarikat insurans. Nama syarikat ini Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad. Dalam kes ini kita tahu ketika berurusan dan mempunyai keyakinan kepada pejabat peguam antara lain kerana syarikat-syarikat ini ataupun firma-firma peguam ini dilindungi oleh insurans.

Dalam kes ini syarikat firma peguam ini mempunyai insurans yang dilindungi sebanyak RM5 juta untuk tahun 2012, tahun 2013 dan tahun 2014. Saya melalui pejabat peguam saya telah mendepositkan RM1 juta ringgit dengan firma tersebut malangnya ia telah disalahgunakan oleh firma peguam ini. Wang ini didepositkan kepada firma peguam ini dalam tahun 2012.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tauke insurans kah?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Akan tetapi firma peguam hanya memberitahu syarikat insurans pada tahun 2014 berkenaan dengan salah guna wang ini. Syarikat ini Allianz General Insurance Company (Malaysia) enggan membayar atas sebab firma peguam tidak memberikan notis liabiliti ini semasa membaharuinya insuransnya pada tahun 2013 dan tahun 2014. Isunya pada setiap masa firma ini dilindungi oleh insurans yang sama dan premium dibayar kepada syarikat insurans. Akhirnya orang ramai yang tidak bersalah menjadi mangsa kerana firma peguam ini tidak memberi notis dalam tempoh yang ditetapkan. Rakyat biasa yang menjadi mangsa kerana firma peguam tersebut tidak berkemampuan untuk membayar balik wang RM1 juta ini.

Syarikat insurans pula tidak mahu melindungi firma ini dan enggan membayar wang RM1 juta yang telah hilang. Jadi, untuk memulihkan keyakinan orang ramai kepada firma peguam dan juga syarikat insurans, syarikat insurans tidak bolehlah dibenarkan tidak membayar wang yang dilindungi ini dengan alasan yang remeh temeh.

Contoh yang kedua ialah syarikat insurans yang mempunyai peruntukan yang dikatakan sebahagian daripada polisi insurans yang langsung tidak tahu atau tidak diketahui oleh orang yang diinsuranskan. Satu daripada syarikat sedemikian ialah Syarikat Kurnia Insurans yang mempunyai peruntukan dalam polisinya yang tidak diketahui oleh orang ramai atau orang yang diinsuranskan. Saya ada pengalaman satu kes di mana syarikat telah membeli *all risk* ataupun *comprehensive insurance...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kena berhati-hati Peraturan Mesyuarat 35(6) kalau kita mempunyai kepentingan faedah kewangan kepada kita, tidak boleh disentuh.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Akan tetapi dikatakan di bawah peraturan ini saya mesti mengisyitiharkan *my pecuniary interest*, kes ini melibatkan pengalaman saya sendiri. Jadi kalau ia...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Peraturan 35(6) jelas.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Di bawah Peraturan Mesyuarat 36(6) sebab itu dari mula lagi saya bagi Peraturan Mesyuarat 36(6)...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Peraturan Mesyuarat 36(6) tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat kepada sesiapa Ahli yang lain maknanya Ahli Parlimen yang lain.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *Oh! Sorry, sorry, mohon maaf, mohon maaf silap, silap.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kalau kita rujuk Peraturan Mesyuarat 35(6) perbahasan yang boleh menyentuh faedah kewangan pada diri sendiri, tidak boleh disentuh.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Okey saya baca dengan izin dalam bahasa Inggeris, “*A Member should not speak on any matter in which he has a direct personal pecuniary interest (other than the matter of remuneration under any provision of the Constitution) without disclosing the extent of that interest.*” Maksudnya kalau saya sudah beritahu memang saya sebagai contoh sahaja jadi boleh dibenarkan kalau tafsiran saya betul. “*A member should not speak on any matter in which he has a direct personal pecuniary interest without disclosing the extent of that interest.*”

Jadi boleh tidak kalau saya hendak bagi contoh sayalah, pengalaman saya sendiri melalui firma peguam saya dan juga syarikat ini di mana saya pun ada, saya pengarah juga. Ini pengalaman mungkin ada contoh-contoh saya boleh bagi contoh yang lain. *[Dewan riuh]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat ini kayalah macam banyak syarikat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Niat saya satu sahaja...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kayalah, banyak syarikat ini.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Niat saya ialah bagi contoh dan ini pengalaman saya, saya boleh menyelesaikan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Lebih baik contoh yang lain, tidak melibatkan diri sendiri.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Ini syarikat Yang Berhormat Bukit Gantang kah atau Yang Berhormat Beruas punya ini?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya ingat ini yang terlibat Yang Berhormat Pendang mungkin. *[Ketawa]*

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Syarikat Pendang... *[Ketawa]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Contoh yang saya tahu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila sila.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Ini bukan satu sangkaan jahat, saya memberi contoh yang sebenar. Maksudnya dalam polisi ini dalam *cover note* mengatakan *all risks comprehensive insurans*. Polisi yang diberikan pun tidak ada dinyatakan satu *exception*, kita kata *exception trend* kalau kenderaan yang diinsuranskan ini ada unsur-unsur tenggelam dia tidak akan bayar. Jadi apabila kita membeli sebuah kenderaan komprehensif pada orang ramai kalau apa-apa jenis kemalangan berlaku syarikat insurans mesti membayar jumlah ataupun kerugian yang dialami. Akan tetapi syarikat ini membatalkan ataupun *repudiated* di insurans polisi atas alasan mereka

ada satu *exception clause* yang memberi *cover note* dan insurans tidak tahu. Dia kata kalau ada unsur tenggelam jadi kalau *accident* berlaku ada unsur tenggelam dia boleh batalkan polisi ini.

Maksudnya ini sangat berbahaya kalau pembeli tidak tahu syarat-syarat ini mereka beli sia-sia sahaja. Kita bayar duit kepada syarikat insurans untuk melindungi kita apabila berlakunya kemalangan. Jadi saya harap pihak berkuasa boleh mengatasi masalah ini. Apa yang penting ialah sekali saya kata kawal selia. Niat adanya syarikat insurans, mereka tidak boleh dibenarkan atas sebab remeh temeh cuba mengelak daripada membayar.

Jika undang-undang sedia ada tidak mencukupi saya cadangkan undang-undang digubal memastikan syarikat-syarikat insurans ini melaksanakan peranan mereka dalam masyarakat kita. Kalau kita ada syarikat insurans, ada Perbadanan Insurans tetapi setiap kali apabila mereka dimohon untuk membayar wang insurans apabila ada kerugian mereka menggunakan alasan tidak membayar, kita menggagalkan wujudnya ataupun menggagalkan niat kita ada syarikat insurans.

Jadi itu sahaja perbahasan saya. Saya harap pihak kerajaan akan menyiasat isu ini dan kalau perlu memastikan mereka membayar ikut peranan syarikat insurans. Kalau perlu lagi menggubal undang-undang supaya orang tidak bersalah yang mengalami kerugian semasa berlakunya kerugian atau *loss* di pihak insurans mesti membayarnya. Terima kasih.

#### ■1550

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Setiawangsa.

#### 3.50 ptg.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya turut berbahas mengenai Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2015 ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya, jika sesuatu institusi IA itu dikelaskan sebagai tidak berdaya maju atau dalam bahasa mudahnya institusi anggota tersebut berhadapan dengan masalah, Bank Negara Malaysia akan mengeluarkan notis tidak berdaya maju terhadap institusi tersebut dan sekali gus PIDM akan mengambil alih kawalan terhadap institusi tersebut. Fungsi utama PIDM adalah sebagai pengawal selia atau penjaga bagi menjamin pendeposit atau pemilik sijil takaful dan polisi insurans dari menanggung kerugian sekiranya institusi tersebut berhadapan dengan masalah muflis.

Namun begitu, langkah PIDM ini seolah-olah tersekat dengan ketiadaan kuasa memindah syer dengan wajib. Analogi yang mudahnya, kita diberi masalah untuk diselesaikan sedangkan kita tidak mempunyai kuasa untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, PIDM harus mempunyai kuasa untuk mendesak pemegang syer menerima tawaran yang sedia ada bagi membolehkan resolusi dijalankan dengan lebih lancar terutamanya bagi mengelakkan masalah institusi anggota yang enggan bekerjasama dalam jualan syer sedangkan mereka tidak lagi mampu menyuntik wang bagi memulihkan institusi

tersebut. Oleh kerana itu, pindaan ini amat penting bagi memastikan PIDM dapat melaksanakan tugas-tugas mereka dan langkah-langkah pemulihan untuk memelihara wang rakyat yang berada di dalam institusi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, namun begitu, saya mempunyai persoalan terhadap penjualan syer institusi anggota yang bermasalah ini kepada pihak swasta. Siapakah pihak swasta tersebut? Adakah ia hanya institusi kewangan di dalam Malaysia ini atau ia juga terbuka kepada institusi luar negara? Jika kebenaran diberi kepada institusi luar negara, saya cukup risau bahawa institusi kewangan dalam negara yang diambil oleh institusi luar ini dengan kewangan dana yang besar akan mengambil alih institusi dalam negara ini. Saya tidak mahu bahawa kita mengambil jalan mudah menyelesaikan masalah meminta bantuan luar sehingga satu hari nanti kebanyakan institusi *banking* kita dipunyai oleh orang luar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai cadangan pindaan bagi menyelaraskan antara Akta PIDM dengan Akta Perkhidmatan Kewangan (APK) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI). Saya merasa agak aneh mengapa banyak klausa di dalam APK dan APKI ini yang tidak selaras dengan Akta PIDM. Hal sebegini sebenarnya menyukarkan gerak kerja PIDM dalam menguruskan hal ehwal kewangan institusi anggota. Perlu ada keselarasan antara akta-akta ini agar tindakan dapat dilakukan bagi menyelesaikan masalah dengan seiring dan sekata.

Saya mengambil contoh ketidakselarasan antara APK, APKI dengan Akta PIDM. Di dalam APK dan APKI, terdapat satu termasuk mana ada pemisahan aset perbankan konvensional dan aset perbankan Islam dalam penggolongan bank. Akan tetapi, di dalam Akta PIDM, termasuk itu adalah tidak jelas dan masih boleh dipertikaikan. Oleh itu, penyelarasan akta ini adalah satu perkara yang amat penting untuk diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin tanya kepada pihak Menteri tentang PIDM ini. Sekarang ini, bagi maksud perlindungan deposit, ia hanya pada tahap RM250,000 sahaja. Persoalan yang timbul ialah mereka yang mempunyai wang yang lebih RM250,000 ini, adakah pihak PIDM ini hanya akan membayar RM250,000 ini dan apa jadi kepada RM150,000 yang lebih itu? Adakah telah hangus atau bagaimana?

Akhir kata, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2015.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gerik.

### **3.55 ptg.**

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun bukanlah arif sangat pasal ini, tetapi kerana orang tak bangun, kita pun bangunlah. *[Ketawa]* Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia di mana kita hendak ubah rang undang-undang untuk pindaan 2015.

Kita sebenarnya bukan membicarakan soal rang undang-undang setiap rakyat yang ambil insurans tetapi Perbadanan Insurans Deposit Malaysia di mana Perbadanan Insurans Deposit ini seolah-olah macam Bank Negara. Dia akan mengawal semua bank dan juga institusi kewangan yang menjual insurans kepada orang ramai di mana kita hendakkan mengemaskinikan beberapa akta untuk menyelaras di samping insurans ini perkara baru kepada rakyat Malaysia.

Sebelum itu, PIDM ini juga mendapat keuntungan. Sama cadangan daripada Yang Berhormat Kuala Selangor tadi, dengan ada keuntungan seperti ini, mengawal bank-bank dan juga kewangan yang mengeluarkan insurans ini, tentu ada keuntungan dan kita tidak melihat banyak sangat CSR yang membantu rakyat yang miskin kecuali mungkin ada bagi biasiswa dan sebagainya. Kita berharap kerajaan melihat semula PIDM ini untuk memastikan CSR tadi ataupun keuntungan kepada rakyat tadi dilihat seperti biasiswa diperbanyakkan, orang tua yang tidak ada rumah mungkin boleh kita dirikan rumah dan pelbagai yang lain lagi.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gerik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini bukan teks yang diberikan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor kah?

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Tadi saya mendengar daripada penghujahan Yang Berhormat Gerik mengenai PIDM ini adalah merupakan satu institusi yang baru dan rakyat Malaysia juga mungkin keadaan yang baru untuk mengetahui tentang fungsi dan peranannya. Sebentar tadi pun Yang Berhormat Gerik telah menyebut tentang mengenai keuntungan yang ada oleh PIDM dan mungkin sudah ada program-program CSR sebelum ini dan Yang Berhormat Gerik telah minta untuk diperbanyakkan.

Cuma, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Gerik, memandangkan dalam konteks insurans ini merupakan masih baru khususnya di kawasan luar bandar, pinggir bandar dan sebagainya, setujukah Yang Berhormat Gerik atau saya mohon pandangan Gerik, wajarkah pihak PIDM ini dengan keuntungan yang mungkin akan bertambah dengan adanya pindaan ini untuk mereka memperbanyakkan lagi kempen-kempen kesedaran mengenai dari segi penjagaan khususnya pendeposit-pendeposit lebih-lebih lagi tentang peranan takaful dan insurans di kalangan rakyat seluruh Malaysia supaya satu hari nanti apabila Malaysia ini menjadi sebuah negara maju, kita mahu melihat rakyat di Malaysia hampir seratus peratus memiliki polisi insurans di kalangan mereka. Saya mohon pandangan Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Gerik, hendak mencelah boleh?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Nanti saya terlupa pula. Ah, tak apalah.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tuan Yang di-Pertua boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gerik.

Saya sebenarnya tertarik sebab PIDM ini akan memberi satu industri yang baru dan dia punya *outcome* yang paling penting ialah kita hendak menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia mempunyai *coverage* insurans. Insurans ini jaminan keselesaan supaya mereka akhirnya di waktu-waktu susah mereka ada satu jaminan lain. Ini baik. Di samping itu, membina kumpulan kewangan yang besar yang selamat untuk memberi pulangan secara langsung dan tak langsung kepada mereka di masa hari muka.

Cuma, dalam cakap CSR tadi, di samping kita sebut tentang *education*, kita juga mesti ada- saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Gerik, orang ini masih takut dengan insurans. Kadang-kadang kita ada dua kemalangan. Kemalangan pertama fizikal, *accident*, kemalangan kedua adalah bila nak menghadapi dengan insurans, hendak cover balik ini. Ini jadi satu masalah lain dan kadang-kadang kita terasa bahawa insurans ini dia hendak tolak dahulu. Dia cari silap, dia tolak. Ini adalah persepsi yang negatif yang perlu kita perbetulkan dari segi persepsi, satu, dan kedua, dari segi kerangka kerja. PIDM mesti mempunyai satu kerangka ataupun satu gerak kerja yang meyakinkan kepada pelanggan khususnya rakyat supaya mereka tertarik dan melabur dalam insurans yang disebut. Ini akan membantu pihak PIDM dan juga membantu kerajaan. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Gerik? Terima kasih.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi dan juga Yang Berhormat Kuala Selangor. Selama ini, pemegang-pemegang insurans tidak nampak kepada PIDM. Kalau saya mengambil polisi dengan *Great Eastern*, bila berlaku sesuatu, saya akan buat tuntutan kepada ejen yang mempengaruhi saya untuk mengambil insurans. Di sinilah bila hari ini saya tengok ada PIDM, PIDM ini sebenarnya kena membantu pelanggan di bawah sebab kalau di peringkat orang ramai yang sudah mempunyai kesedaran, mereka tahu tentang insurans. Cover setahun, bayar premium tetapi kalau di kampung, pada pandangan mereka, sekali bayar boleh cover seumur hidup. Ini kadang dia punya pemikiran yang salah. Bermakna PIDM pula sebenarnya dia tidak akan jaga pelanggan di peringkat bawah, dia cuma jaga institusi kewangan yang mengeluarkan insurans-insurans tetapi pemegang-pemegang polisi kalau dikatakan tidak mengikut terma-terma yang ada macam kata Yang Berhormat Kota Tinggi, apa berlaku?

Yang saya lihat selama ini daripada dulu, masyarakat Cina nampak lebih mempunyai kesedaran tentang insurans kesihatan. Kalau kita pergi ke klinik-klinik swasta, ada kaunter menyediakan pembayaran menggunakan insurans yang telah diambil tadi tetapi masyarakat Melayu agak berkurangan kerana pada mereka, rasa membazir. Setahun bayar premium tiba-tiba tahun berkenaan dia tak sakit, jadi tak ada dia hendak mengambil insurans. Jadi soal ini yang kita tengok di mana PIDM ini mengaturkan satu program memberi kesedaran kepada

masyarakat tetapi saya faham PIDM ini cuma dia mengawal institusi-institusi kewangan dan cuma menumpu seperti mana kata tadi pendeposit. Ambil insurans seolah-olah simpanan juga, yang RM200 ribu, RM500 ribu. Yang mana insurans yang kita ambil tadi di samping cover diri kita, wang yang kita bayar tiap-tiap bulan tadi, ia akan menjadi simpanan mengikut tempoh masa yang tertentu.

Berbalik kepada Yang Berhormat Kota Tinggi kata tadi, inilah yang PIDM kena tengok untuk CSR tadi, keuntungan. Setakat kita kawal bank-bank, dalam masa yang sama juga pemegang-pemegang polisi ini untuk membantu mereka seperti mana kata Yang Berhormat Setiawan tadi. Dalam keadaan bagaimana pelanggan-pelanggan ini dia sudah tahu ini termasuknya. Bila mana berlaku kes ambil insurans rumah, anai-anai makan tak kira. Ini satu macam, saya faham yang maksud dikatakan oleh Yang Berhormat Setiawan tadi.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Beruas, Beruas.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ha, Yang Berhormat Beruas. Setiawan pula, dulu Adun Setiawan ya. Sorry. Jadi Beruas. Begitu juga itu yang kita tengok. Saya bersetuju sangat supaya Akta PIDM ini dikemaskinikan supaya keuntungan tadi bukan setakat menjaga institusi-institusi takut tak selaras daripada segi akta yang ada, menjaga *companies* insurans tetapi dalam masa yang sama, pemegang-pemegang polisi boleh mendapat nasihat untuk berjumpa dengan PIDM bila ditawarkan polisi-polisi ini, macam mana. Sebahagian besar insurans yang datang berjumpa dengan pelanggan menunjukkan polisi dan tatacara itu dalam bahasa Inggeris dan bahasa Inggeris yang mereka tak faham. Hari-hari pergi lobi, akhirnya meluat kita deme dok telefon selalu, kita pun belilah polisi tadi tetapi kita tidak memahami apa yang terkandung di dalam sana. Maka tiba masanya PIDM menjadi satu badan yang bukan sekadar menjaga institusi kewangan tetapi melihat pelanggan-pelanggan yang hendak mengambil insurans tadi diberi pendedahan yang sebenar dan pelbagai lagi supaya mereka tidak tertipu bila berlaku kesnya.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Bintulu bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ya, Yang Berhormat Bintulu. Tak apa, saya ini tengah hendak menghabiskan ayat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Ini bukan kongkalikung. Yang Berhormat Gerik, banyak-banyak terima kasih bagi laluan. Tuan Yang di-Pertua, saya mahu minta pandangan daripada Yang Berhormat Gerik, kita ada perasan kah tidak rakyat kata kita undang-undang kita dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini selalu kita terlupa jaga kepentingan rakyat. Kita semua jaga korporat-korporat yang besar contoh tadi insurans-insurans kata polisi-polisi contoh macam polisi kita sudah beli kata *you* beli lima tahun, bayar lima tahun lepas itu dia sendiri boleh pusing lah, tak payah bayar. Tiba-tiba lepas sepuluh tahun, dia kata oh tak cukup, *you* mahu bayar lagi sampai 55 tahun. Ini rakyat terasa kena tipu hingga dia orang tulis surat kepada Bank Negara. Bank Negara tak ada bagi jawapan, Bank

Negara semua diam, senyap. Bila dia orang pergi jumpa institusi-institusi insurans, dia kata kita rugi.

Ini insurans kita beli, kita ada satu kepercayaan kepada insurans, kita boleh beli. Sudah beli, akal pun tak ada tunjuk sama orang, mana kita kerugian, kita *invest* mana, semua orang cuma kongkalikung. Itu pun **[redacted]** bagi tahu sahaja mana tapi dia cakap kerugian tetapi itu CEO semua daripada negara luar, CEO daripada mat salleh, satu bulan gaji ratus ribu. Oh itu tak ada kerugian. Malaysia punya orang tak mampu jadi CEO? Kenapa kita buat undang-undang untuk peluang ini insurans *companies* huru-hara dalam negara kita. Rakyat kita merasa kena tipu, kita tidak bela nasib. Saya mahu tanya pandangan daripada Yang Berhormat Gerik, kita setuju atau tidak kita mahu buat satu undang-undang kalau itu polisi dulu perjanjian sudah *sign*, ruginya untungkah dia punya fasal. Kalau tidak, apa fasal dia jual ini. Itu satu, yang kedua, setuju atau tidak apa polisi dulu sudah tulis, sudah *sign*, memang mesti *insurance community* tunaikan. Saya harap juga Yang Berhormat Menteri Kewangan jangan kongkalikung, jangan lupa jaga kepentingan rakyat kita Malaysia ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Gerik, hendak tambah sedikit sahaja lagi boleh? Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Pendek sahaja Yang Berhormat Gerik. Saya hendak sambung Yang Berhormat Bintulu. Tadi saya minta supaya PIDM pantau insurans ini, kita tak hendak ada dengan izin, *false advertisement*. Masa dia hendak *entice* kita, hendak cari, manis, *everything in order* tapi bila kita ada masalah macam saya cakap tadi *accident* fizikal, lepas itu kita menghadapi satu masalah *accident* kedua iaitu hendak menghadapi insurans ini dan statusnya macam mudah hendak tolak dulu. Jadi saya minta kena ada pemantauan supaya ia tidak ada bersifat *false advertisement*. Terima kasih.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Bintulu. Sebenarnya insurans benda yang baik, apa-apa undang-undang yang dibuat ini kita hendak melindungi rakyat yang ramai dan PIDM pun yang kita hendak ubah akta beberapa pindaan ini pun bertujuan PIDM akan boleh menjaga, diharapkan boleh menjaga institusi kewangan yang mengeluarkan insurans dan juga kita mengharapkan PIDM juga mengambil kira pelanggan-pelanggan yang membeli insurans di seluruh negara ini. Begitu juga pandangan Yang Berhormat Kota Tinggi, perkara yang sama, pemantauan daripada pihak PIDM.

Soal insurans, saya percaya dalam negara pada hari ini, kesedaran masyarakat tentang insurans telah tinggi. Masalahnya rakyat di bawah telah dikelirukan, pelbagai insurans datang kepada orang yang sama.

■1610

Akan tetapi kita tahu insurans biasanya akan bayar satu sahaja. Kalau dia ambil 10 insurans apa benda yang pihak institusi kewangan insurans tadi hendak membayar balik? Jadi

kita akan melihat insurans kemalangan, insurans kebakaran, bencana dan pelbagai lagi yang berlaku dalam negara.

Saya sedar soal kita hendak membahaskan akta pindaan dalam PIDM tetapi saya hendak sentuh juga insurans yang melibatkan orang ramai beli yang pemegang kad-kad kredit didatangi oleh bermacam-macam insurans yang bagi kemudahan untuk potong itu, potong ini akhirnya pemegang kad kredit mungkin boleh jadi muflis. Apakah PIDM tengok perkara ini?

Jadi ini yang berlaku dalam pasaran. Masyarakat bandar, luar bandar tetapi sebenarnya kalau masyarakat ada pada hari ini dengan suasana perkhidmatan servis yang berlaku, berkembang dengan rancak, rakyat tidak mengambil insurans kita akan ketinggalan berlaku contoh tidak ambil insurans kesihatan. Kepercayaan kita hendak pergi ke klinik swasta dan kerajaan kadang-kadang rendah, hendak kena tunggu lama, tunggu hendak mati barulah pihak hospital panggil kita balik. Sakit kanser kadang-kadang walaupun kita percaya akhirnya apabila sakit yang paling kuat, kita akan berbalik pergi ke hospital kerajaan.

Di sinilah peranan masyarakat untuk membeli polisi-polisi mengikut kemampuan mereka patut ada, patut diberi penerangan sejelas-jelasnya. Siapa yang patut memberi penerangan supaya rakyat tidak tertipu soal insurans? Apakah PIDM ataupun institusi-institusi insurans yang ada di seluruh negara? Sebab bukan rakyat tidak sedar, rakyat sudah sedar tentang insurans. Pergilah ke kawasan luar bandar contoh Gerik tempat saya luar bandar. Agrobank pun memberi satu pakej yang paling istimewa tetapi insurans kemalangan RM10.90 cover setahun. Kalau mati biasa tidak dapat apa-apa tetapi kalau kemalangan mati dapat RM1,000.

Ini antara contoh-contoh yang masyarakat sudah mula sama ada luar bandar, bandar, kaya, bawah, sudah mula sedar bahawa insurans satu keperluan dan kita berterima kasih kerajaan pada peringkat awal dulu insurans di kalangan orang Islam kata tidak boleh. Sudah ada kaedah syariah di mana kaerah syariah pokok yang kita bayar, ia tidak hilang. Ia seolah-olah macam simpanan.

Jadi di sinilah saya berharap supaya kerajaan di bawah PIDM bukan sekadar mengawal bank-bank yang mengeluarkan ataupun institusi kewangan yang mengeluarkan insurans tetapi juga melihat pelanggan-pelanggan yang mengambil polisi insurans ini supaya mereka tidak tertipu, mereka diberi pendidikan. Kalau perlu Kementerian Pelajaran mewujudkan satu silibus di bawah Perdagangan tetapi jangan sekadar kita ajar pelajar-pelajar tidak faham. Biarlah kita ajar tentang insurans ini manusia yang mendengar tentang taklimat tentang insurans sini tahu.

Kadang-kadang kita cerita satu benda tetapi kita cakap rasa seronok, orang yang mendengar tidak faham apa yang kita kata. Jadi walau bagaimanapun saya...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Gerik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Krai bangun.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Sila.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih. Semangat untuk bercakap apabila Yang Berhormat Padang Rengas masuk sebab kita hendak bercakap tentang orang yang

lebih umur 60, dia sudah lebih dah. Bersetujukah Yang Berhormat Gerik kalau saya memanjangkan program yang dibuat di negeri Kelantan bagi warga emas melebihi 60 tahun di mana carumannya dibuat oleh pihak kerajaan negeri kerana kita menjangkakan mereka yang berumur warga emas ini dan di luar bandar ini mungkin tidak maklum tentang keberadaan atau adanya insurans-insurans yang murah seperti Agrobank tadi.

Jadi setujukah Yang Berhormat Gerik kalau kita panjangkan program untuk warga emas ini termasuk untuk Padang Rengas ke seluruh negara. Terima kasih. Polisi itu dipegang oleh kerajaan dan melalui Takaful. Kemudian apabila kematian diberikan RM1,500. Terima kasih.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Saya amat bersetuju kaedah yang dibuat oleh negeri Kelantan, bukan negeri Kelantan sahaja buat. Saya tahu di Perak pun buat juga soal kelompok, ada nama itu saya terjumpa nama khas apabila meninggal warga emas, tahu sahaja meninggal maklum kepada penghulu. Penghulu akan beritahu kepada kerajaan negeri RM1,000 akan diberi kepada waris untuk mengelola urusan kematian.

Sebenarnya yang ini untuk demi kebaikan tiba masanya setiap kerajaan negeri dan Persekutuan melihat benda tersebut supaya dijalankan. Ini bukan soal kita hendak negeri mana popular. Paling penting rakyat warga emas terbela. Saya selalu sebut apabila kita sudah jadi orang tua, duit tidak banyak, umur 60 tahun, 70 tahun, 80 tahun, ketika itu kadang-kadang anak-anak kita pun tidak memerhati kita.

Dengan sebab itu kalau hendak jadi orang tua, janganlah habiskan duit bagi dekat anak-anak siap-siap potong. Mesti ada simpanan tunai supaya anak kita sampai bila pun berfokus kepada ibu bapa. Urutan daripada itu, kalau dapat tentang insurans seperti mana kata Yang Berhormat Kuala Krai tadi saya cukup bersetuju di seluruh negara kita beri insurans kepada warga emas, orang miskin cover segala benda yang tadi. Setidak-tidaknya negara kita maju dalam menjaga orang-orang yang kurang berkemampuan.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jasin bangun Yang Berhormat.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Jasin hendak tanyakah?

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gerik. Saya seronok dengar Yang Berhormat Gerik bercakap tentang insurans ini. Apa yang saya hendak minta pendapat daripada Yang Berhormat Gerik Bank Negara adalah sebagai pengawal selia dan melesenkan semua syarikat insurans ini.

Seharusnya dalam memperketatkan syarat-syarat pelesenan hanya syarikat-syarikat yang mempunyai kemampuan, mempunyai kewangan yang kukuh sahaja dilesenkan. Kenapa terjadi pada ketika ini Yang Berhormat Gerik ada kawan-kawan kita yang mengambil polisi daripada syarikat-syarikat insurans ini apabila untuk mendapatkan rawatan di hospital swasta, hospital tersebut tidak mahu menerima kerana ada syarikat-syarikat insurans yang telah disenaraihitamkan kerana tidak dapat membayar apa juga kos-kos perubatan.

Jadi kita berharap semoga kalau boleh Yang Berhormat Gerik ini cadangkan supaya Bank Negara yang melesenkan semua syarikat insurans ini memperketatkan dan memastikan supaya hanya syarikat yang mempunyai kemampuan sahaja akan dilesenkan. Terima kasih.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Masuk dalam ucapan saya. Memang saya bersetuju 100% tetapi PIDM ini pun kena keluarkan *list* insurans mana yang patut rakyat boleh ambil, Alliance kah, saya pun tidak berapa ingat Great Eastern, Takaful bawah MNI sudah tidak ada dah, yang bawah Maybank. Jadi di sini yang kita hendak minta bukan sekadar itu, biarlah masyarakat hari ini lebih tahu, lebih yakin betapa pentingnya insurans itu dan dengan ini saya menyokong akta yang hendak digubal ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang.

#### 4.19 ptg.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai pindaan kepada Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ataupun dalam bahasa Inggerisnya lebih dikenali sebagai MDIC. Saya melihat akta ini daripada awal lagi penubuhannya adalah untuk menggabungkan walaupun sejak permintaan daripada segi peringkat global terhadap sistem insurans Islamik ini telah meningkat. Jadi kita lihat bahawa Malaysia juga tidak terkecuali daripada segi mengambil bahagian memperkenalkan sistem insurans Islam ini dan kita lihat Akta Perbadanan Insurans Deposit MDIC ini berperanan untuk menjadi *regulator* kepada dua-dua sistem insurans itu iaitu insurans di peringkat konvensional ataupun juga insurans yang mempunyai ciri Islam ataupun berasaskan Islam.

#### ■1620

Cumanya, saya ingin bertanya kepada pihak Menteri, apakah isu-isu yang biasa dibangkitkan mengenai peranan MNDIC ini apabila dia berperanan untuk dua-dua perkhidmatan insurans itu. Sedangkan kita tahu bahawa ada perbezaan operasi atau pun ciri-ciri konvensional punya *system of insurance* dan juga sistem insurans yang berdasarkan Islam.

Kalau kita lihat di peringkat awal lagi memang adanya perbahasan. Akan tetapi di Malaysia ini kita mengambil pendapat yang mengatakan bahawa dari segi sistemnya ialah IBI atau pun *Islamic Bank Industry* ini mereka membayar *fees* kepada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ini. Walaupun di sana adanya pendapat yang mengatakan kalau *strict*, dia kata tidak boleh dikenakan *fees* itu. Jadi, tetapi apa yang berlaku ialah pihak Jawatankuasa Syariah di peringkat Bank Negara mengambil satu pendapat yang agak lebih ringan yang berlandaskan maslahah *public interest* iaitu boleh kenakan *fees*. Oleh sebab apa, *practice* amalan di dalam mana-mana dunia dengan *i-system insurance* ini mestilah kalau kita hendak jamin kita sebagai syarikat yang melindungi mereka yang membayar premium ini mestilah kita mendapat duit sebagai *service* kita lah.

Akan tetapi kalau pendapat ulama-ulama klasik ini, ulama yang asal memang mereka kata tidak boleh. *Fees* tidak boleh dikenakan langsung. Anyway, di negara kita, kita mengambil

apa yang dipanggil [*Memetik istilah Arab*] “*jaminan dengan bayaran*”. Akan tetapi yang ingin saya tanyakan ialah adakah dengan penggabungan, dengan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ini berperanan untuk bertanggungjawab kepada dua-dua skim insurans ini, ada tidak masalah-masalah yang sering berlaku, yang mungkin akan menyebabkan khususnya perbankan insurans *Islamic* ini mungkin akan *dicompromise* dan sebagainya? Oleh sebab sudah tentulah yang lima fundamental dalam sistem insurans Islam ini ialah ia mestilah syariah *compliance*. Sebab itulah itu ciri yang paling asas.

Kalau kita lihat dalam konsep insurans ini yang dahulunya dibincangkan sebagai contoh tidak boleh orang Islam ini mengambil insurans kematian, *life insurance* sebab itu ada unsur *gharar* dipanggil, unsur *uncertainty*. Islam ini tidak membenarkan kita terlibat dalam mana-mana transaksi atau pun amalan yang ada unsur *uncertain*. Kalau dalam buku kitab-kitab lama dia kata *you* tidak boleh jual burung yang tengah terbang itu. Itu saya jual, tidak boleh sebab apa, burung itu tidak ada lagi dalam tangan. Itu contoh-contoh yang diberikan.

Jadi, saya ingin tanyakan kenapa tidak diwujudkan dua *certain body* untuk mengawal *system insurance* yang berlainan ini. Kenapa diletakkan di bawah satu badan sahaja sedangkan ada ciri-ciri yang berbeza yang membezakan dua ini. Itu yang pertama.

Keduanya, saya hendak tanya juga, adakah kerajaan juga terfikir untuk melanjutkan pemakaian akta ini kalau sekiranya kerajaan berpendapat dengan ada satu badan ini pun sudah cukup dan tidak ada masalah-masalah yang berlaku. Kita tahu bahawa pendeposit-pendeposit wang ini bukan sahaja dalam bank-bank IBI atau pun di dalam bank-bank yang memperkenalkan apa dipanggil *Islamic Banking Window* ini.

Akan tetapi terdapat juga institusi-institusi kewangan yang juga memegang wang pendeposit-pendeposit ini sebagai *trust*, Tabung Haji dan sebagainya. Jadi, adakah institusi ini juga dikawal oleh akta ini? Kalau tidak dikawal, adakah kerajaan bercadang untuk melanjutkan pemakaian akta ini juga kepada institusi-institusi yang mempunyai unsur menjaga wang orang lain ini, termasuk juga EPF yang semalam kita bincangkan.

Apabila EPF sudah mula ke arah menubuhkan jawatankuasa syariah. Maknanya, lebih ke arah syariah *compliance* ini sudah tentu di sana nanti kita tahu apabila tujuan akta ini adalah untuk memastikan keselamatan duit-duit penyimpan ini kalau apa-apa berlaku kepada institusi kewangan ini ada jaminan. Jadi, itu dia punya peranan dia, itu dia punya tujuan dia. Jadi, sekarang ini kalau kita hanya mengehadkan kepada sistem perbankan sahaja sedangkan di sana juga ada lagi institusi-institusi yang juga menjadi institusi yang menjaga wang orang lain, wang pendeposit-pendeposit. Apakah jaminan yang kita boleh pastikan wang-wang ini terselamat kalau ada apa-apa berlaku. Kita tidak tahu apa mungkin akan berlaku.

Saya juga ingin tanyakan, adakah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ini hanya dari segi soal apabila ia katakan apa-apa berlaku kepada perbankan itu dari segi ia hendak melindungi dengan memberikan ganti rugi dan sebagainya. Apakah aspek-aspek yang dilihat atau pun di sana adakah wujudnya perkiraan yang berbeza antara sistem insurans konvensional

dengan *Islamic*? Maknanya, dari segi hendak bayar ganti rugi ini, apakah di sana wujudnya perkiraan yang berbeza antara kedua-dua sistem ini?

Maknanya, kalau kita hendak jamin katakan apabila ada Bank Islam sebagai contoh ada masalah, selepas itu insurans hendak bayar kepada bank ini berdasarkan premium yang dibayar *under protection*, kita hendak lindungi dia. Kalau Bank Islam sebagai contoh hendak mohon ganti rugi atas masalah yang dihadapi dengan bank konvensional, adakah MDIC-MDIC ini akan hanya mengenakan satu standard yang sama. Maknanya, dua-dua ini tidak ada perkiraan yang berbeza.

Sedang kita tahu tadi kata apabila kita gabungkan kedua-dua ini masalah yang paling besar ialah kedua-dua sistem ini beroperasi atas *foundation* yang berbeza. Jadi, kalau kita letak hanya satu piawaian sahaja sedangkan mungkin di sana ada unsur-unsur yang kalau kita letakkan piawaian yang sama ini menyebabkan ia tidak mematuhi syariah *compliance*. Jadi, saya ingin tanya adakah pihak kerajaan atau pun pihak MDIC ini juga mempunyai panduan-panduan? Oleh sebab dalam aturan kertas kerja yang pernah dibentangkan berkaitan dengan insurans Islam ini saya masih ingat lagi antara yang didedahkan adalah MDIC ini beroperasi dalam keadaan tidak mempunyai *guidance* yang agak *exhaustive*.

Maksudnya, apabila ditubuhkan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ini mereka masih lagi dari segi amalannya berpandukan kepada panduan-panduan dalam perbankan konvensional. Jadi, mungkin mereka kekurangan material-material atau pun *expert* dalam bidang-bidang *Islamic insurance* ini. Jadi, mungkin mereka tidak sangat mengambil berat soal perbezaan itu. Jadi, yang saya khawatir ialah ia akan menyebabkan mungkin apabila kita mengenakan piawaian yang sama dalam sistem yang berbeza ini, ia mungkin bukan hanya gagal mematuhi syariah, mungkin juga ia tidak akan berlaku adil kepada kedua-dua dari segi pembayaran ganti rugi sebagai contoh.

#### ■1630

Seterusnya, kalau sebelum ini tahun 2005 hingga tahun 2007, daripada segi pembayaran premium kepada insurans-insurans islamik ini. Dahulu ia *based* pada *flat rate*. Maknanya premium itu, ia akan ambil untuk dari bulan Disember yang tahun lepas punya daripada itu dia akan kira berapa premium. Akan tetapi oleh kerana *Islamic insurance* ini juga ia bukan sahaja - *Islamic insurance* ini juga melindungi sistem-sistem perbankan yang menawarkan produk-produk yang dipanggil *profit sharing* macam *murabahah* dan *mudarabah*.

Antara perbezaan *fundamental* perbankan Islam dengan perbankan yang konvensional adalah konsep *profit sharing* ini. Oleh sebab itu dalam Islam tidak ada konsep sangat *loan* ini. *Loan* itu *al-Qard al-Hassan* sahaja. *al-Qard al-Hassan* ini kita beri orang pinjaman RM1,000, dia bayar pun RM1,000, tidak ada *interest* dan sebagainya. Itu *al-Qard al-Hassan*. *al-Qard al-Hassan* ini, bank-bank islamik ini dia memang menawarkan terlalu sedikit sebab daripada segi *profit* itu tidak ada. Sebab pertama, *al-Qard al-Hassan* pinjaman yang baik, pinjaman yang *benevolent* untuk hendak tolong orang. Akan tetapi oleh kerana kalau kita buat sistem itu sahaja menyebabkan bank tidak boleh hendak *survive*, maka banyak produk Islamik ini yang *based on*

*profit sharing.* Maknanya ada elemen-elemen juga di sana pihak yang melabur ini mesti juga mengambil risiko sebab sistem riba' ini ia tidak ada risiko, ia *guaranteed payment*.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bila kita beri satu pinjaman, kita kenakan *interest*, maka di situ sudah ada *guaranteed payment*. Ia tidak ada masalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Nerus bangun.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Sepang, minta sedikit.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, terima kasih.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hendak minta Yang Berhormat Sepang mungkin boleh hurai sedikitlah. Ia konsep Islam ini ia mengajar kita untuk *profit and loss sharing*, berkongsi untung dan juga berkongsi rugi. Akan tetapi konsep konvensional menerusi *loan* ialah hanya untuk *profit sharing*. Kalau ada untung, kongsilah. Kalau tidak ada, rugi, mereka tidak hendak kongsi. Jadi itu yang membezakan antara konsep Islam dengan konsep konvensional. Mungkin dalam isu takaful ini boleh Yang Berhormat Sepang huraikan sedikit.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Kuala Nerus tadi. Ini disebabkan dalam Islam ini, saya katakan tadi memang konsep *profit and loss sharing*, ya. Oleh sebab itu dalam kes mudarabah, *Rabbul Mal* itu adalah orang yang menawarkan *capital* dan orang yang *entrepreneur*, yang menggunakan duit *investment* itu. Ia dua-dua pun ada unsur tolong-menolong. Maknanya, pemilik *capital* ini tidak boleh menganggap dia mesti sentiasa untung.

Akan tetapi sistem ini ada juga disalahgunakan. Maksudnya, orang gunakan mudarabah punya sistem kononnya – saya pernah terlibat apabila dia suruh saya buat satu perjanjian mudarabah. Akan tetapi apabila dia hendak memastikan ramai orang melabur, dia cakap dengan pelabur, untung sahaja, tidak ada langsung rugi. Dia hendak kalau boleh dijanjikan 90% untung, tidak ada langsung rugi. Saya kata, "Saya tidak boleh buat macam itu sebab itu bertentangan dengan prinsip Islam". Ia mesti ada *profit and loss sharing* seperti kata Yang Berhormat Kuala Nerus tadi.

Jadi, dalam sistem insurans Islam yang diperkenalkan ini, termasuk yang dilindungi ialah *profit sharing investment accounts* (PSIA) ini. Maknanya oleh sebab sistem perbankan ini ia ada perbezaan *features* itu, maka ia juga *cover* dalam kes-kes seperti itu. Bukan setakat - dalam konvensional ini ia lebih kepada *loan* yang *profit sharing* ini.

Okey, tadi saya berhenti fasal isu premium. Kalau kita lihat sekarang ini selepas tahun 2007 telah ada satu cara atau satu kaedah yang lain iaitu premium bukan lagi berdasarkan *flat rate*. Ia lebih *based* kepada *risk* tadi. Maknanya kalau bank itu bank yang mungkin lebih terdedah dengan *risk* yang tinggi maka ia punya premium akan lebih tinggi.

Jadi saya ingin bertanya kepada pihak Menteri, daripada segi penentuan premium ini, daripada segi pendapat yang menyokong syariah, mana yang lebih adil atau *fair* kepada pendeposit-pendeposit ini apabila kita gunakan *flat rate* ataupun *based* pada yang tadi itu, yang nombor dua tadi? Jadi, kalau yang pertama itu lebih adil, kenapa? Kalau yang kedua itu, kenapa? Ini disebabkan saya kata tadi, maknanya sekarang *problem* yang dihadapi oleh pihak-pihak *Malaysia Deposit Insurance Corporation* (MDIC) ini ialah mereka kebanyakannya hanya berpandukan kepada satu *guideline* yang standard untuk kedua-dua sistem ini. Jadi, saya rasa itu perkara yang patut dilihat oleh pihak kerajaan.

Saya rasa itu sahaja yang saya ingin bahaskan. Saya harap pihak Menteri dapat mungkin menjawab beberapa soalan yang saya bangkitkan tadi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Jasin.

#### 4.36 ptg.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ringkas sahaja untuk bangun menyokong tentang Rang Undang-undang PIDM (Pindaan) 2015 ini. PIDM sebagai sebuah badan berkanun yang telah ditugaskan sebagai melengkapi peranan bank pusat bagi mengawal selia sistem kewangan kebangsaan dan mentadbir deposit-deposit kebangsaan yang bertujuan untuk melindungi pendeposit-pendeposit.

Jadi, saya terus kepada soalan saya. Pertamanya, menerusi PIDM, pendeposit, pemilik-pemilik sijil takaful dan pemilik sijil insurans diberikan perlindungan di bawah akta ini. Jadi kesemua ahli PIDM adalah bank yang berlesen di bawah Akta Bank dan juga institusi kewangan kita. Jadi soalan saya, adakah semua bank-bank antarabangsa yang ada di negara kita ini berdaftar di bawah PIDM? Seterusnya, bagaimana kalau kita nanti menandatangani TPPA? Adakah bank-bank yang akan melabur di negara kita juga akan disyaratkan untuk mendaftar sebagai ahli PIDM?

Keduanya, mengapakah deposit-deposit yang layak diinsuranskan ataupun hanya RM250,000 sahaja pampasannya? Bagaimanakah kalau seseorang pendeposit itu mempunyai wang yang lebih, lebih daripada RM250,000 dia masuk di beberapa buah bank sama ada di empat buah bank atau lima buah bank atau sepuluh buah bank? Adakah apabila bank-bank ini akan menghadapi masalah ataupun dengan izin, *down under*, adakah pembayaran ini akan dibuat kepada setiap pendeposit kepada semua bank yang telah mereka carum wang-wang mereka?

Seterusnya soalan saya, semua bank komersial, semua bank Islam di syarikat insurans pengendali takaful semua, adalah menjadi ahli. Mengapakah ada bank-bank dalam negara kita terutamanya macam Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Kerjasama Rakyat, Bank Pembangunan dan Bank Pertanian tidak dilindungi dalam PIDM ini? Ini adalah satu perkara yang cukup penting bagi memastikan supaya kita dapat menjaga kepentingan pencarum-pencarum ataupun orang-orang luar bandar yang banyak menjadi ahli atau pendeposit di bank-bank ini

walaupun bank-bank ini adalah di bawah institusi kewangan pembangunan dan juga ada akta mereka iaitu *Development Financial Institutions Act*. Jadi, mengapakah mereka tidak disyaratkan untuk menjadi dalam PIDM? Apakah yang akan terjadi nanti kalau ada di antara bank tersebut menghadapi masalah? Adakah Kementerian Kewangan ataupun bank pusat mahu mencadangkan supaya mereka menjadi ahli dalam PIDM ini?

Kita tahu macam Labuan Offshore, macam *brokering insurance* tidak disyaratkan kerana mereka sebenarnya pendeposit adalah syarikat-syarikat korporat.

**■1640**

Seterusnya soalan saya apabila sesebuah bank ataupun syarikat insurans menghadapi masalah dan pendeposit-pendeposit akan mendapat pulangan tidak melebihi RM250,000 daripada PIDM, apakah nasib pemegang syer tersebut? Adakah mereka dimestikan untuk membawa perkara ini ke mahkamah untuk mendapatkan tuntutan. Seterusnya, apakah ciri-ciri sebuah bank, institusi insurans yang boleh diberikan pemindahan wajib syer memandangkan rang undang-undang ini membolehkan pihak ketiga ataupun *third party*, ini kerana apabila sesebuah syarikat insurans atau bank menghadapi masalah, PIDM akan mengambil alih. Setelah mentadbir dalam satu jangka masa, ia akan diserahkan kepada *third party* dan apakah sebenarnya kriteria *third party* ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang bangun Yang Berhormat.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** ...Kerana kita mahu melihat supaya masalah yang serupa tidak berlaku.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Jasin boleh?

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Sila Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Tadi Yang Berhormat Jasin ada bercerita tentang di mahkamah tadi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Jasin, kalau kita lihat *under the current system* memang ada isu yang agak, kata orang itu yang dipanggil isu yang bertindih. Sebab dari satu segi, kalau kita lihat daripada segi Perlembagaan, perbankan masuk dalam Persekutuan.

Maknanya kalau apa-apa hal isu perbankan mesti dibawa isu-isu ini ke Mahkamah Sivil. Akan tetapi masalahnya apabila hakim Mahkamah Sivil pula mungkin ada hakim-hakim yang tidak *well verse* dengan *Islamic banking*. Jadi apabila bank dengan – memang jadi perkara *debate* lah, bank perbankan Islam so mana satu mahkamah, Mahkamah Syariah kah Mahkamah Sivil? Pergi Mahkamah Syariah pula memang setakat ini keputusannya ialah lebih kepada Mahkamah Sivil lah sebab dia kata perbankan ataupun insurans-insurans.

Akan tetapi bila kita *dealing* dengan *Islamic insurance*, *Islamic bank*, bersetuju tidak dengan saya sudah sampai masanya juga mungkin kita kena fikirkan, adakah sudah wajar untuk mungkin Mahkamah Syariah juga diberikan peranan untuk dalam isu-isu perbankan Islam atau isu-isu yang berkaitan dengan – sebab ia melibatkan syariah *compliance* dan sebagainya. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat Jasin? Terima kasih.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Seperti yang saya sebutkan tadi, bank-bank yang tidak menjadi ahli PIDM adalah di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan yang mungkin di *guarantee* ataupun dijamin oleh kerajaan. Jadi sekiranya apa-apa juga masalah yang berlaku dalam bank tersebut, mungkin kerajaan akan dapat memberikan bantuan. Akan tetapi hanya perkara yang pertama yang telah disebut oleh Yang Berhormat Sepang tadi tentang bank kewangan Islam, ini ada hubung kait dengan syariah mungkin apa perkara tersebut, saya rasa kita pulangkan kepada Menteri untuk menjawabnya. Ini kerana ia satu perkara yang ada hubung kait dengan kepentingan umum Islam dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita mahu melihat supaya apa yang saya sebutkan daripada awal tadi apabila saya menyambung ucapan daripada Yang Berhormat Gerik, kita mahu kalau boleh satu undang-undang dan ketetapan yang lebih tegas lagi dari bank pusat ataupun *regulator bank* biar melesenkan semua insurans-insurans *company* dan juga bank-bank supaya memastikan mereka mempunyai kekuatan. Maknanya bukan sahaja kekuatan daripada segi kewangan, pentadbiran dan lain-lain supaya kita dapat memastikan kepentingan pencarum-pencarum dan pendeposit-pendeposit akan sentiasa diberikan perhatian. Itulah sahaja yang dapat saya sampaikan, terima kasih. Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jerantut.

#### 4.44 ptg.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk turut bersama membahaskan Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia atau PIDM 2005. Tahniah kepada kerajaan sekali lagi tetap memberikan keutamaan dalam menjaga kepentingan rakyat secara menyeluruh. Saya sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, untuk menyentuh tentang beberapa isu pindaan ini.

Pertamanya hendak menekankan bahawa perkara penting yang dibawa dalam pindaan ini ialah daripada segi sistem insurans deposit itu iaitu melindungi pendeposit terhadap kehilangan deposit yang diinsuranskan, yang disimpan di bank-bank ahli sekiranya berlaku kegagalan pihak bank ahli. Keduanya, sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans, melindungi pemilik skim takaful dan polisi insurans terhadap kehilangan manfaat takaful atau insurans yang layak sekiranya berlaku kegagalan ahli penginsurans.

Ini penting Tuan Yang di-Pertua kerana sebahagian daripada rakyat kita kadangkalanya mudah mendengar hasutan yang tidak sepatutnya didengari oleh rakyat kita. Misalnya apa yang berlaku kepada pendeposit Tabung Haji baru-baru ini, dengan sedikit sahaja isu yang dibawa maka ada pihak yang mengadu domba rakyat sehingga mengajak mereka keluar daripada menjadi pendeposit Tabung Haji kerana rakyat merasakan seolah-olah tidak selamat sudah deposit yang mereka adakan di Tabung Haji sedangkan maklumat yang sebenarnya bercanggah. Sedangkan fakta yang sebenarnya tidak tepat. Jadi melalui PIDM ini, saya mengharapkan agar PIDM lebih menguar-uarkan lagi maklumat ini agar rakyat kita dapat celik daripada segi

maklumat tentang simpanan mereka. Setiap simpanan dijamin oleh kerajaan, walaupun tadi Yang Berhormat Jasin ada menyatakan mungkin tidak puas hati setakat RM250,000 – mungkin kerajaan boleh memberikan timbangan kepada angka yang lebih tinggi daripada RM250,000 sekiranya boleh.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua akan menambahkan keyakinan rakyat sama ada terhadap simpanan, insurans ataupun takaful. Cuma saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan agar memberikan perhatian kepada pihak takaful ataupun pihak insurans kerana seperti mana kita dengar pandangan beberapa Ahli Yang Berhormat tadi ialah keengganan beberapa pihak insurans yang apabila pendeposit membuat tuntutan terutamanya apabila berkaitan dengan insurans am. Daripada segi yang biasa rakyat kita ialah melibatkan kenderaan. Apa sahaja yang ditawarkan dalam polisi sampai ke peringat tuntutan ada kalanya pihak insurans enggan menjelaskan tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh pemegang-pemegang polisi. Jadi, mungkin ini pihak kerajaan khususnya kementerian boleh melihat perkara ini.

Tiga cadangan penting yang dibuat dalam cadangan dalam pindaan ini ialitu yang pertamanya memperuntukkan kuasa pemindahan wajib syer, memberi kuasa kepada PIDM untuk memindah syer kepada pembeli sedia ada jika anggotanya tidak berdaya maju. Kemudian Bank Negara Malaysia akan mengeluarkan notifikasi terhadap anggota tidak berdaya maju atau kemungkinan berhenti daripada meneruskan operasi. Perkara ini mesti mendapat kebenaran atau kelulusan daripada Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia terhadap penerusan pemindahan syer-syer bagi anggota ahli yang tidak berdaya maju tadi.

Cuma persoalan saya ialah kepada Yang Berhormat Menteri, berapakah tempoh pengeluaran notis dan kelulusan Menteri terhadap pemindahan syer ini? Diharapkan ia tidak terlalu lama, kalau boleh ada satu sistem pemantauan pula. Kalau agak-agaknya syarikat ini sudah lain macam gayanya, memberikan notis yang lebih awal supaya syarikat-syarikat ini dapat diperingatkan agar mereka tidak menemui jalan buntu atau menuju kepada kegagalan beroperasi yang mana ia nanti akan merugikan rakyat.

PIDM juga pada pendapat saya patut memasukan perkara-perkara untuk memberikan peringatan kepada rakyat tentang kalau boleh macam CSR. PIDM juga memperbanyak aktiviti CSR ini dan sekali gus dapat memberikan maklumat tentang apakah peranan PIDM ini supaya apa yang saya katakan sebelum tadi, maklumat berkenaan dengan PIDM ini dapat disebarluaskan kepada seluruh rakyat kita.

Seperkara lagi yang saya hendak tanyakan kepada Yang Berhormat ialah berkenaan dengan meningkatkan keberkesanan pentadbiran, kejelasan dan keselarasan pelaksanaan kuasa yang ada pada PIDM. Apakah pihak kerajaan bercadang untuk memperluaskan kuasa mereka kepada ahli-ahli ini tadi?

#### ■1650

Setakat ini mungkin ahli-ahli yang ada dalam PIDM ini terbatas kepada syarikat-syarikat kewangan yang berada di pasaran tempatan. Maksudnya syarikat tempatan. Adakah pihak kerajaan berhasrat untuk memastikan syarikat-syarikat kewangan daripada luar ini juga tertakluk

kepada PIDM ini? Ini kerana kita bimbang sekiranya syarikat luar yang beroperasi di negara ini, mereka tidak terikat dengan PIDM ini, tiba-tiba mereka gagal meneruskan operasi atau dengan bahasa mudahnya mereka hendak menamatkan perkhidmatan mereka dalam negara. Kalau tidak ada perlindungan, sekali lagi ini akan merugikan rakyat ataupun penyimpan, pendeposit daripada dalam negara.

Kita mungkin, ini akan berlaku. Sebagai contohnya esok, masuknya kita dalam TTPA dan keterbukaan pasaran, kemungkinan syarikat-syarikat yang lebih besar dari luar negara akan masuk dan mereka mungkin ada strategi-strategi tertentu dalam masa menjalankan perkhidmatan mereka dalam beberapa tahun, tiba-tiba dia merasakan sudah cukup untuk membina keuntungan dan mereka mula hendak cabut lari. Jadi di sini kalau tidak ada perlindungan yang khusus termasuk PIDM, mungkin pendeposit kita akan mengalami kerugian.

Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jasin bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Ya.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Saya ada tanya sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Apabila Yang Berhormat Jerantut ada menyebut tentang Tabung Haji tadi, sama ada Tabung Haji diklasifikasikan sebagai institusi kewangan pembangunan kerana Tabung Haji juga pengambil deposit. Kita memang ingat akan perbuatan yang tidak bertanggungjawab oleh mereka yang sebenarnya mempunyai kepentingan terutamanya dalam keadaan kita mengalami pilihan raya kecil dahulu. Satu, sebenarnya berita daripada orang yang cukup jahat sekali. Seolah-olah meruntuhkan nama baik Tabung Haji yang menjadi satu-satunya daripada agensi yang terkaya di negara kita ketika ini. Jadi apa yang hendak saya sebut di sini supaya perbuatan tersebut kita klasifikasi sebagai satu perbuatan jahat yang mesti didakwa dan dihukum kerana telah menyebabkan banyak keresahan dan kerugian kepada ekonomi negara.

Keduanya, apakah kriteria-kriteria yang dibuat oleh PIDM sebelum sesuatu tindakan diambil kepada syarikat insurans ataupun bank yang dilesenkan tadi untuk diambil alih sebelum ia ditadbirkan oleh PIDM kalau menghadapi masalah. Setakat apa syarat-syarat dia? Apakah kriteria dia? Jangan seperti apa yang disebut Yang Berhormat Jerantut tadi, apabila syarikat tersebut telah betul-betul habis, baru kita hendak ambil alih, satu pun sudah tidak ada lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh memberikan penjelasan tentang status Tabung Haji. Cuma, itulah Yang Berhormat Jasin, Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi bahawa keyakinan kepada rakyat perlu diberi terutama tentang keselamatan simpanan mereka. Apabila maklumat ini ada di kalangan rakyat, maka tidaklah berlaku seperti apa yang berlaku pada Tabung Haji.

Sebahagian daripada rakyat kita memang termakan. Ada rakan saya mengeluarkan hampir keseluruhan simpanan mereka dalam Tabung Haji kerana termakan dengan hasutan

takut Tabung Haji bankrap. Kerana apa? Bila saya tanya apakah jaminan yang ada pada kerajaan untuk menyelamatkan simpanan mereka. Mereka kata tidak ada apa-apa. Jadi mungkin di sini saya sudah katakan tadi, PIDM boleh memberikan kesedaran yang lebih banyak, yang lebih luas, bukan sahaja melalui iklan televisyen yang kita tengok gambar Rahim Razali itu semata-mata tapi perlu disebarluaskan lagi.

Saya juga ingin meminta penjelasan Menteri, apakah jaminan-jaminan syarikat-syarikat kewangan ini sebelum ia melaksanakan operasi di Malaysia ini benar-benar memberikan keyakinan kepada kerajaan, mereka boleh menjalankan operasi dengan selamat. Jadi Tuan Yang di-Pertua, Jerantut mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanah Merah.

#### **4.54 ptg.**

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana bagi peluang saya untuk bahas dalam membahaskan pindaan ke atas Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Saya ingin membangkitkan dua perkara. Perkara pertama ialah berhubung kesedaran mengenai kepentingan dan fungsi memiliki polisi insurans atau pelan perlindungan diri dalam masyarakat khususnya di kalangan golongan muda di negara ini yang kita lihat masih di tahap yang rendah.

Perkara itu berlaku berikutan kebanyakan orang muda tidak memahami konsep berkenaan faedah, kebaikan, dan keperluan memiliki skim berkenaan. Rata-rata generasi muda merakan mereka dalam keadaan selamat dan masih mendapat bantuan kewangan daripada ibu bapa serta merasakan polisi insurans terbabit bukanlah satu keperluan utama dalam kehidupan. Generasi muda sekarang lebih mementingkan untuk memiliki kenderaan, rumah dan *gadget* canggih berbanding pelan perlindungan diri dan keluarga kerana merasakan perkara tersebut merupakan pilihan dan tidak begitu penting dalam usia mereka.

Kajian yang dijalankan oleh Perspective Strategies Sdn. Bhd. ke atas 2,021 responden di seluruh negara melibatkan beberapa institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta mendapati 75.6% atau 1,528 orang tidak dilindungi insurans. Malah lebih mengejutkan apabila 76% daripadanya adalah golongan orang Melayu yang tidak memahami kepentingan pelaburan jangka panjang. Jadi memang betullah hujah Yang Berhormat Gerik tadi menjelaskan bahawasanya ramai orang Melayu, maksudnya bumiputera tidak mengambil perlindungan insurans ini.

Oleh itu, saya ingin menggesa kerajaan supaya memperhebatkan kempen bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan generasi muda betapa pentingnya mereka memiliki polisi insurans. Langkah itu penting memandangkan mereka perlu disedarkan betapa pentingnya perlindungan insurans bagi masa depan mereka. Soal harga polisi mahal tidak seharusnya timbul kerana kebanyakan syarikat insurans di negara ini saya dapati menawarkan pelbagai pakej polisi insurans atau pelan perlindungan mengikut kemampuan dan kehendak pelanggan. Kerajaan

perlu mempertingkatkan lagi usaha bagi menjelaskan kepada golongan muda bahawa mereka perlu memiliki pelan perlindungan sebagai perancangan jangka panjang.

Pada masa ini saya berpendapat, pemahaman dan pendedahan mengenai kepentingan memiliki skim insurans masih kurang dalam kalangan generasi muda. Kerajaan perlu mengikis persepsi ataupun stigma negatif dalam kalangan masyarakat mengenai keperluan membeli insurans dan menganggapnya tidak penting serta membazir memandangkan mereka tidak melihat akan manfaat dan faedahnya secara keseluruhan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gerik tadi. Justeru adalah wajar pendidikan kewangan perlu diterapkan bermula pada peringkat sekolah rendah, menengah atau universiti memandangkan insurans atau pelan perlindungan ini merupakan teras utama dalam perancangan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua berhubung dengan masalah TPA, dengan izin, *Third Party Administrator*. Masyarakat umum di Malaysia memang sedia maklum tentang bayaran tunai bil rawatan di klinik-klinik swasta sejak berzaman lagi. Namun tidak ramai mengetahui kewujudan TPA kecuali dalam kalangan pekerja-pekerja swasta di bandar-bandar. TPA ini ditubuhkan oleh orang perseorangan mahupun syarikat-syarikat insurans gergasi untuk menjadi perantaraan dalam proses membuat pembayaran bil-bil rawatan kakitangan swasta di antara syarikat-syarikat dan pihak doktor swasta terutamanya di bandar-bandar besar dan kawasan perindustrian. Setakat ini aktiviti adalah mereka tertakluk di bawah kawalan Bank Negara dan bahagian amalan Kementerian Kesihatan Malaysia berpandukan kepada Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta.

Kalau dahulu pihak syarikat swasta mahupun pengilang-pengilang di kawasan perindustrian akan membuat pembayaran secara terus kepada pihak doktor swasta di seluruh negara melalui kemudahan kredit bulanan, namun ia telah pun berubah dengan kewujudan pelbagai pihak ketiga yang juga dikenali sebagai TPA di negara kita sekarang. Objektif asal pertubuhan TPA sebegini adalah untuk membantu pihak syarikat swasta mengawal kenaikan kos perubatan tanggungan mereka ke tahap yang boleh dijangkakan dan terkawal.

Pada masa yang sama, ia juga boleh memudahkan pihak doktor swasta untuk mendapatkan pasaran kepada pelbagai syarikat swasta tanpa perlu melakukan sebarang aktiviti pemasaran secara konvensional. Malah ia juga membantu melicinkan lagi proses pembayaran setempat oleh pelbagai syarikat korporat kepada para doktor swasta yang terlibat sebagai klinik panel mereka melalui TPA ini.

Namun begitu, saya difahamkan ia bagi indah khabar dari rupa dan bagi mimpi ngeri bagi doktor-doktor swasta yang terlibat dengannya sama ada secara sukarela mahupun akibat desakan pasaran semasa di bandar-bandar besar di seluruh negara. Apa yang berlaku ialah para doktor yang terlibat dengan perkhidmatan TPA ini terpaksa bersabar dengan pelbagai kerentenan TPA yang tidak masuk akal serta menanggung risiko kerugian berpuluhan malah ada yang menjangkau ratusan ribu ringgit akibat penutupan operasi mahupun aktiviti pengambilalihan TPA ini secara terancang tanpa menjelaskan terlebih dahulu bayaran bil rawatan tertunggak pihak TPA ke atas klinik-klinik swasta yang terlibat.

**■1700**

Antara masalah yang ditimbulkan oleh pihak TPA ini adalah seperti pembayaran kredit, bil rawatan yang secara puratanya melebihi 90 hari malah ada yang sehingga menjangkau 365 hari. Malah pembayarannya juga tidak dilakukan secara keseluruhan menurut invois bulanan yang dikeluarkan namun secara serpihan di sana sini *piecemeal* dengan izin. Tanpa pemberitahu dan bila dikesan dan diajukan persoalan, jawapan yang diberikan amatlah mengecewakan dengan memberikan pelbagai alasan termasuklah kegagalan pihak syarikat-syarikat yang terlibat membuat pembayaran kepada TPA pada masa yang ditetapkan sebagai punca masalahnya.

Selain itu, terdapat juga pihak TPA yang mengenakan kadar fi sebanyak 10% kepada pihak klinik swasta ke atas setiap jumlah bil rawatan yang dikenakan kepada setiap pesakit panelnya. Pihak TPA juga didapati gagal mematuhi kadar fi rundingan profesional doktor-doktor am swasta atau juga dikenali sebagai GP yang telah ditetapkan dan dipersetujui oleh pihak kerajaan iaitu di antara RM30 hingga RM125. Purata kadar fi rundingan yang dikenakan setakat ini adalah sebanyak RM15 sahaja. Yang Berhormat Pengkalan Chepa mungkin boleh tahu hal ini, dia doktor.

Selain itu, pihak doktor juga cuba mencampuri urusan yang berkaitan dengan maklumat kerahsiaan pesakit, jenis ubat dan rawatan yang dibenarkan serta kadar harga ubat yang dibenarkan yang mana ia berada di bawah paras harga pembelian oleh seorang doktor am swasta itu sendiri. Kini terdapat kecenderungan baru dalam kalangan pihak TPA ini yang mengenakan syarat tambahan iaitu meletakkan EDC terminal di klinik-klinik panel yang terlibat dengan alasan untuk memudahkan pemproses pembayaran. Namun di sebaliknya mengenakan kos tambahan secara sewaan bulanan serta mengambil ruang tambahan di kaunter-kaunter klinik swasta yang terlibat tanpa sebarang bayaran.

Pelbagai rungutan dan bantahan telah dilakukan oleh para doktor swasta melalui pelbagai kesatuan. Namun sehingga kini masih gagal memberikan impak yang lebih berkesan. Oleh itu pada kesempatan ini saya menggesa supaya kerajaan melaksanakan penguatkuasaan undang-undang lebih tegas oleh pihak kerajaan bagi memantau gejala yang kurang sihat ini daripada terus berleluasa mengakibatkan pelbagai masalah daripada segi etika kedoktoran, kualiti perkhidmatan dan kelangsungan perkhidmatan klinik-klinik swasta pada masa hadapan terutamanya di bandar-bandar seluruh negara.

Apa yang dibimbangkan masalah TPA akan menyebabkan rakyat yang menggunakan khidmat klinik-klinik swasta melalui kemudahan insurans akan menerima kesannya termasuklah daripada segi perkhidmatan. Banyak syarikat swasta menggunakan khidmat syarikat insurans bagi pembayaran di klinik-klinik panel mereka dengan tujuan bagi membolehkan pekerja mereka mendapat rawatan sebaik-baiknya.

Akhir sekali, namun apa yang berlaku jika masalah TPA ini berlanjutan ia sudah tentulah memberi kesan buruk kepada orang ramai secara tidak langsung. Berikut itu saya menggesa kerajaan melakukan langkah-langkah berkesan bagi mengatasi masalah berkenaan supaya ia

tidak akan menyebabkan perkara yang baik menjadi buruk semata-mata oleh sebab satu keranah yang boleh kita atasi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tasek Gelugor.

### 5.03 ptg.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ada sikit sahaja persoalan. Saya menyokong penuh pindaan Akta PIDM 2005 ini. Cuma untuk itu saya perlukan sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang peranan PIDM ini khususnya dalam mengawal selia syarikat-syarikat insurans. Adakah PIDM terlibat secara terus dalam mengawal selia dan juga menyediakan apa-apa ganti rugi sekiranya syarikat-syarikat insurans itu ditutup ataupun menjalani proses penggulungan dan sebagainya.

Kedua, apa yang sedang berlaku sekarang ini kita perlu melihat sekiranya PIDM berperanan terus mengawal selia juga syarikat-syarikat insurans. Apa yang berlaku sekarang ini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Dewan, khusus bagi kepentingan kebajikan kakitangan kerajaan, yang mana semua kakitangan kerajaan mendapat jaminan rawatan kesihatan melalui *guarantee letter*. Apa yang berlaku ialah apabila seorang pegawai kerajaan mengambil insurans kesihatan yang mana banyak dalam pasaran sekarang dan pada masa yang sama pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan juga mendapat perlindungan daripada segi *guarantee letter*. Contohnya apabila dia mendapat rawatan tertentu di hospital-hospital kerajaan khususnya. Jadi pihak kerajaan yang akan membiayai malah membayar kos-kos rawatan tersebut.

Sedangkan dalam masa yang sama kakitangan kerajaan juga telah pun mengambil insurans bagi membiayai kos-kos perubatan sekiranya dia didapati mengalami apa-apa penyakit ataupun sedang dirawat di mana-mana hospital. Jadi dalam hal ini bayaran kepada kos perubatan tersebut telah dijelaskan oleh pihak kerajaan. Dalam masa yang sama, pihak insurans yang membekalkan faedah daripada insurans tidak membayar kos-kos rawatan dan sebagainya. Cuma syarikat insurans ini membayar daripada segi kos hospitaliti ataupun kos-kos sampingan.

Sebagai contoh, kalau seorang pegawai kerajaan dirawat di hospital dan contohnya mengalami penyakit kronik seperti pembedahan jantung dan sebagainya. Maka segala kos pembedahan jantung itu lebih kurang kita kata anggaran antara RM60,000 hingga RM70,000 telah diperjelaskan oleh kerajaan melalui insentif pembiayaan kesihatan kakitangan kerajaan. Jadi syarikat insurans yang berkenaan dia kata, "*Kami tidak membayar kos perubatan kerana kos ini telah pun dibayar oleh pihak kerajaan. Kami hanya membayar kos hospitaliti*". Contohnya RM100 satu malam berada di wad dan sebagainya kali beberapa malam yang dia tinggal di wad dan sebagainya.

Jadi, di sini kalau kita lihat dia macam satu kerugian kepada kakitangan kerajaan tersebut yang pada setiap bulan atau setiap tahun membayar bayaran premium insurans untuk mendapatkan faedah kesihatan tersebut. Namun apabila dia menghadapi situasi yang mana dia

dirawat dan perlu dibayar tetapi pihak insurans tidak membayar apa yang telah pun dijanjikan tentang faedah-faedah tersebut. Jadi di sini persoalan pada kita kalau boleh pihak Yang Berhormat Menteri boleh memberikan penjelasan kepada kita, apakah perlu kakitangan kerajaan yang mendapat faedah rawatan perubatan ini mengambil apa-apa insurans kesihatan? Ini kerana apabila mereka dirawat di hospital, maka pihak kerajaan yang akan membiayai kos perubatan tersebut bukan daripada pihak insurans yang berkenaan.

Jadi di sinilah yang saya ingin kaitkan tentang peranan PIDM. Kalau-lah peranan PIDM adalah juga untuk mengawal selia syarikat-syarikat insurans yang mengambil deposit daripada masyarakat, adakah PIDM boleh memantau hal ini ataupun menjamin bahawa setiap faedah yang dijanjikan tersebut akan sampai kepada pendeposit-pendeposit, kepada pembeli-pembeli insurans yang berkenaan? Jadi adalah amat malang dan rugi sekali kalau kita membelanjakan ribuan ringgit setahun membayar premium insurans bagi mendapatkan faedah kesihatan dalam masa yang sama kita adalah kakitangan kerajaan yang dibiayai kos perubatan dan sebagainya. Maka pihak insurans tidak membayar, maka ia adalah menjadi satu kerugian. Jadi saya hendak tanya, adakah ini juga di dalam bidang kuasa PIDM untuk menentukan bahawa pencarum-pencarum insurans tidak mengalami kerugian sedemikian rupa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Bagan Serai.

#### **5.09 ptg.**

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Membaca selawat] Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana bagi saya peluang juga untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2015.

#### **■1710**

*'Sediakan payung sebelum hujan', 'Jangan terantuk baru tengadah', 'Jangan sampai nasi jadi bubur'.*

Sebuah badan berkanun yang ditubuhkan pada September 2005 di bawah Akta PIDM 2005. Akta PIDM ini adalah untuk mentadbir urus sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans untuk melindungi deposit dan pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya sesebuah institusi ahli mengalami kegagalan. Ia melindungi deposit terhadap kehilangan deposit diinsuranskan yang disimpan di bank-bank ahli sekiranya berlaku kegagalan bank ahli.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap tahniahlah kepada kerajaan memikir tentang bagaimana mengawal selia dan bagaimana menjaga kepentingan pendeposit. Akan tetapi kalau kita pergi ke perkara yang lebih awal lagi ialah tentang persepsi insurans itu sendiri. Hari ini kita dah ada insurans yang islamik. Sama ada insurans itu orang kata islamik atau tak islamik, saya masih ingat insurans sudah ada lama sudah di negara kita ini.

Dan orang yang menghadap kita, kalau dia katalah kita ini, saya hendak jual insurans, kalau saya kata saya hendak jual insurans, apalah pendapat dan persepsi seseorang itu? "Oh! Kamu hendak jual insurans? Datanglah dekat saya, saya hendak beli insurans" Betul macam tu? Ataupun kita rasa orang yang hendak jual insurans ini dia hendak ambil duit kita? Pada hari ini kita lihat daripada 10 orang yang berjalan yang bekerja di luar sana, berapa orang yang membeli insurans, berapa orang yang fikir insurans adalah satu perkara penting dalam kehidupan ini ataupun dia rasa insurans ini menghabiskan duit dia? Ini perkara yang penting.

Oleh sebab itu, sediakan payung sebelum hujan sebab malang tak berbau. Kalau terjadi apa-apa hari ini, kalau seseorang ditimpa kemalangan ataupun sakit ataupun demam yang kuat yang memerlukan pembedahan rawatan yang mahal yang terpaksa masuk hospital, ke mana hendak pergi? Ha, jadi masa itulah kita kata kerajaan salah, kerajaan tak tolong.

Dalam perbahasan KWSP lagi saya bagi tahu, sikap menabung kita itu, sikap menabung kita itu hari ini adalah penting. Oleh kerana kita tidak ada sikap menabung, maknanya insurans ini sudah tidak penting bagi kita. Jadi hari ini kita bincangkan macam mana kita hendak jaga pendeposit-pendeposit ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kapar bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Tetapi hari ini rakyat di negara ini, berapa orang yang sebenarnya membeli insurans? Hari ini Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan kepada Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ha, Yang Berhormat Kapar ini. Dia banyak kali sudah bangun sebenarnya hari ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini macam ejen insurans saja ini.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima Yang Berhormat Bagan Serai.

Yang Berhormat Bagan Serai, bila ejen-ejen ini datang hendak jual insurans, mereka senang hendak dapatkan atau jual insurans mereka. Akan tetapi bila seseorang yang telah membeli insurans, mereka menjadi mangsa untuk mereka dapatkan wang pampasan kerana agak sukar. Macam-macam kriteria dibawa. Kadang-kadang tersangkut sebab salah satu klausa dalam *agreement* tersebut. Kadang-kadang saya rasa banyak kes yang datang kepada pejabat-pejabat Ahli Parlimen yang mengatakan insurans tak dapat kerana klausa-klausa tertentu. Saya rasa benda ini pun perlu diimbangi. Semasa jual tak diberitahu, tiba-tiba bila hendak dapatkan duit tak dapat. Nampak Yang Berhormat pun ada setuju. Saya rasa benda ini perlu di...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya, terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Itu sebab... *[Disampuk]* Ha, dia sudah mula nak merepek petang ini. Itu sebab saya bagi tahu, saya sedang bercakap tentang persepsi pada orang jual insurans. Orang ini datang untuk bagi tahu kita, kalau jadi apa-apa pada tuan

hari ini, hendak ambil rawatan di mana? Ini sebab belum jadi lagi ini. Kalau jadi, menangis tak berlagu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Beruas bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Orang yang datang itu sepatutnya-sebentar Yang Berhormat Beruas. Sepatutnya orang yang hendak jual insurans pada kita itu, kenapa kita tak ada persepsi yang baik? Kita ada *husnuzon*, sangka baik. Jangan sangka buruk.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bagi Yang Berhormat Beruas. Yang Berhormat Beruas ejen insurans.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Apa dia? Yang Berhormat Beruas jual insurans?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Beruas ejen insurans. Bagi dekat dia.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ha, bagi, bagi.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Bagan Serai, satu daripada sebab rakyat Malaysia tak hendak menabung dalam insurans kerana nilai ringgit susut... *[Disampuk]* Bukan. Bukan sekarang sahaja. Maksud saya...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau macam ini jual insurans, tak laku. Duduk, duduk.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Nanti, nanti.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Okey, okey.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Maksud saya, saya bukan mengatakan tentang susut nilai yang baru-baru ini berlaku. Maksud saya, semasa 30 tahun lepas, semasa kita beli insurans RM50,000, nilai wang tinggi. Kita pergi jumpa doktor, pergi hospital, dicaj RM50 hingga RM200. Akan tetapi, kita sudah menabung, tiba-tiba 30 tahun kemudian, RM50,000 ini tidak cukup untuk *major operation* pun. Maksudnya, orang yang telah menabung ini, niat kita supaya hari hujan itu ada- tadi kata apabila berjumpa dengan malang, kita ada *backup* tetapi *backup* itu tidak mencukupi. Jadi bagaimanakah kalau Yang Berhormat Bagan Serai boleh bagi cadangan supaya kalau orang menabung ini, mereka mendapat nikmat daripada berjimat itu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong kata Yang Berhormat Beruas ejen insurans. Macam bukan ejen dah.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya sebenarnya tidak bercakap tentang berapa nilai yang dia letak. Saya sedang bercakap tentang kalau ada *coverage* RM50,000. Kalau seseorang yang tidak ada *coverage* langsung, apa hendak jadi? Siapa yang hendak tolong?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Pi cari Yang Berhormat Bagan Serai lah. *[Ketawa]*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Adik-beradik mana yang hendak tolong? Sekarang ini ada saudara kita sakit, berapa orang yang hendak letak RM20,000 tolong? “Ha, ini sakit? Tak apa, tak apa, saya bagi RM20,000 untuk tolong.” Ada?

Jadi sebab itu, persepsi yang pertama sebab apa kita mesti- saya berpendapat kita mesti ambil. Saya berpendapat sebahagian daripada pendapatan yang kita usahakan, kita simpan, kita laburkan untuk masa-masa susah kita. Jadi hari ini, insurans ini ada banyak jenis. Insurans hari tua...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Doktor tak mahu buat kritikan langsung, apa ini?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Insurans untuk pelajaran anak-anak, insurans untuk wanita, insurans untuk lelaki, insurans kemalangan, insurans hospital tetapi dia rasa malas itu hendak bawa keluar duit RM50, hendak letak untuk simpan bulanan itu. Itu tabiat yang tidak ada pada kita hari ini untuk jaminan kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sebenarnya sangat penting. Saya mengambil peluang dalam perbahasan ini untuk kita sama-sama untuk kita insafkan diri kita jugalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan Serai, ramai tidak beli insurans nyawa tetapi beli insurans kereta.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sebab Tuan Yang di-Pertua, insurans kereta wajib. Sama juga dengan KWSP, wajib. Kalau kita bagi opsyen, KWSP boleh ambil atau boleh tidak ambil, ramai orang ambil atau ramai orang tidak ambil? Jawapannya ramai orang tidak ambil. Sebab, menabung ini ia satu sikap, satu tabiat yang penting.

Hari ini kalau kita kata RM100 lah, RM100 daripada gaji kita, kita simpan tiap-tiap bulan untuk insurans, katakanlah coveragenya. Berapa coveragenya?...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Puteh bangun Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kalau satu tahun, lebih kurang RM1,000 ke RM1,200. Kalau 10 tahun, kalau 20 tahun, maka banyak. Tetapi ada orang rasa risau RM100 hilang tetapi orang hisap rokok sebulan berapa?

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Tak tahu.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ada perokok boleh tolong jawab tak? Sebulan hisap rokok RM50? Tidak ada. RM100? Tidak ada. Lebih lagi. Jadi kalau satu hari RM10, sebulan RM300, kalau 10 bulan, RM3,000. Lebih baik beli insurans. Buat apa kita bakar diri?

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Betul, betul.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Akan tetapi tidak apalah, kalau kita beli insurans, hendak hisap rokok juga, tidak apalah ‘kot’. Tetapi kalau dia buat alasan begini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Puteh bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya minta sedikit sahaja, *one minute*. Kalau kita simpankan duit ini, katakan RM100 sebulan, 10 bulan RM1,000 dan 10 tahun, RM10,000, ada orang sudah boleh pergi buat haji. Silakan.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai.

Bagi saya, matlamat takaful ialah kita bekerjasama untuk membantu mereka yang menerima kesusahan atau yang tidak bernalib baik, bukan untuk menabung sebenarnya, minta maaf. Untuk menabung ini kita boleh menabung dengan macam-macam cara. Kita boleh beli tanah, kita boleh dapatkan anak ramai-ramai. Anak inilah yang akan membantu kita apabila kita tua. Maknanya mereka ini akan mencari rezeki dan membantu. Akan tetapi sebaik-baik tabungan yang kita kena buat ialah kita kena *husnuzon* dengan Allah SWT sebagaimana Yang Berhormat Bagan Serai pada mula-mula tadi, yang baca doa tadi. Itulah tabungan yang paling baik untuk kita simpan, untuk Allah jaga kita dan keluarga kita. Itulah yang terbaik.

#### ■1720

Insurans yang menyimpan duit sebenarnya banyak merugikan. Pengalaman saya banyak merugikan. Kalau kita masuk dalam tabung insurans ini khususnya yang tidak takaful, makna banyak kerugiannya. Ini kerana kebanyakan kita ini akan tidak mengambil wang itu, tetapi hanya segelintir, beberapa orang yang menerima musibah sahaja yang akan menerimanya. Tidak semua. Kalau 100 orang yang mengambilnya, mungkin 5 orang atau 10 orang sahaja yang akan mengambil. Seramai 90 orang, dia akan menabung untuk membantu yang 5 orang atau 10 orang tadi.

Jadi, kalau kita bersikap bahawa kita membeli insurans atau takaful ini untuk membantu orang lain, maka di sana kita mendapat pahala dan juga kalau kita menerima musibah, maka kawan-kawan kita yang lain menabung itu akan membantu kita. Dengan roh inilah maka saya rasa kita berkempen untuk kita semua menabung dalam takaful, bukan untuk menabung menyimpan itu untuk kita suatu hari bila kita susah, inilah yang akan membantu kita. Ini tidak cukup sebagaimana Yang Berhormat Beruas kata tadi, tidak cukup. Kita menabung RM100,000 dahulu, banyak habis duit tetapi apabila kita sakit sekarang ini RM100,000 itu sedikit sangat. Harganya bukan RM100,000 sudah, sudah jadi RM50,000 sudah sekarang harga yang kita tabung RM100,000 dahulu.

Jadi roh kita menabung di takaful adalah untuk kita membantu sesama kita apabila kita atau di kalangan kita menerima musibah. Dengan roh inilah juga kita mendapat pahala. Oleh sebab itulah saya berkempen untuk takaful, jangan untuk insurans. Insurans, dia guna riba dan macam-macam lagi. Jangan kita membeli insurans. Saya berkempen kepada diri saya dan semualah, cukuplah insurans ini, kita masuk takaful. Sekian, terima kasih. Bagaimana pendapat Yang Berhormat Bagan Serai?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh...

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Terima kasih. Saya hendak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiawangsa bangun Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ya?

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Sedikit sahaja. Sedikit sahaja. Saya memerhatikan dengan penuh teliti perbahasan ini, tetapi saya tengok bahawa PIDM ini adalah insurans yang dibayar oleh *member bank* ataupun insurans untuk *protect depositors*. Ini bermakna kita tidak perlu membayarnya. Saya tidak faham di mana letak perbahasan ini yang kita boleh *relate* dengan PIDM ini...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dia tidak poin itu. Tidak ada poin itu, meraba-raba sahaja.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, dahulu Yang Berhormat Setiawangsa itu dia duduk sebelah Yang Berhormat Titiwangsa, sebab itu dia faham.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jadi pada peringkat awal saya sudah katakan, saya sedang cakap tentang persepsi insurans itu, bermaknanya menyimpan. Kita orang Islam, kita patut ambil simpanan untuk syariah. Itu sudah pasti.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sudah tidak ada poin, duduk sahajalah.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Itu sudah betullah cakapnya tadi itu. Susunannya sudah betul, tetapi nawaitu kita untuk membantu orang lain. *[Berucap dalam bahasa Arab]* Kita tolong orang lain, itu betul. Itu sudah betul sudah. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak menyimpan, tidak bersungguh-sungguh berusaha menyimpan untuk diri kita masa hadapan, bagaimana kita. Ini yang saya ceritakan hari ini. Kenyataan yang ada sekarang ini apabila terjadi sesuatu cabaran, ujian, malapetaka dan bencana, mengamuk kerajaan yang salah. Jadi, ini yang saya hendak cakapkan tentang perkara insurans ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh bertanya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tanya soalan. Tanya soalan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, ada tiga pindaan utama kepada Akta PIDM ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak beri Yang Berhormat Sepang Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Ketawa]*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Pertama, memperuntukkan PIDM dengan kuasa pemindahan wajib syer. Jadi soalan saya...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tanya soalan boleh? Tanya soalan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Masa sudah suntuk. Yang Berhormat Sepang duduk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Sepang hendak beri ceramah *muamalat* nanti kemudian.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak. Saya hendak tanya fasal akta ini.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Adakah penjualan syer mana-mana institusi anggota yang tidak lagi mampu berdaya mampu hanya terhad kepada pelabur sektor kewangan ataupun secara terbuka? Selain itu, adakah PIDM akan membuka penjualan syer kepada firma kewangan antarabangsa yang ingin melabur dalam sektor ini? Perkara kedua, menyelaraskan Akta PIDM dengan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI). Ketiganya, meningkatkan keberkesanan pentadbiran, kejelasan dan keselarasan pelaksanaan kuasa PIDM.

Secara keseluruhannya, pindaan terhadap akta ini jelas tujuan untuk mengukuhkan anggota PIDM dalam memberikan pelindungan kepada pendeposit dan seterusnya memantapkan polisi PIDM. Kerisauannya sekarang yang wujud ialah kena tipulah. Mengapa kita tuduh orang insurans ini tipu? Sebenarnya apabila kita hendak membeli sesuatu insurans, kita perlu teliti segala-galanya, kaji dahulu. Saya hendak ingatkan kepada kita semualah, bila hendak ambil insurans, ambil waktu muda-muda. Jangan sudah tua-tua baru hendak ambil sebab bila sudah tua-tua hendak ambil, tua-tua ini biasanya banyak penyakit. Kalau sudah ada kencing manis, kita kena *reject*. Kalau kita ada jantung, kita kena *reject*. Itu yang saya katakan tadi jangan sampai nasi jadi bubur.

Jadi saya tegaskan, sekarang inilah kalau kita masih muda atau anak-anak kita, kawan-kawan kita, nasihatkan supaya ambil sebab jangka panjang itu. Kata orang sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit. Lama-lama ada simpanan yang besar, lama-lama ada bantuan *insya-Allah*. Ini usaha kita. Oleh sebab itu persepsi dahulu, kalau orang datang hendak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiawangsa, yang ini masuk dalam rang undang-undang tidak?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Apa dia?

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Ini tidak syariah *compliance*, dia terkeluar sedikit ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dia tidak ada poin. Dia tidak ada poin sudah.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Persepsi dahulu kalau orang hendak jual insurans, jadi orang semua takut. Ini sebab apa, orang rasa tidak Islamik dan tidak ikut syariah. Hari ini ada insurans yang Islamik, berapa orang yang ambil insurans yang Islamik? Berapa orang yang ambil insurans yang Islamik? Jadi Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Bukit Gantang yang ambil.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jadi selepas ini Tuan Yang di-Pertua, selepas ini ramai yang beli insurans, *insya-Allah*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekian, terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jadi, saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh habiskan dalam masa lima minit Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Lima minit ya? Saya hendak cerita balik tentang orang kena tipu ini Tuan Yang di-Pertua. Ini tidak ada kena tipu. Ini kerana bila kita masuk, kita didapati kita sudah ada penyakit, memang kita kena *reject*. Akan tetapi ada syarikat-syarikat yang saya dengar tadi dalam perbahasan, yang mencari sebab supaya tidak payah bayar. Dia cari *angle* mana yang akan membatalkan *clause* dia kena bayar. Ini jahat. Maknanya yang jahat. Tidak tahu lah. Pendapat saya yang jahatnya syarikat itulah, bukan orang yang jual insurans itu. Orang yang jual insurans itu, dia kena buat kerja dia. Kalau dia sudah berhenti jual insurans, orang lain pula datang jual insurans. Kita pergi kepada *company* itu. Kalau *company* itu yang buat masalah, maka inilah yang kita perlu ada PIDM hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kering tekak Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya amat bersetujulah dengan rang undang-undang ini untuk kawal selia, untuk mengambil alih syarikat-syarikat yang tidak berdaya maju. Ingin saya tanya, adakah kementerian bercadang untuk mengkaji modul-modul yang dipakai oleh negara-negara lain, yang bagus untuk masalah ini? Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengingatkan diri saya dan semua sediakan payung sebelum hujan, jangan terhantuk baru tengadah, jangan sampai nasi jadi bubur. Bagan Serai terus menyokong akta ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Labuan lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Labuan.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Sedikit sahaja.

### 5.27 ptg.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang untuk saya menyokong. Saya terus terang menyokong pindaan kepada rang undang-undang yang sangat baik ini. Saya ucapan tahniah kepada kementerian kerana mengadakan rang undang-undang untuk memperkemaskan lagi sistem perlindungan kepada pendeposit supaya keyakinan kepada sistem perbankan negara ini meningkat lebih tinggi.

Apa yang saya ingin tanyakan di sini, cuma apakah kadar kegagalan bank ataupun insurans di Malaysia selama ini dibandingkan dengan negara-negara lain? Sekiranya ia rendah, ini bererti *surplus* ataupun keuntungan PIDM ini akan menjadi tinggi. Kita mahu 250 perlindungan kepada deposit itu dipertingkatkan dari semasa ke semasa memandangkan nilai *purchasing power* ataupun ringgit juga terus berubah dari semasa ke semasa. Itu sahaja yang saya ingin

tanyanya dan saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan. Terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Sekijang.

### **5.29 ptg.**

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya ruang untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2015 ini.

Tuan Yang di-Pertua, PIDM yang diwujudkan pada tahun 2005 di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, berperanan mentadbir sistem insurans deposit dan sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans untuk melindungi pendeposit dan pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya sesebuah institusi ahli mengalami kegagalan. Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, boleh habiskah dalam masa 10 minit Yang Berhormat?

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kalau tidak, sambung nanti.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Sempat, sempat 10 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya?

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Sempat 10 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** 10 minit.

### **■1730**

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Melalui kewujudan ini juga PIDM diberi mandat untuk menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang wajar dalam sistem kewangan serta menggalak dan menyumbang kepada sistem kestabilan sistem kewangan. Sudah tentu kewujudan PIDM ini memberi kelegaan kepada rakyat Malaysia bagi memastikan wang simpanan mahupun manfaat polisi insurans mereka senantiasa diberi perlindungan daripada kerugian akibat kegagalan tadbir urus niaga institusi kewangan pilihan mereka.

Justeru saya menyambut baik cadangan penambahbaikan PIDM ini bagi memastikan kelancaran operasinya secara efektif serta kecekapannya. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat satu persatu cadangan pindaan dalam rang undang-undang ini. Terdapat tiga pindaan utama yang mana kesemua pindaan ini adalah bersifat teknikal dan lebih menjurus kepada kelancaran fungsi serta peranan PIDM. Ini bermakna pindaan ini tidak banyak melibatkan pengguna secara langsung. Perkara penting yang perlu dilakukan oleh PIDM selepas ini adalah Program Penerangan kepada pengguna dalam memastikan mereka peka akan kewujudan PIDM berserta fungsi dan peranan yang dimainkan oleh PIDM dalam melindungi hak pendeposit iaitu pelanggan kepada institusi kewangan yang merupakan institusi anggota PIDM sama ada syarikat perbankan mahupun syarikat insurans.

Rata-rata rakyat Malaysia masih belum jelas peranan PIDM ini walaupun terdapat hebatan melalui promosi iklan di radio serta televisyen namun ia masih belum cukup untuk memberi kefahaman kepada orang ramai. Ramai rakyat di luar sana yang masih beranggapan jaminan yang diberikan PIDM adalah satu servis yang perlu dibayar dan sudah tentu apabila ada tanggapan begini ia menimbulkan kegusaran kepada mereka. Justeru itu adalah satu keperluan kepada PIDM ini untuk melipat gandakan sesi penerangan secara bersemuka dengan orang ramai bagi menerangkan fungsi kewujudan PIDM.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat makluman juga. PIDM ada mengadakan satu program yang dipanggil TTT bagi melatih dan mengiktiraf penceramah daripada syarikat insurans dan pengendali takaful. Supaya mereka boleh mengendalikan taklimat mengenai sistem perlindungan *consumer* kewangan yang merangkumi topik, sistem perlindungan *consumer* kewangan yang ditadbir oleh PIDM khususnya sistem insurans deposit serta sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans. Saya melihat usaha ini adalah satu usaha yang baik kerana ianya bukan sahaja memberi peluang pekerjaan kepada rakyat terutamanya generasi muda malah mampu menambah pendapatan sedia ada kepada pegawai-pegawai daripada syarikat insurans yang terlibat apabila mereka mengendalikan ceramah di tempat lain.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar Program 3T ini diperluaskan lagi di seluruh negara. Terutamanya kepada pelajar di institusi pengajian tinggi bagi membolehkan mereka yang terlibat dalam program ini dilantik terus menjadi ejen propaganda PIDM bagi memberi kesedaran kepada orang ramai tentang peranan yang dimainkan oleh PIDM dalam melindungi hak pengguna.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Sepang bangun Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya, sikit sahaja sikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Sekijang. Yang Berhormat Sekijang, tadi Yang Berhormat Sekijang kata pindaan kepada lebih teknikal. Cuma satu yang saya hendak tanya melalui Yang Berhormat Sekijang kalau Yang Berhormat Sekijang boleh jawab, jawablah kalau tidak mungkin boleh tanya kepada menteri. Saya lihat kepada pindaan terhadap perkataan deposit Islam. Kita tahu pindaan dalam undang-undang ini ada dua deposit, deposit Islam dan deposit konvensional. Kalau lihat dalam muka surat dua itu perkataan deposit Islam dipinda dengan memotong perkataan atas apa-apa asas termasuk jagaan atau perkongsian keuntungan.

*Concern* saya ialah adakah dengan pindaan ini secara tidak langsung kerajaan ataupun PIDM ini tidak akan menjamin mana-mana perbankan yang menawarkan produk-produk di bawah dipanggil PSIA iaitu *Profit Sharing Investment Accounts?* Bermakna kalau Mudarabah punya akaun ini kalau bank ada menawarkan itu kalau ada masalah kepada akaun itu berdasarkan *deletion* perkataan perkongsian keuntungan ini adakah itu tidak termasuk? Isu PSIA ini menjadi isu yang diperdebatkan adakah boleh dijamin, boleh pihak ketiga jamin sebab apa dia mestilah jadi saya rasa takut sekarang ini bank-bank yang menawarkan Mudarabah

sistem ini dia tidak akan dilindungi kerana *deletion* ini. Ini kerana pemotongan perkataan perkongsian keuntungan bagi definisi deposit Islam. Terima kasih.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Sepang. Saya kira seperti yang saya katakan tadi ini lebih kepada isu teknikal. Saya sarankan kita dengar jawapan daripada pihak Menteri tentang perkara berkenaan. Boleh, Yang Berhormat Sepang?

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung. Cadangan ini juga dilihat mampu menjadi *value added* kepada pelajar di IPT apabila memasuki alam pekerjaan melalui sijil yang dikeluarkan oleh PIDM. Selain mampu meningkatkan tahap *soft skill* mereka apabila berdepan dengan orang ramai semasa program penerangan diadakan. Sebab itulah saya melihat cadangan untuk Program 3T ini boleh memberikan satu nilai tambah kepada pelajar-pelajar di peringkat IPT.

Bagi merealisasikan perkara ini saya berharap pihak PIDM dapat bekerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dengan mencari satu mekanisme agar Program 3T ini dapat diperluaskan lagi konsepnya kepada pelajar-pelajar. Kalau mungkin bukan di IPT mungkin di peringkat menengah rendah. Memandangkan PIDM turut menjalankan inisiatif kesedaran awal yang diberi nama *PIDM MoneySmart 123*. Saya merasakan adalah satu peluang bagi PIDM bagi mengembangkan kepekaan orang ramai terhadap kesedaran *consumer* kewangan mengenai pelbagai produk dan penyedia perkhidmatan kewangan. Risiko yang berkaitan dengan setiap produk dan juga hak-hak mereka sebagai *consumer* kewangan melalui Program 3T ini dapat dipertingkatkan di peringkat IPT.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada PIDM kerana turut menawarkan biasiswa kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran di peringkat IPT. Ini adalah satu usaha yang baik bagi mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan semata-mata. Saya mengharapkan usaha murni PIDM ini dapat terus diperkembangkan melalui pelbagai promosi dan hebatan pada masa yang akan datang. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja perbahasan saya dan saya menyokong pindaan Rang Undang-undang PIDM ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, terima kasih. Selepas ini menteri menjawab bagaimanapun jawapan akan dimulakan pada 2 Disember 2015. Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingin memaklumkan bahawa perbahasan DR.28/2015 Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia pindaan 2015 akan disambung semula perbahasan setelah Rang Undang-undang Perbekalan 2016 dan usul-usul berkaitan dengannya dibahaskan dan diputuskan. Perbahasan akan disambung pada 2 Disember 2015. Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 4 petang hari Jumaat, 23 Oktober 2015.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.37 petang]*